

AKTIVITI PERTANIAN MASYARAKAT LUAR BANDAR
(Satu Kajian Kes Di Kampung Bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan)

Jabatan Antropologi dan sosiologi

No. Kelas:

No Perolehan:


Tarikh: ... 4 APR 1987

NOR AZINA BT. ISMAIL


No. Matrik: 046222

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera


JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESI 1986/87



Peta 1: Pertanian Di Kawasan Kajian (Kampung Bukit Abal)



Peta 2: Pelan Susunatur dan Unit Pengairan KADA Pasir Puteh



Peta 3: Daerah Bukit Abal Jajahan Pasir Puteh

PENGHARGAAN

BISMILLA-HIR-RAHMAN-NIR-RAHIM
Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurniaNya, maka dapat saya menyiapkan latihan ilmiah ini dengan selamatnya. Mengambil kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak ternilai dan jutaan terima kasih kepada beberapa pihak yang terlibat dan bertanggungjawab terhadap kajian dan penulisan latihan ilmiah ini.

Pertama sekali saya merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Mohd. Nor Nawawi selaku penyelia penulisan dan juga penyelia kawasan, yang telah begitu banyak memberi teguran dan tunjukajar kepada saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Di samping itu saya juga tidak melupai jasa baik mereka di Jabatan Antropologi dan Sosiologi iaitu:

- Prof. Madya Dr. Zainal Kling yang telah banyak memberi nasihat dan dorongan.
- Kak Jah yang sudi menaip latihan ilmiah ini.

Para Pegawai KADA:

- Encik Zawawi Yusoff, Pegawai Perhubungan Awam (PRO)

KADA, Kota Bharu, yang telah banyak membantu saya semasa kajian bagi latihan ilmiah ini.

- Encik Salehuddin Ismail, Pengurus Kawasan dan Encik Nordin Konok, Juruteknik Pertanian (JTP), masing-masing di Pusat Kemajuan Peladang (PKP) Cherang Rotan, Padang Pak Amat.

Penduduk Kampung Bukit Abal:

- Penggawa, Kerani dan Penghulu daerah Bukit Abal
 - Cikgu Ibrahim (Ayah Su) dan Pak Su Ya yang telah banyak membantu

Semoga Allah jua yang dapat membalas dan memberkati jasa baik kalian semua.

Teman-Teman:

- Rakan-rakan sekuliah
 - Member-member di Unit 117B dan 121 (sesi 1986/87),
 Flat PKNS, Seksyen 17, Petaling Jaya

Musim-musim bersama kalian memberiku seribu kebahagiaan. Semoga Tuhan memberkati perjuangan suci kalian seterusnya.

SINOPSIS

Kampung Bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan telah dijadikan kampung kajian bagi penulis untuk penulisan latihan ilmiah sesi 1986/87. Tumpuan penulis terhadap kajian ini ialah tentang kegiatan ataupun aktiviti pertanian yang dijalankan oleh penduduk di sini. Kajian ini dirasakan perlu memandangkan hampir 80% daripada penduduk di kampung ini terlibat dengan bidang pertanian, terutamanya penanaman padi sebagai sumber utama penghidupan mereka.

Latihan ilmiah ini mengandungi 6 bab. Dalam Bab I, penulis menghuraikan secara ringkas mengenai bidang dan tujuan kajian, metode kajian, masalah kajian serta kepentingan kajian tersebut. Di dalam bab ini juga dimasukkan beberapa konsep penting yang digunakan dalam kajian ini, seperti konsep petani, pembangunan dan modenisasi, konflik sosial serta konsep adaptasi.

Bab II menerangkan latarbelakang kawasan kajian yang merangkumi sejarah awal kampung, latarbelakang dari segi geografi politik, taburan penduduk serta pola penempatan mereka. Dalam bab ini diterangkan juga mengenai latarbelakang petani dan juga kemudahan-kemudahan asas yang terdapat di kampung ini.

Bab III menghuraikan tentang latarbelakang KADA sebagai satu agensi kerajaan yang penting dalam bidang pertanian di Kampung Bukit Abal ini. Tumpuan penulis dalam bab ini adalah lebih kepada

peranan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KADA dalam membangun dan memajukan lagi para petani dalam bidang pertanian mereka.

Bab IV membincangkan tentang aspek-aspek ekonomi, sosial dan politik para petani, di mana dalam bidang ekonomi itu ia merangkumi masalah-masalah yang wujud semasa menjalankan aktiviti pertanian ini. Dari aspek sosial, penekanan lebih diberi kepada pelajaran, interaksi serta mobiliti sosial yang wujud di kalangan para petani di sini. Manakala dari aspek politik pula, ianya membincarakan tentang pengaruh parti-parti politik dalam penghidupan petani.

Bab V mengatakan tentang sikap petani terhadap pembaharuan, pemodenan dan perubahan yang dibawa oleh kerajaan dalam kehidupan pertanian mereka. Sikap-sikap ini termasuklah sikap negatif dan positif, serta diterangkan juga faktor-faktor yang mempengaruhinya, iaitu faktor-faktor sampingan yang menyebabkan wujudnya sikap sedemikian di kalangan petani.

Bab VI merupakan bab yang terakhir. Dalam bab ini diterangkan beberapa kelemahan yang terdapat dalam projek yang dilaksanakan oleh kerajaan dan juga membincarakan cara-cara untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut. Dalam bab penutup ini juga, penulis mengemukakan beberapa saranan yang dirasakan perlu diberi perhatian bagi faedah bersama dan juga bagi kepentingan bidang pertanian seluruhnya.

KANDUNGAN

	Halaman
PETA-PETA	i
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	vi
DAFTAR KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	xi
 BAB I : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan dan Bidang Kajian	2
1.3 Kaedah Kajian	5
1.4 Masalah Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Penanaman Padi Di Malaysia Secara Umum	14
1.7 Konsep-Konsep Penting Yang Digunakan Dalam Kajian Ini	19
 BAB II : LATARBELAKANG KAMPUNG	
2.1 Pengenalan	36
2.2 Sejarah dan Geografi	36
2.3 Organisasi dan Institusi Kepimpinan	38
2.4 Penduduk dan Penempatan	41
2.5 Pekerjaan dan Aktiviti Ekonomi	44
2.6 Kemudahan Infrastruktur	46

BAB III : LATARBELAKANG AKTIVITI-AKTIVITI KADA

3.1 Pengenalan	50
3.2 Latarbelakang KADA	51
3.3 Projek Pengairan KADA	53
3.4 Organisasi Pentadbiran KADA	57
3.5 Program-Program KADA	62
3.6 Peranan dan Aktiviti KADA Di Kampung Bukit Abal	65
3.6.1 Pengenalan dan Latarbelakang Pertubuhan Peladang Cherang Rotan	65
3.6.2 Organisasi Pentadbiran Pertubuhan Peladang Kawasan	68
3.6.3 Kedudukan Ahli dan Saham	71
3.6.4 Peranan dan Aktiviti Pertubuhan Peladang Secara Umum	74
3.6.5 Aktiviti-Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Pertubuhan Peladang Cherang Rotan	76
3.7 Kesimpulan	86

BAB IV : EKONOMI, SOSIAL DAN POLITIK PETANI

4.1 Ekonomi	88
4.1.1 Hakmilik Tanah	88
4.1.2 Pendapatan dan Perbelanjaan	91
4.1.3 Hutang dan Pinjaman	95
4.1.4 Simpanan	97
4.1.5 Pemilikan Harta	98

DAFTAR JABAR DAN BILAH	<u>Halaman</u>
4.1.6 Kegiatan Penanaman Padi	100
4.1.7 Masalah-Masalah Dalam Pertanian	106
4.2 Sosial	112
4.2.1 Pendidikan	112
4.2.2 Peranan Media Massa	117
4.2.3 Interaksi Sosial	118
4.2.4 Mobiliti Sosial dan Migrasi	123
4.3 Politik	125
BAB V : PETANI DAN PEMODENAN	
5.1 Pengenalan	134
5.2 Sikap Petani Terhadap Perubahan	142
5.3 Faktor-Faktor Pembentukan Sikap Petani	151
BAB VI : PENUTUP	158
BIBLIOGRAFI	177
GAMBAR-GAMBAR	
LAMPIRAN-LAMPIRAN	
LAMPIRAN SOALSELIDIK	

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

	<u>Halaman</u>
Jadual 1 : Bilangan Penduduk Dari Segi Jantina Dan Umur	41
Jadual 2 : Status Kerja Penduduk Di Kampung Bukit Abal	44
Jadual 3 : Jumlah Keluarga Tani Dan Keluasan Tanah JPUP	67
Jadual 4 : Keahlian dan Saham	74
Jadual 5 : Kategori Petani	89
Jadual 6 : Pengusahaan Tanah	89
Jadual 7 : Agihan Pendapatan Ketua Rumahtangga Di Kampung Bukit Abal	92
Jadual 8 : Pendapatan Dan Perbelanjaan Bulanan Keluarga	94
Jadual 9 : Bilangan Isi Rumah Yang Memiliki Kenderaan	99
Jadual 10 : Penggunaan Jentera Pembajak	102
Jadual 11 : Tahap Pendidikan Ketua Keluarga	114
Jadual 12 : Jenis Sekolah Dan Bilangan Murid	116
Jadual 13 : Keanggotaan Dalam Parti Politik	127
Rajah 1 : Rajah Pentadbiran Daerah Bukit Abal	40
Rajah 2 : Carta Organisasi KADA	61
Rajah 3 : Carta Organisasi Pentadbiran Pertubuhan Peladang Cherang Rotan	70

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kelantan merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan kegiatan penanaman padi sejak dari dahulu lagi. Oleh yang demikian tidak hairanlah sekiranya ia diumpamakan sebagai "Negeri Jelapang Padi" yang kedua selepas negeri Kedah. Kedudukannya di sebelah timur Semenanjung Malaysia menjadikan ianya bertambah sesuai untuk bidang pertanian, kerana keadaan persekitaran dan tanah-tanah di kawasan ini adalah bertepatan dengan kegiatan ekonomi jenis ini. Tanahnya yang beralun dan menerima pula hujan pada musim-musim penanaman menjadikan aktiviti pertanian, terutamanya penanaman padi lebih diutamakan daripada kegiatan perekonomian yang lain.

Walaupun negara ini telah 29 tahun merdeka, tetapi erti kemerdekaan yang sebenarnya masih belum dinikmati sepenuhnya oleh penduduk di negeri ini, terutamanya di kawasan kajian iaitu Kampung Bukit Abal. Mereka masih lagi belum bebas dari belenggu kemiskinan yang mencengkam hidup mereka sejak zaman berzaman lagi. Oleh itu kajian ini diharap dapat memaparkan kepada umum sedikit sebanyak tentang realiti kehidupan mereka sehari-hari terutamanya dalam penyesuaian mereka dengan arus pembangunan dan pemodenan.

Dalam menjalani kegiatan ekonomi mereka, sememangnya para petani ini tidak dapat lari dari melibatkan diri dengan usaha-usaha kerajaan bagi memajukan lagi mereka dalam bidang ini. Di Kelantan, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) adalah merupakan satu perbadanan yang utama dalam memainkan peranannya secara langsung dalam kegiatan penanaman padi. Jadi, apa yang nyatanya kajian ini juga akan melihat bagaimana agensi kerajaan ini cuba melaksanakan program-programnya dalam meninggikan lagi taraf hidup penduduk di kampung ini khasnya dan penduduk di negeri Kelantan amnya.

1.2 Tujuan dan Bidang Kajian

Kebanyakan daripada penduduk luar bandar adalah terlibat secara langsung atau tidak dalam bidang pertanian terutamanya dalam penanaman padi. Sungguhpun aktiviti pertanian itu merangkumi berbagai jenis tanaman seperti penanaman getah, kelapa, kelapa sawit, tembakau, sayur-sayuran dan sebagainya, namun begitu tumpuan kajian akan diberi pada penanaman padi sebagai tanaman utama penduduk. Dalam mendapatkan rezeki melalui bidang ini, terdapat berbagai masalah yang wujud terutamanya di kalangan petani itu sendiri. Jadi, masalah-masalah inilah yang akan dikaji dan diteliti kelak. Ini dilakukan semata-mata untuk mendalamkan pengetahuan dan kefahaman tentang bentuk kedudukan masalah kaum tani, khususnya yang terdapat di kampung kajian tersebut. Dari sini secara tidak langsung kita akan dapat membuat satu kenyataan tentang keadaan sebenar pembangunan

yang wujud di kampung itu.

Aspek-aspek yang dikaji dalam aktiviti pertanian masyarakat luar bandar ini adalah meliputi aspek ekonomi, sosial dan politik.

(a) Aspek Ekonomi

- (i) Melihat dan mengkaji hal-hal yang berkaitan dengan bidang persawahan. Ini termasuklah hak milik tanah para petani, pendapatan, perbelanjaan, tanggungan dan sebagainya.
- (ii) Masalah-masalah yang wujud dalam menjalankan pertanian. Antaranya ialah masalah kekurangan tenaga kerja dan juga masalah pengairan.

(b) Aspek Sosial dan Politik

- (i) Dalam bidang ini, tumpuan akan lebih diberi pada hubungan sosial yang terjalin antara penduduk setempat. Adakah hubungan yang terjalin itu dapat membantu sedikit sebanyak ataupun melicinkan lagi aktiviti pertanian mereka.
- (ii) Juga melihat sejauhmana pelajaran yang telah dicapai oleh para petani dan juga oleh anak-anak mereka. Aspek ini penting terutamanya dalam mempengaruhi sikap mereka terhadap arus pemodenan yang wujud

sekarang ini, di mana pemodenan yang khususnya berpusat di bandar-bandar itu telahpun menular ke kampung-kampung.

- (iii) Penglibatan mereka dalam persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela juga harus diberi perhatian, terutamanya dalam melihat hubungan yang terjalin antara mereka dengan penduduk setempat menerusi persatuan-persatuan ini. Persatuan-persatuan ini termasuklah Persatuan Peladang, Syarikat Kerjasama, Pertubuhan Politik dan sebagainya.
- (iv) Juga melihat sikap politik mereka, terutamanya pengaruh parti-parti tertentu dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Agensi kerajaan seperti KADA juga memain peranan penting dalam memajukan lagi aktiviti pertanian masyarakat luar bandar ini. Jadi, kajian akan dilakukan juga ke atas agensi ini dalam usahanya untuk meninggikan lagi pengeluaran padi negara dan juga taraf hidup para petani. Kajian ini meliputi program-program dan sumbangan KADA dalam aktiviti pertanian. Ini semata-mata bertujuan untuk menentu sejauhmana peranan yang dimainkan itu memberi kesan pada masyarakat yang dikaji, sama ada telah mengalami perubahan atau masih lagi berada di tahap yang lama. Keberkesanan ini adalah dinilai dari segi kedudukan ekonomi dan sosial di kampung itu.

Juga untuk melihat bagaimana penerimaan petani di kawasan yang dikaji itu terhadap program yang telah dilaksanakan oleh pihak KADA itu. Apakah amalan-amalan lama itu masih lagi dipraktikkan oleh mereka dalam bidang pertanian ini, terutamanya selepas kewujudan KADA kira-kira 13 tahun yang lampau. Aspek ini lebih menekankan kepada sikap petani itu sendiri dalam menerima unsur-unsur moden dari luar.

Untuk mengesan dan mengemukakan kritikan serta cadangan dalam memperbaiki kedudukan perjalanan agensi KADA di kampung kajian. Ini adalah untuk kepentingan bersama terutamanya dalam meninggikan lagi taraf hidup para petani di kampung tersebut.

1.3 Kaedah Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah yang dianggap penting dalam memperolehi maklumat-maklumat yang dikehendaki.

(a) Soalselidik (Questionnaire)

Dalam kaedah soalselidik ini, seramai 50 orang petani telah dipilih secara "random sampling". Cara mendapatkan data ialah secara temuduga dengan menggunakan satu set borang soalselidik yang telah disediakan. Borang soalselidik ini akan diisi sendiri oleh pengkaji. Ini dilakukan memandangkan kebanyakan daripada para petani yang mendiami kampung tersebut tidak ber-

pelajaran dan bimbang kalau-kalau apa yang dinyatakan oleh mereka dalam borang soalselidik itu kelak bertentangan dengan apa yang dikehendaki oleh pengkaji.

Soalan-soalan yang terdapat dalam soalselidik ini adalah berbentuk soalan tertutup (close-ended) dan soalan terbuka (open-ended). Soalan sebegini amat popular sekali digunakan kerana ia memudahkan pengkaji mendapatkan data. Penggabungan kedua jenis soalan ini amatlah berkesan sekali. Dengan kata lain, menurut K. Bailey:

"Close-ended or fixed alternative question require only that the interviewer read the question and mark the appropriate answer. Open-ended questions, however, can require the interviewer to transcribe a lengthy statement."

(1975: 172)

Soalan berbentuk terbuka lebih memberikan kesan dan maksud yang jelas mengenai data atau maklumat yang dikehendaki. Sebabnya ialah responden tidak merasa terkongkong untuk menjawabnya berbanding dengan soalan tertutup yang menghendaki jawapan yang telah disediakan oleh pihak pengkaji.

(b) Temubual (Interview)

Temubual secara formal dan tidak formal telah dilakukan juga oleh pengkaji bagi memperolehi maklumat-maklumat yang diperlukan. Temubual secara formal adalah temubual secara langsung antara pengkaji

dengan "informant" tertentu untuk mendapatkan data. Ini termasuklah menemubual Penggawa Daerah Bukit Abal, Penghulu Mukim dan beberapa orang tertentu yang lain secara formal. Temubual secara formal ini juga dilakukan dengan beberapa orang pegawai KADA bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan, seperti program-program dan sumbangan yang dijalankan oleh pihak KADA. Pegawai-pegawai yang ditemubual ini adalah terdiri daripada para pegawai peringkat jajahan dan peringkat negeri.

Manakala temubual secara tidak formal atau tidak langsung bermaksud pengkaji berjumpa dan berbual sendiri dengan responden mengenai sebarang masalah dan secara tidak langsung menyelitkan beberapa soalan yang ingin diketahui jawapannya dari responden dalam masa perbualan tadi.

Cara yang kedua ini paling pengkaji gemari kerana ia lebih senang mendapatkan data. Menurut Abu Hassan Othman dalam bukunya "Kaedah Penyelidikan Sosial":

"Temubual merupakan proses interaksi di antara penemubual dengan respondennya. Tujuannya ialah untuk mendapatkan data-data penting, bertukar-tukar fikiran dan pengalaman."

(W. Hashim, 1980: 7)

Semasa menjalankan kajian, pengkaji telah menggunakan kedua-dua kaedah ini bagi mendapatkan data yang lengkap lagi "up-to-date". Dengan adanya temubual secara informal, kadangkala

tanpa disedari responden memberikan maklumat yang dikehendaki sebelum soalan lain dikemukakan terlebih dahulu. Ini disebabkan oleh responden lebih senang diajak berbual dari menjawab soalan dan mengisi borang soalselidik. Ia juga boleh dibuat pada bila-bila masa saja berbanding dengan temubual secara formal yang memerlukan masa tertentu. Masalah responden yang buta huruf juga dapat diatasi dengan kaedah ini, semata-mata bagi memudahkan lagi kajian.

(c) Pengumpulan Data

Kaedah ini penting dalam memperolehi data-data yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan itu. Maklumat-maklumat mengenai penduduk kampung akan didapati dari Pejabat Penggawa Kampung Bukit Abal. Manakala data-data dan maklumat-maklumat berkenaan dengan KADA akan diperolehi melalui pejabat KADA itu sendiri, iaitu di Pertubuhan Peladang Cherang Rotan yang terletak di Kampung Padang Pak Amat dan juga di Ibu Pejabat KADA yang berpusat di Kota Bharu.

(d) Penyelidikan Perpustakaan (Library Research)

Kaedah ini adalah diperlukan dalam mendapatkan rujukan yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Penelitian akan dibuat ke atas teks-teks yang dikira relevan dengan bidang kajian. Di samping buku-buku rujukan, majalah dan juga kertaskerja-kertaskerja seminar juga akan diberi perhatian bagi melengkapkan lagi kajian yang dibuat ini.

1.4 Masalah Kajian

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji terpaksa berdepan dengan beberapa masalah dan kesulitan. Di antara masalah yang dihadapi oleh pengkaji itu termasuklah masalah lokasi, masa, responden, soalan dan masalah para pegawai jabatan itu sendiri.

Lokasi

Sungguhpun kajian yang dilakukan ini merupakan satu kajian kes dan dibuat di kampung pengkaji sendiri, namun begitu masalah lokasi tetap menjadi masalah utama. Keadaan ini wujud disebabkan oleh Kampung Bukit Abal yang menjadi kampung kajian itu terbahagi kepada dua bahagian kampung atau lebih dikenali sebagai mukim. Bahagian pertama kampung ini dinamakan Kampung Bukit Abal Timur ataupun lebih dikenali sebagai Mukim Cherang Rotan, manakala satu bahagian lagi dinamakan Mukim Bukit Abal Barat.

Walaupun ternyata kedua-dua bahagian kampung ini adalah bersebelahan antara satu sama lain, namun begitu jarak antara kedua-dua bahagian ini adalah jauh. Jadi, bagi memudahkan kajian, maka pengkaji terpaksa membahagikan masa kajian kepada dua peringkat masa, 15 hari iaitu bermula 1hb. April hingga 15hb. April 1986 di Kampung Bukit Abal Barat dan 15 hari lagi iaitu bermula 16hb. April 1986 hingga 1hb. Mei di Kampung Bukit Abal Timur atau Mukim Cherang Rotan, bagi menjadikan jumlahnya sebanyak 30 hari.

Masa

Masalah masa juga merupakan satu masalah yang tidak kurang pentingnya semasa menjalankan kajian. Memandangkan pengkaji menggunakan borang soalselidik bagi mengumpul sebarang maklumat dari para responden, maka pengkaji terpaksa berjumpa "face to face" dengan para petani. Bagi memperolehi "first hand data" maka terpaksa pengkaji pergi sendiri ke tempat kajian dan bersempua dengan para petani yang menjadi responden pengkaji.

Apa yang menjadi masalah kepada pengkaji ialah kesulitan hendak bertemu dengan para petani itu. Ini disebabkan oleh petani yang menjadi ketua keluarga dalam sesebuah rumah tangga itu kebanyakannya berada di sawah mereka masing-masing semasa pengkaji berkunjung ke rumah mereka. Kalau adapun cuma isteri dan anak-anak mereka saja. Jadi, bagi mengatasi masalah ini, maka terpaksa pengkaji mengadakan "follow up visit" pada hari-hari yang lain, terutamanya pada hari Jumaat ataupun pada waktu tengahari, kerana pada masa ini kebanyakan daripada para petani pulang ke rumah masing-masing untuk makan dan bersembahyang. Pengkaji akan mengikut petani ke tempat kerja mereka atau ke sawah-sawah bagi menemubual mereka, sekiranya ada kes-kes di mana responden berkenaan terlalu susah hendak ditemui.

Responden

Pengkaji juga kadang-kadang terpaksa berdepan dan tidak

dapat lari dari menerima tanggapan negatif para responden terhadap pengkaji. Kedatangan pengkaji ke rumah sebahagian daripada responden itu nampaknya tidak disenangi oleh mereka. Sungguhpun mereka telah diberitahu terlebih dahulu akan kedatangan pengkaji ke rumah mereka oleh Penghulu Kampung tersebut, namun demikian mereka tetap merasa sangsi dengan ketibaan pengkaji itu. Jadi, bagi mengatasi masalah ini, maka terpaksalah pengkaji menerangkan berkali-kali apa yang dikehendaki oleh pengkaji dan tujuan sebenar kajian tersebut.

Terdapat juga sebahagian daripada responden yang agak sensitif terhadap soalan yang ditanya terutamanya soalan-soalan yang menyentuh isu-isu politik, penyelewengan subsidi, hubungan mereka dengan para pegawai KADA dan sebagainya. Bila soalan mengenai pendapatan diajukan kepada mereka, rata-rata jawapan yang diberi oleh mereka adalah tidak memuaskan. Perkataan "cukup makan" yang dijawab oleh mereka adalah menyulitkan penganalisaan kerana pendapatan sebenar tidak diketahui oleh pengkaji. Jadi, bagi mengatasi data yang "bias" ini, maka terpaksalah pengkaji membuat "cross-checking", iaitu dengan cara melihat berapa perbelanjaan dan juga tanggungannya.

Soalan

Kadang-kadang soalan yang diajukan kepada petani itu tidak berapa difahami oleh mereka dan ini menjadikan jawapan yang diberikan oleh mereka adalah tidak menepati apa yang dikehendaki oleh pengkaji. Keadaan ini wujud mungkin disebabkan oleh buta huruf dan kurangnya

pergaulan mereka dengan masyarakat luar. Jadi, bagi membolehkan mereka memahami soalan-soalan itu dengan lebih jelas lagi, maka terpaksa pengkaji menerangkannya dengan bahasa yang mudah dan seringkas yang boleh.

Boleh dikatakan hampir 80% daripada responden yang di-temubual itu gemar pada soalan yang berbentuk terbuka (open-ended) kerana soalan jenis ini memudahkan mereka untuk "bersempang" dengan pengkaji ataupun jiran tetangga yang berkebetulan turut sama dalam temubual itu. Perbualan begini sungguhpun setengah daripadanya terkeluar dari apa yang terdapat dalam borang soalselidik, namun begitu ia sedikit sebanyak dapat juga membantu pengkaji memerhati dan menilai sejauhmana tahap pemikiran penduduk di kampung ini amnya dan para petani khususnya.

Pegawai Jabatan

Masalah kajian tidak saja tertakluk pada responden saja, malah para pegawai jabatan terutamanya para pegawai KADA juga banyak menimbulkan masalah. Pengkaji terpaksa ke pejabat berkenaan beberapa kali semata-mata ingin bertemu dengan pegawai berkenaan bagi memperolehi maklumat yang dikehendaki.

Keadaan ini wujud disebabkan oleh kebiasaan para pegawai tersebut akan keluar membuat lawatan ke kampung-kampung dan kawasan seliaannya. Jadi, bagi mengelak pengkaji dari membuang masa berulang

alik ke pejabat berkenaan, maka satu temu janji ataupun "appointment" terpaksa dibuat. Selalunya "appointment" ini akan dilakukan melalui telefon kerana ianya lebih mudah dan kosnya juga adalah murah.

Sungguhpun masalah dan kesulitan-kesulitan yang dinyatakan di atas itu sedikit sebanyak menjelaskan kajian yang dilakukan, namun begitu pada keseluruhannya kerjasama yang didapati baik dari penduduk setempat mahupun para pegawai jabatan adalah sungguh memuaskan.

1.5 Kepentingan Kajian

Sungguhpun kajian mengenai kemiskinan petani dan masalah-masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh mereka itu telah banyak diperkatakan orang, namun begitu penyelidikan ini akan memberikan kita satu gambaran yang lebih jelas tentang apakah sebenarnya masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka itu.

Hasil dari penyelidikan yang dilakukan juga dapat dibuat satu penilaian yang terperinci tentang peranan KADA dalam perekonomian para petani, iaitu setakat mana KADA telah mencapai kejayaan dalam usahanya untuk meninggikan tarat hidup petani di kampung ini. Kajian ini juga mustahak untuk memberi kesedaran tentang pentingnya pembangunan itu terhadap sektor pertanian iaitu hasil dari penglibatan teknologi-teknologi moden yang dibekalkan oleh pihak KADA. Serta bagaimana pula penerimaan petani dalam menyesuaikan diri dengan arus pemodenan itu.

Selain daripada itu, kajian juga dapat memberikan kita gambaran tentang keadaan sosio-ekonomi petani-petani dalam kawasan-kawasan yang diselenggarakan oleh pihak KADA, terutamanya dari segi:

- (a) Sifat sosial petani
- (b) Perhubungan petani-petani dengan agensi kerajaan tersebut
- (c) Kedudukan serta keluasan tanah dan penyewaan
- (d) Aturcara penanaman padi dan penggunaan faktor-faktor input
- (e) Harta dan pendapatan petani

1.6 Penanaman Padi Di Malaysia Secara Umum

Padi merupakan satu tanaman penting bagi Malaysia kerana ia merupakan makanan asasi rakyat di negara ini. Penanaman padi di Malaysia sudah bermula sejak berkurun-kurun dahulu, iaitu yang dimulai dengan bertanam padi bukit sehingga menanam padi sawah seperti yang terdapat pada hari ini. Sungguhpun kerajaan negara kita begitu giat dalam usahanya untuk meninggikan lagi pengeluaran padi dan beras dalam negara, namun begitu hasil beras ini ternyata tidak mencukupi untuk memenuhi kehendak dan permintaan semua rakyat Malaysia. Oleh yang demikian tidak hairanlah sekiranya kita terpaksa lagi mengimport beras dari negara-negara luar terutamanya Thailand dan Burma.

Secara umumnya penduduk luar bandar membentuk kira-kira 70% daripada penduduk negara di mana sebahagian besarnya adalah terlibat dengan pertanian dan pekerjaan-pekerjaan lain yang berkaitan. Aktiviti-aktiviti ini merupakan satu cara hidup mereka dan bukannya lagi sebagai suatu pekerjaan untuk ekonomi hidup mereka. Hakikat ini bersesuaian dengan pandangan Sorokin yang mengatakan:

"Rural society is composed of a totality of individuals actively engaged in an agricultural pursuit such as the collection and cultivation of plants and animals, and the totality of their children - a passive rural population."

(New York, Vol. 1)

Keseluruhan masyarakat luar bandar biasanya terdiri dari individu-individu yang terlibat dalam pekerjaan pertanian seperti pengumpulan dan penanaman tanaman dan pemeliharaan binatang, di samping anak-anak mereka juga terikat dengan pekerjaan yang dianggap "passive" oleh setengah orang ini.

Di samping Malaysia, kawasan yang ditanam dengan padi adalah di kawasan-kawasan luar bandar ini, yang rata-ratanya didiami oleh para petani yang hidup dalam serba kekurangan. Kawasan yang banyak ditanam dengan padi, ialah di kawasan utama Semenanjung Malaysia iaitu berpusat di dua bahagian tempat. Satunya di Dataran Kedah di Barat Laut dan satu lagi di Dataran Kelantan di Timur Lautnya.

Aktiviti penanaman padi telah berkembang pesat pada pertengahan abad ke 19, iaitu selepas kedatangan Siam ke negeri-negeri di Semenanjung, terutamanya Kedah dan Kelantan. Pada peringkat awalnya padi ditanam di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kawasan-kawasan ini saja dan diusahakan pula secara "subsistence". Tetapi setelah adanya pembukaan kawasan-kawasan pertanian padi yang baru dan juga pembinaan terusan-terusan bagi pengaliran air dengan secukupnya, maka penanaman padi telah berubah corak, iaitu dari sifat "subsistence"nya kepada sifat "commercial"nya.

Kawasan-kawasan padi yang tertua di Pantai Barat iaitu yang telah dimajukan oleh kaum imigran terletak di kawasan dataran pantai yang sempit di sekeliling Melaka. Untuk memenuhi permintaan beras dari Negeri-Negeri Selat, maka kawasan padi yang baru kemudiannya dibuka di Province Wellesley dan Krian. Kawasan-kawasan tanaman padi ini kemudiannya dimajukan lagi selepas Perang Dunia Kedua.

Dalam tahun 1971, jumlah kawasan tanaman padi ialah 373,000 hektar, di mana 159,000 hektar iaitu sebanyak 42.7% merupakan kawasan yang diusahakan tanaman padi dua kali setahun. Kebanyakan hasil padi datangnya dari Dataran Kedah yang terletak merentang dari Negeri Kedah ke Perlis di kawasan pantai barat laut. Dari kawasan ini sahaja, iaanya merangkumi $\frac{1}{3}$ daripada keseluruhan pengeluaran padi di Semenanjung Malaysia. Kebanyakan kawasan ini mengalami tanaman padi dua kali setahun dengan adanya Projek Pengairan Muda.

Kawasan kedua yang terbesar dalam penanaman padi terletak dalam kawasan tanah rendah; di sekitar Sungai Kelantan di pantai timur laut. Kawasan ini termasuklah kawasan pengairan di Lemal, Pasir Mas, juga kawasan lain yang diairi oleh Rancangan Pengairan Kemubu. Kawasan penanaman padi di selatan negeri Pulau Pinang dan utara Perak adalah kawasan penanaman padi dua kali setahun yang tertua sekali berbanding dengan kawasan-kawasan yang telah dinyatakan. Kawasan penanaman padi yang lain yang dikira agak luas ialah di Tanjung Karang, Selangor, di Besut, Trengganu dan di Dataran Melaka.

Dalam tahun 1975, kawasan yang ditanam dengan padi di Semenanjung Malaysia meningkat sebanyak 585,000 hektar. Sungguhpun peningkatan pengeluaran ini tidak berupaya untuk menampung keperluan penduduk, namun demikian bidang pertanian merupakan satu-satunya bidang yang menyediakan banyak tenaga buruh kepada penduduk negara. Ini bersesuaian dengan apa yang dikatakan oleh Narkswasdi iaitu:

"Although rice production contributed only 3.6% to the total GDP, nevertheless 19% of the total labour force of the country (West Malaysia) was employed in rice cultivation."
(1968: 37 - 38)

Memandangkan betapa pentingnya sektor pertanian luar bandar ini kepada perekonomian negara, maka tidak hairanlah sekiranya berbagai teknik penanaman dan pengendalian tanaman padi telah cuba diperbaiki oleh kerajaan dari masa ke semasa. Alatan jentera moden telah diperkenalkan kepada para petani, di samping penggunaan

benih-benih padi yang bermutu. Satu daripada polisi kerajaan untuk menambahkan lagi hasil pengeluaran padi ialah dengan cara menanam jenis padi yang memerlukan masa yang pendek dan tidak sensitif pada persekitaran yang kering. Kombinasi tenaga ahli-ahli penyelidikan negara kita dengan beberapa orang "specialist" dari Jepun, maka lahirlah padi jenis Malinja dalam tahun 1968 dan ternyata ianya mendapat sambutan hangat dari petani lantaran hasil yang diperolehi adalah memuaskan.

Bolchlat dikatakan bahawa penanaman padi di Malaysia telah diimplementasikan dalam bentuk yang lebih baik daripada negara-negara pengeluaran padi yang lain di dunia ini. Rancangan pengairan moden yang menelan belanja berjuta-juta ringgit itu, sedikit sebanyak telah berjaya meninggikan taraf hidup para pesawah padi, walaupun ternyata matlamat dasarnya sukar ditepati dengan sepenuhnya. Walaupun sekarang ini harga padi telah meningkat dengan adanya kemudahan taliair dan inisiatif kerajaan dalam bidang ini, namun begitu dari segi "real income" mereka, tidak banyak yang berubah. Ini disebabkan oleh kos bagi "means of production" adalah semakin mahal dan tidak setanding dengan hasil yang mereka perolehi. Keadaan ini, sesungguhnya amat susah untuk diatasi, kecuali dengan adanya kerjasama di antara para petani dan kerajaan dalam usaha ke arah kepentingan bersama.

1.7 Konsep-Konsep Penting Yang Digunakan Dalam Kajian Ini

Petani

Sekiranya ditinjau tulisan yang memperkatakan tentang komuniti tani, jelas sekali terdapat beberapa takrifan dan pemahaman yang berbeza antara ahli-ahli sains sosial terhadap konsep itu. Antara orang yang mula-mula sekali memberi takrifan tentang komuniti ini ialah Kroesber (1948), di mana beliau merupakan orang awal yang mengemukakan istilah "petani" (peasant) dalam institusi sosial. Apa yang menarik tentang masyarakat ini ialah di satu pihak, kajian ke atas orang-orang ini adalah amat baru, di mana orang yang dinamakan petani ini mendapat perhatian ahli-ahli sains sosial selepas Perang Dunia Kedua. Di pihak yang lain pula, orang-orang yang dikenali sebagai petani ini sudah wujud sejak beribu-ribu tahun dahulu lagi, iaitu bersama bermulanya tamadun manusia.

Manakala ahli-ahli antropologi yang mengkaji masyarakat primitif dan masyarakat tani, selalunya mensifatkan "petani" itu sebagai "rural cultivators", (E. Wolf, 1966: 2) di mana mereka ini menjalankan aktiviti bercucuk tanam dan tinggal pula di kawasan-kawasan luar bandar. Bagi ahli-ahli antropologi ini, para petani itu tidak boleh dianggap sebagai seorang peladang ataupun sebagai ahli-ahli perniagaan pertanian sebagaimana petani yang dikenali di Amerika Syarikat. Apa yang nyatanya ialah petani itu lebih menumpukan aktiviti mereka dalam lingkungan rumah tangga dan hasil pertanian itu digunakan

pula untuk keperluan keluarga, tidak untuk tujuan berjual beli sebagaimana yang terdapat pada petani-petani moden di dunia Barat. Kadang-kadang petani ini juga dianggap oleh ahli-ahli antropologi sebagai satu masyarakat yang primitif yang tidak begitu terdedah pada kemajuan dan tidak pula peka pada pemodenan.

Menurut Gould dalam "A Dictionary of the Social Sciences", masyarakat petani itu boleh didefinisikan sebagai:

"Sub-society of a large stratified society which is either pre-industrial or only partly industrialized. It is further characterised by most or all of the following traits: rural residence; familial agriculture on self-owned land holdings or other simple rural occupations providing a modest or subsistence livelihood; the family as the centrally important social unit; low social status; economic interdependence in varying degree with urban centres; simple culture; and attachment to the soil, the local community, and tradition."

(1964: 490 - 491)

Masyarakat tani itu bolehlah ditempatkan di antara masyarakat tribal dan masyarakat industri iaitu "urban society" dan mengongsi sifat-sifat kehidupan yang terdapat dalam kedua-dua masyarakat ini. R. Redfield, iaitu seorang penulis awal mengenai "folk culture" telah memasukkan di dalam tulisannya berkenaan dengan masyarakat tani ini. Menurut beliau, masyarakat tani itu adalah perantaraan antara dua masa iaitu "folk urban continuum" yang merangkumi semua masyarakat simple yang primitif hingga kepada masyarakat bandar yang lebih kompleks.

(R. Redfield: 1956).

Tetapi dengan peredaran masa, pandangan-pandangan negatif terhadap masyarakat tani itu telah mulai berubah. Kalau dulu mereka dianggap masyarakat yang kolot lagi mundur, namun demikian dewasa ini mereka telah mula dianggap sebagai petani moden yang merupakan sebahagian daripada masyarakat keseluruhannya. Mereka menjalankan kegiatan ekonomi dengan cara menjalinkan hubungan dengan masyarakat bandar dan kota. Selalunya masyarakat tani akan membekalkan hasil-hasil pertanian (agricultural products) kepada masyarakat bandar, manakala sebagai pembalasannya para petani akan menerima ganjaran berbentuk wang bagi membeli alat-alat keperluan sehari-hari mereka.

Keadaan ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Redfield (1956) bahawa budaya petani pula bukanlah sesuatu yang "autonomous". Ia merupakan satu dimensi dari bahagian besar peradaban di mana petani adalah sebahagian daripadanya. Konsep ini sememangnya menekankan aspek budaya petani yang dianggap sebagai sebahagian daripada budaya yang lebih luas. Redfield memperkenalkan konsep-konsep Tradisi Agung (Great Tradition) dan Tradisi Setempat (Little Tradition) di mana petani adalah masyarakat pinggir yang mempunyai tradisi atau budaya setempatnya sendiri dan budaya setempat ini selalu dipengaruhi oleh budaya agung. Bagi Redfield dan Kroeber, petani ialah "part-societies with part-cultures" yang bermaksud masyarakat tani merupakan sebahagian daripada masyarakat luar dan budaya petani juga adalah sebahagian daripada budaya keseluruhannya.

Setelah meneliti beberapa definisi petani yang telah dikemukakan oleh beberapa orang sarjana dalam bidang pengajian tani, ini tidak bermakna bahawa semua ciri petani dalam definisi yang dikemukakan sentiasa wujud dalam semua komuniti tani yang dikaji. Ada kemungkinannya bahawa apabila seseorang pengkaji itu mulai membuat kajian mengenai petani, beliau mendapati bahawa komuniti luar bandar yang dikajinya tidak mempunyai kesemua ciri petani yang dinyatakan dalam definisi di atas dan terus membuat kesimpulan bahawa komuniti yang dikaji itu tidak lagi boleh dianggap sebagai petani.

Andaian di atas mungkin benar dan mungkin juga salah. Sebagai jalan penyelesaian, adalah perlu diingatkan bahawa hampir kesemua definisi yang diberi di atas mengenai petani menggambarkan keadaan petani di peringkat awalan ataupun keadaannya dalam satu tahap perkembangan sejarah. Ini boleh dianggap sebagai keadaan asal petani. Bagaimanapun petani yang wujud pada hari ini tidak semestinya mempunyai kesemua ini "generic" petani. Oleh kerana arus perubahan dan proses transformasi yang dialami oleh petani adalah hasil dari integrasi komuniti ini ke dalam struktur ekonomi antarabangsa, maka sekarang mereka sudah hilang sebahagian daripada ciri-ciri lengkap tradisionalnya. Jadi, sebenarnya petani yang masih wujud pada hari ini hanya dianggap sebagai satu "approximation" kepada konsep atau definisi petani yang unggul.

Dalam hal ini, adalah tepat jika petani dianggap sebagai satu "proses" dan bukannya satu "jenis sosial" (W. Hshim, 1984: 29). Ini bermakna bahawa definisi petani yang klasik menggambarkan ciri-ciri petani dalam keadaan asal tetapi kemudiannya mengalami perubahan dari masa ke semasa. Dalam memperkatakan hal ini, Theodor Shanin (1971) telah menyarankan supaya ciri-ciri penting petani dilihat dari empat sudut di mana sudut pertamanya ialah aktiviti pertanian secara berkeluarga. Aktiviti ekonomi pertanian biasanya bergantung kepada buruh isi rumah atau buruh keluarga dan tidak buruh upahan dari luar. Keluarga adalah unit pengeluaran dan unit pemakanan; atau keluarga adalah sebuah "firms" dalam masyarakat tani. Dalam hampir kesemua komuniti petani, ketua keluarga adalah "pengurus" kepada kehidupan ekonomi dan sosial di mana aktiviti ekonomi berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti sosio-budaya dan lain-lainnya. Kadangkalanya terdapat dua atau tiga generasi yang tinggal dalam sebuah rumah sebagai satu keluarga dan mengerjakan ladang yang sama.

Aspek kedua ialah pekerjaan bercuak tanam sebagai aktiviti ekonomi yang utama. Kesemua atau sebahagian besar daripada hasil yang dikeluarkan adalah untuk kegunaan ahli keluarga dan bukannya untuk dipasarkan. Pembahagian pekerjaan masih lagi di peringkat minimum. Alat-alatan yang digunakan adalah tradisional lagi ringkas dan petani pada dasarnya tidak menggunakan teknologi moden yang "capital-intensive". Faktor jenis teknologi yang digunakan menentukan skala pengeluaran yang pada kebiasaannya sekadar cukup makan saja. Bagaimanapun terdapat

pengeluaran lebih untuk diserahkan kepada tuan tanah feudal dalam masyarakat pra-kapitalis, sedikit lebih untuk kenduri-kendara, atau untuk pertukaran di pasar, dan lebih yang disimpan untuk pengeluaran pada musim akan datangnya.

Aspek ketiganya ialah cara hidup komuniti kecil yang khusus.

Ini bersabit dengan cara-cara hidup perkauman dari segi sosio-budaya yang berbeza daripada kehidupan di bandar. Antaranya ialah semangat bergotong-royong, bekerjasama dan perasaan kekitaan. Terdapat di antara penulis-penulis yang menekankan aspek "pandangan alam sosial" (world-view) petani yang dianggap sebagai sempit dan terhad dalam berbagai hal. Ini dianggap sebagai faktor utama kemunduran komuniti petani itu sendiri.

Aspek terakhir ialah kedudukan petani sebagai kelas yang diperintah dan dikuasai oleh kelas atasan yang dominan. Aspek ini juga menekankan fungsi sosio-ekonomi petani sebagai pengeluar bahan-bahan utama bukan untuk isi rumah sahaja, tetapi juga untuk kelas atasan dan penduduk-penduduk bandar yang tidak mengeluarkan keperluan asas, terutamanya bahan makanan. Hubungan ini dianggap sebagai hubungan pemerasan atau eksploitasi di mana kelas pemerintah dan tuan tanah mengenakan dan memungut cukai, sewa, bunga dari hutang yang diberikan atau keuntungan perdagangan dari hasil yang dikeluarkan oleh petani. Eksploitasi ini adalah secara langsung (direct) seperti dalam masyarakat feudal atau secara tidak langsung (indirect) seperti dalam masyarakat kapitalis.

Pembangunan dan Modernisasi

Semua jenis masyarakat, termasuk masyarakat tani, sentiasa dipengaruhi oleh arus perubahan. Oleh itu kebanyakan kajian mengenai komuniti petani sentiasa mengambil kira proses perubahan sosial masyarakat yang dikaji. Malah terdapat kajian-kajian khusus yang dibuat mengenai perubahan sosial dalam masyarakat.

Konsep perubahan sosial merupakan suatu konsep yang umum, manakala konsep modernisasi dan pembangunan adalah lebih khusus pengertiannya. Modernisasi dan pembangunan dimaksudkan kepada perubahan ekonomi dan sosial ke tahap yang lebih maju daripada keadaan sebelumnya. Menurut satu pandangan proses modernisasi akan berlaku apabila masyarakat itu mulai menerima beberapa pembaharuan yang dibawa dari negara-negara Barat. Contohnya ialah sistem politik moden, sistem pengeluaran moden, pendidikan sains moden, dan segala yang dianggap "moden" yang dibawa dari dunia Barat. Konsep "moden" ini boleh dipersoalkan dan tidak semua ahli sains sosial hari ini seperti George Foster bersetuju dengan konsep ini.

Sememangnya dalam memperkatakan tentang pembangunan dan modernisasi, ahli-ahli sains sosial tidak dapat lari dari membezakan antara "pertumbuhan ekonomi" dengan "pembangunan ekonomi". "Pertumbuhan ekonomi" itu biasanya dikaitkan dengan indeks yang dapat dijumlahkan seperti pendapatan per kapita atau Keluaran Negara Kasar. "Pertumbuhan ekonomi" ini akan membawa kepada "pembangunan ekonomi" di mana implikasi

akan berlakunya transformasi masyarakat dari segi struktur dan organisasi (N. Long, 1983: 13).

Brookfield mencadangkan bahawa:

"Kecenderungan biasa ialah untuk mendefinisikan pembangunan sebagai pergerakan ke arah serangan matlamat kebajikan, misalnya penurunan kadar kemiskinan dan pengangguran serta pengurangan ketidaksamaan."

(1951: xi)

Definisi begini dengan jelas memperlihatkan penglibatan perubahan yang bercorak struktural, di samping itu ia juga bersifat memberatkan nilai dalam pengertian bahawa ia memberi penekanan ke atas kesan-kesan pembangunan sosio-ekonomi yang positif atau yang menguntungkan saja. Ia tidak mengambil kira kemungkinan akan wujud bersamanya kesan-kesan negatif yang boleh membawa pada keburukan. Sebenarnya penolakan ini menjadi isu pokok dalam kritikan-kritikan golongan Marx terhadap penulisan mengenai pembangunan ekonomi. Penulis-penulis dari aliran ini membahaskan bahawa pembangunan ekonomi negara-negara industri Eropah Barat sebenarnya memerlukan "kemunduran" negara-negara Dunia Ketiga, di mana dengan cara ini negara-negara bukan industri menjadi satelit yang terpaksa bergantung kepada negara-negara maju. Dalam keadaan ini negara-negara mundur akan hilang penguasaan berkesan ke atas masa depan ekonomi mereka sendiri.

Dari sini jelaslah bahawa istilah "pembangunan" dipenuhi oleh pelbagai masalah konsep dan teori. Mengikut Wilbert Moore, konsep

"pembangunan" yang dimanifestasikan melalui modernisasi itu ialah suatu transformasi secara menyeluruh masyarakat tradisional atau masyarakat pramoden menjadi masyarakat yang corak teknologinya berserta dengan organisasi sosial yang berkaitan, menyerupai dengan apa yang terdapat di negara-negara Dunia Barat yang maju lagi makmur dari segi ekonominya dan stabil dari segi politik secara relatifnya. (Moore, 1963: 89)

Satu percubaan yang baik bagi menggambarkan proses perubahan ini telah dilakukan oleh Neil Smelser (1963). Percubaan Smelser ini diasaskan kepada konsep "diferensiasi struktural" (structural differentiation). Padanya, ekonomi dan masyarakat maju itu mempunyai susunan atau struktur yang amat "diferen", manakala ekonomi dan masyarakat kurang maju pula secara relatifnya tidak begitu "diferen". Perubahan pada Smelser, berkisar di sekitar proses itu sendiri. Dengan "diferensiasi", Smelser maksudkan sebagai proses bagaimana unit-unit sosial yang khusus itu dibentuk. Pembentukan unit-unit sosial begini dilihatnya sebagai yang berlaku di dalam beberapa lapangan yang berlainan, seperti dalam lapangan ekonomi, kekeluargaan, sistem politik dan institusi politik.

Pembangunan juga boleh disifatkan sebagai pertumbuhan output tiap-tiap seorang daripada penduduk di mana pembangunan ekonomi itu berlangsung melalui:

- (a) Pemodenan teknologi yang membawa perubahan dari teknik-teknik tradisional kepada aplikasi pengetahuan

sains.

- (b) Pertanian komersial yang dicirikan oleh pergerakan dari sara diri kepada pertanian untuk diniagakan. Ini akan menghasilkan pula penghususan dalam penge- luaran tanaman untuk jualan dan perkembangan buruh upahan.
- (c) Proses industrialisasi yang menggambarkan transisi daripada penggunaan kuasa haiwan dan manusia kepada penggunaan kuasa mesin.
- (d) Urbanisasi yang meliputi perubahan-perubahan dalam dimensi ekologi dan pergerakan dari ladang dan kampung ke arah pertumbuhan pusat-pusat bandar.

Sungguhpun perubahan yang dinyatakan di atas ini adalah penting dalam proses pembangunan, namun begitu ia tidak semestinya berlaku secara serentak. Kadang-kadang ia boleh berlaku dalam kadar yang berlainan seperti yang terjadi dalam situasi kolonial, di mana pertanian menjadi komersial tanpa disertai oleh industrialisasi. Ataupun industrialisasi itu berkembang pesat tanpa mengalami banyak perubahan dalam urbanisasi. Tapi apa yang nyatanya ialah keempat-empat proses ini berkecenderungan memberi kesan terhadap perubahan struktur sosial masyarakat tradisional.

Konflik Sosial

Konflik adalah pertentangan secara langsung dan sedar di antara individu atau kumpulan untuk mencapai matlamat bersama. Untuk mencapai matlamat bersama ini, pihak lawan yang terlibat dalam sesuatu konflik itu perlu ditewaskan terlebih dahulu. Dalam situasi konflik, oleh kerana timbulnya perasaan permusuhan yang kuat, kerap kali penewasan lawan dianggap lebih penting dari pencapaian matlamat.

Teori konflik menekankan konflik sebagai satu unsur utama dalam kehidupan sosial. Konflik dianggap sebagai perkara normal yang tidak dapat dielakkan. Menurut setengah ahli teori konflik, konflik tidak semestinya memusnahkan; sebaliknya ia berfungsi dan membina dalam keadaan tertentu. Mengikut Wagley dan Harris (1964: 257) konflik boleh ditafsirkan sebagai satu hubungan yang berlawanan dengan hubungan-hubungan yang biasanya menimbulkan integrasi dalam satu-satu masyarakat, malah konflik biasanya menimbulkan perpecahan, atau disintegrasi. Jika konflik menimbulkan perpecahan, maka konflik itu membawa fungsi negatif atau "dysfunctional". Sebaliknya ada aspek yang menimbulkan perpaduan dan fungsi seperti ini adalah fungsi konflik yang positif.

Wilbert Moore pula mengemukakan bahawa konflik merupakan sebahagian daripada sistem sosial, "conflict is part of the social system" (1963: 89). Jadi, bila konflik dibincangkan, maka tidaklah dapat ianya dipisahkan dari masalah perhubungan sosial. Sudah menjadi

kebiasaan bahawa sesuatu masyarakat yang mengalami perubahan itu akan menerima unsur baru dari luar di samping mengekal setengah daripada unsur-unsur lama dan di dalam proses penerimaan dan pengekalan ini, soal konflik menjadi satu masalah utama. Ini bersetujuan dengan pendapat Marx yang mengatakan bahawa sistem sosial mengandungi elemen-elemen ketegangan yang memungkinkan berlakunya konflik. Konflik timbul apabila dua atau lebih elemen bertemu atau berinteraksi dan konflik dalam masyarakat itu timbul dengan adanya perhubungan sosial.

Barangkali usaha Coser dan Dahrendorf merupakan satu usaha yang paling teratur dalam perbincangan teori konflik. Mengikut Coser, (1956) konflik tidak semestinya memecah-belahkan sistem sosial malahan ia mempunyai fungsi-fungsi yang tertentu. Sama ada konflik itu berfungsi atau tidak dalam sesuatu sistem sosial itu bergantung pada dua faktor. Pertamanya ialah jenis persoalan yang terlibat dalam sesuatu situasi konflik dan keduanya jenis struktur sosial dalam mana konflik itu berlaku.

Konflik tentang matlamat, nilai atau kepentingan adalah berfungsi kalau ia tidak berlawanan dengan anggapan asas tentang hubungan sosial. Konflik seperti ini dapat menyesuaikan semula norma-norma dan hubungan kekuasaan dalam kelompok tertentu mengikut keperluan individu dalam kelompok itu. Sebaliknya konflik itu boleh menjadi tidak berfungsi (dysfunctional) sekiranya pihak-pihak yang berkonflik tidak lagi mengiktiraf nilai-nilai asas yang berkaitan

dengan legitimasi sesuatu sistem sosial.

Konflik boleh berlaku dalam mana-mana jenis masyarakat atau struktur sosial akibat dari tuntutan individu atau kelompok yang bertentangan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan sifat toleransi struktur sosial terhadap konflik. Ada yang lebih toleran dan ada yang kurang toleran. Di kalangan kelompok yang mempunyai perhubungan yang erat, iaitu kekerapan interaksi dan penglibatan keperibadian yang tinggi wujud di antara anggotanya, maka konflik bersifat membinasakan.

Keadaan kelompok yang mempunyai anggota yang berhubung rapat adalah berlainan dengan keadaan kelompok di mana anggota-anggotanya cuma turut serta secara "segmental". Konflik dalam kelompok yang tidak melibatkan kesemua keperibadian anggotanya adalah kurang tegang. Ini disebabkan oleh kepelbagaiannya yang wujud dalam kelompok itu dapat mengelakkan satu situasi di mana perhatian hanya ditumpukan kepada satu konflik saaja.

Coser nampaknya lebih banyak memberi perhatian kepada fungsi konflik sosial yang positif atau integratif. Di antara fungsi-fungsi konflik yang dikemukakannya ialah: Penyesuaian semula norma-norma yang ada atau mewujudkan norma-norma baharu, memelihara atau menyesuaikan keseimbangan kuasa, mewujudkan integrasi sosial dalam sesuatu kumpulan dan akhir sekali konflik dianggap sebagai satu "safety valve" untuk melepaskan rasa perseteruan dan permusuhan.

Dahrendorf telah memajukan satu model konflik untuk menguraikan fenomena sosial. Model konfliknya menekankan tiga istilah yang disifatkan sebagai "instrumentarium" - konflik, perubahan dan paksaan (constraint). Dahrendorf mengandaikan bahawa masyarakat dan organisasi sosial tidak diikatkan dengan permuafakatan, tetapi dengan paksaan; tidak diikatkan dengan persetujuan sejagat tetapi dengan paksanaan segolongan manusia ke atas yang lain. Mengikut Dahrendorf, paksaan telalu membawa kepada konflik seperti juga konflik membawa kepada perubahan dan unsur paksaan dan konflik terdapat dalam mana-mana juga masyarakat.

Perbezaan kepentingan merupakan satu daripada faktor penting yang membawa kepada wujudnya konflik dalam masyarakat. Perbezaan kepentingan itu boleh timbul dalam berbagai bidang, iaitu bidang politik, ekonomi dan sosial. Dari segi politik, pengwujudan kekuasaan itu akan melahirkan golongan yang mempunyai "power". Seterusnya keadaan ini boleh menimbulkan perbezaan kepentingan di antara yang berkuasa dengan yang dikuasai. Konflik juga timbul di kalangan golongan yang berkuasa itu sendiri terutamanya dalam perebutan kuasa atau untuk mendapatkan pengaruh yang lebih besar.

Dari segi ekonomi pula, konflik itu wujud apabila terdapatnya kepentingan terhadap kedudukan kelas yang berlainan (pengeluaran atau hubungan yang berbeza dari punca pengeluaran seperti tanah dan lain-lain), di mana meletakkan golongan-golongan tertentu ke dalam kedudukan

yang berbeza. Umpamanya tuan tanah dengan penyewa tanah selalunya akan menimbulkan pertentangan dalam perkara-perkara seperti menaikkan sewa tanah, cukai, turunkan gaji atau upah dan sebagainya. Selain daripada itu, mungkin timbul pertentangan dalam kelas yang sama, di mana akan wujudnya persaingan dalam mendapatkan pengeluaran ataupun pasaran yang lebih luas; terutamanya dalam persaingan mendapatkan tanah, lesen dan lain-lain lagi. Unsur sebegini sememangnya akan melahirkan elemen-elemen monopoli di dalam masyarakat itu sendiri.

Manakala dari segi sosial pula, konflik itu timbul akibat terdapatnya golongan yang menganggap golongan lain tidak sesuai kepada satu-satu kelayakan. Umpamanya status seseorang itu akan dipertikaikan oleh golongan lain sekiranya dia tidak berkemampuan untuk menjalankan "role" yang telah dipertanggungjawabkan olehnya dan keadaan sebegini sememangnya tidak diingini dan tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat.

Status - tidak mampu → Tidak diingini → wujud konflik atau menjalankan role situasi konflik

Konflik tidak saja timbul akibat dari perbezaan kepentingan (opposing interest), malah konflik juga boleh lahir akibat dari kepentingan yang sama. Ini semua berlaku kerana konflik itu boleh wujud dalam berbagai keadaan dan boleh berlaku pula dalam apa jua bentuk masyarakat.

Adaptasi

Konsep adaptasi amatlah berkait rapat dengan konsep perubahan dan perencanaan, kerana salah satu cara untuk mengesan kejayaan atau kegagalan satu-satu perubahan itu ialah dengan menyaksikan sejauhmana penyesuaian yang dapat diwujudkan, terutamanya di pihak "client system" yang menerima perubahan itu, khususnya dari aspek sosio-ekonominya.

Di dalam "The Oxford English Dictionary", secara amnya konsep adaptasi itu adalah:

"... the action or process of adapting,
fitting or suiting one thing to another.
It is the process of modifying a thing
so as to suit new condition."

(1933: 101)

Sekiranya dipandang dari segi psikologi pula, adaptasi menggambarkan wujudnya penyelarasian diri untuk memenuhi tuntutan-tuntutan keadaan alam sekeliling. Keadaan ini dipersuaikan oleh Jones dengan konsep adaptasinya iaitu:

"Within the social system construct, adaptability
is regarded as the ability of the client system
to adapt to (cope with) and accept significant
change in higher and/or lower order social
systems and to solve other related organizational
problem."

(1969: 3)

Jadi, dari sini jelaslah bahawa adaptasi itu memberikan suatu gambaran wujudnya proses penyesuaian bagi melengkapkan diri

pada satu keadaan yang baru berubah. Proses penyesuaian akan berlaku apabila terdapat perubahan atau gangguan terhadap struktur dan organisasi asal masyarakat itu. Ini bermakna bahawa proses adaptasi itu hanya akan berlaku setelah sesuatu masyarakat itu mengalami perubahan. Dari itu, kajian tentang adaptasi adalah satu kajian berkenaan dengan cara-cara bagaimana jayanya manusia itu dalam memenuhi tuntutan-tuntutan yang diperlukan ke atas mereka dalam menghadapi situasi yang baru.

Bagi memenuhi tuntutan-tuntutan ini, sikap memainkan peranan yang penting; kerana sikap merupakan penggerak bagi individu bertindak mengikut haluan-haluan yang ditentukan. Sikap juga dianggap sebagai angkubah perantaraan yang menentukan corak perlakuan individu itu dalam menghadapi satu-satu persekitaran ataupun situasi yang baru.

G. Beijer pula mengemukakan bahawa ciri-ciri masyarakat itu sebenarnya mempengaruhi penyesuaian mereka terhadap perubahan persekitaran. Bagi masyarakat yang betul-betul tradisional; mereka bersifat statik, iaitu struktur, norma dan nilai-nilai mereka tidak banyak mengalami perubahan. Walaupun mereka telah memasuki alam persekitaran yang baru dan berbeza, namun akan terus mengekalkan "frame of reference" (Beijer, 1965: 21). Ini disebabkan oleh mereka tidak mempunyai pelajaran dan latihan persediaan yang cukup. Oleh yang demikian kehadiran mereka ke dalam persekitaran baru itu adalah sesuatu yang janggal dan erti serta matlamat pembangunan yang ingin dicapai oleh kerajaan itu amat susah hendak dilaksanakan.

BAB II

LATARBELAKANG KAMPUNG

2.1 Pengenalan

Kajian mengenai aktiviti pertanian masyarakat luar bandar ini telah dilakukan di Kampung Bukit Abal. Kampung ini terdiri daripada dua buah mukim yang terletak bersebelahan antara satu sama lain. Mukim pertama dikenali dengan nama Kampung Bukit Abal Timur ataupun Mukim Cherang Rotan, manakala mukim keduanya ialah Kampung Bukit Abal Barat. Kedua-dua mukim ini terletak dalam daerah Bukit Abal dan berada pula dalam jajahan¹ Pasir Puteh.

Kampung Bukit Abal ini merupakan salah sebuah kampung penanaman padi yang agak utama dalam daerah Bukit Abal itu sendiri. Ia terletak lebih kurang 20 batu dari bandar Kota Bharu, yang merupakan bandar utama bagi penduduk-penduduk kampung ini mendapatkan segala keperluan harian mereka.

2.2 Sejarah dan Geografi

Hasil daripada temubual pengkaji dengan penghulu kampung ini, Encik Abdul Kadir Bin Abdullah, beliau mengatakan bahawa pada

¹ Istilah jajahan bagi negeri Kelantan adalah sama dengan istilah "daerah" bagi negeri-negeri lain di Malaysia. (Rashid Ahmad, 1969: 123) dan tiap-tiap jajahan ditadbir oleh Pegawai Daerah (District Officer). Tiap-tiap jajahan dibahagikan kepada "sub-district" "daerah" dan ditadbirkan oleh seorang penggawa.

mulanya Kampung Bukit Abal lebih dikenali dengan nama Kampung Pechah Nibong, terutamanya oleh penduduk awal kampung ini. Tetapi dengan peredaran masa, penduduk kampung ini, yang didiami oleh generasinya yang baru mula merasakan bahawa nama Pechah Nibong ini tidak lagi sesuai, terutamanya apabila berlaku perubahan pada keadaan persekitarannya. Dengan terdapatnya sebuah bukit yang dilindungi ataupun "diabalkan" oleh pokok-pokok yang merimbun itu menjadikan penduduk setempat merasakan bahawa Kampung Pechah Nibong ini sesuai diganti dengan nama Kampung Bukit Abal.

Dari segi kedudukan geografinya, Kampung Bukit Abal ini terletak di sebelah utara dari bandar Pasir Puteh. Ianya bersempadan pula dengan Kampung Padang Pak Omar dan Kampung Sungai Kelong. Di sebelah timurnya terdapat daerah Bukit Jawa dan di selatannya pula daerah Batu Sebutir. Manakala di sebelah baratnya ialah daerah Labok yang terletak dalam jajahan Macang.

Keluasan Kampung Bukit Abal ini ialah 1539 batu persegi iaitu 900 batu persegi adalah bagi Mukim Bukit Abal Barat dan 639 batu persegi bagi Mukim Bukit Abal Timur. Bentuk muka buminya adalah rata kecuali di bahagian baratnya terdapat tanah tinggi yang rata lagi subur ini adalah amat sesuai untuk menjalankan aktiviti pertanian. Di kampung ini juga, penggunaan tanahnya dapat dibahagikan secara amnya kepada 3, iaitu tanah sawah padi sebanyak 30%, tanah getah 20% dan tanah dusun sebanyak 10%

2.3 Organisasi Pentadbiran dan Institusi Kepimpinan

Kampung Bukit Abal ini berada di bawah tadbiran penggawa² daerah Bukit Abal. Pusat tadbiran ini, iaitu pejabat pengawanya terletak di kawasan kedai Bukit Abal. Daerah Bukit Abal terbahagi kepada 9 mukim iaitu Mukim Cherang Rotan (Kampung Bukit Abal Timur), Mukim Bukit Abal Barat, Mukim Permatang Gading, Mukim Lepah, Mukim Banggol Setol, Mukim Seligi, Mukim Berangan, Mukim Banggol Pak Esa dan Mukim Permatang Sungkai. Tiap-tiap mukim mempunyai penghulu³ masing-masing dan tiap-tiap mukim penghulu ini pula mempunyai 12 orang Ahli Jawatankuasa Kecil Keselamatan Kampung (JKKK). Pengurusnya adalah penghulu mukim masing-masing dan penghulu inilah yang bertanggungjawab dalam hal ehwal kemajuan dan keselamatan kampung. Di samping bertanggungjawab mengetuai komuniti kampung, penghulu juga berperanan sebagai penghubung antara kerajaan dengan anak-anak buah kampung itu. Walau bagaimanapun tidak semua dari penduduk kampung tersebut menghormati penghulu ataupun Ketua Kampung. Ini disebabkan oleh perbezaan ikutan politik penduduk di kampung tersebut.

² Di Pantai Barat, istilah ini dikenali sebagai penghulu. Lihat Latihan Ilmiah, Omar b. Awang Sulaiman, Sistem Dato Penggawa Permatang Kuala Selangor, UM, Oktober 1970.


³ Istilah Penghulu di Kelantan adalah sama dengan istilah "Ketua Kampung" bagi negeri-negeri lain di Malaysia. Untuk mendapat keterangan lanjut mengenai konsep penghulu, sila lihat Syed Husin Ali (1982: Bab I dan III) dan Gullick (1972: Bab I dan III).

Bagi tujuan keselamatan dan keamanan kampung, terdapat pasukan RELA yang bergabung tenaga dengan Pasukan Kawasan Keselamatan Kampung, di samping mendapat kerjasama daripada penduduk kampung. Pasukan ini menjalankan aktivitinya dengan meronda pada tiap-tiap malam untuk memastikan kampung ini sentiasa aman dan tidak dicerobohi oleh "orang-orang luar", terutamanya mereka yang datang dari negeri Siam dan Indonesia.

Juga terdapat penubuhan belia iaitu Pertubuhan Belia 4B Kampung Bukit Abal yang ditubuhkan kira-kira 10 tahun yang lalu. Pertubuhan belia ini dianggotai oleh golongan muda-mudi di kampung ini. Selain daripada dapat mengisi masa yang terluang para muda-mudi di desa ini, pertubuhan ini juga menjalankan berbagai aktiviti dan menyusun program untuk kemajuan ahli-ahli mereka khususnya dan untuk penduduk kampung amnya.

Bagi tujuan keagamaan, terdapat imam, bilal dan guru Quran yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Kelantan. Meskipun begitu, terdapat juga institusi kepimpinan lain di kampung ini yang tidak melibatkan perlantikan oleh kerajaan. Misalnya pemimpin yang wujud semasa diadakan kegiatan gotong royong membersih kubur, membasmi tikus dan kering di bendang, mengusung rumah, membersih parit taliair dan upacara sembahyang hajat. Begitu juga untuk tujuan kenduri dan majlis perkahwinan, biasanya ketua-ketua yang dipilih mengetuai satu-satu majlis itu terdiri daripada mereka yang disegani dan

Rajah Pentadbiran Daerah Bukit Abal



Sumber: Pejabat Penggawa Kampung Bukit Abal.

dihormati oleh penduduk kampung ini serta agak dikenali oleh masyarakat luar kampung tersebut.

2.4 Penduduk dan Penempatan

Mengikut bancian yang telah dibuat oleh Pejabat Penggawa Daerah Bukit Abal pada tahun 1984, jumlah penduduk di Kampung Bukit Abal ialah seramai 1934 orang, iaitu 776 orang mendiami Mukim Bukit Abal Barat dan seramai 1158 orang pula tinggal di Kampung Bukit Abal Timur. Jumlah penduduk ini melibatkan kesemua status dan peringkat umur.

Dari 50 buah isi rumah yang diberi tumpuan dalam kajian ini didapati jumlah penghuninya ialah 292 orang iaitu 130 orang lelaki dan 162 orang perempuan. Keadaan ini tidak dipengaruhi oleh apa-apa faktor kecuali faktor pertambahan semulajadi di mana para ibu lebih ramai melahirkan anak perempuan daripada anak lelaki. Jadual di bawah menunjukkan bilangan penduduk dari segi jantina bagi tiap-tiap peringkat umur.

Jadual 1: Bilangan Penduduk Dari Segi Jantina dan Umur

Umur Jantina	9	10-19	20-29	30-39	40-49	40-59	60-69	70	Jumlah
Lelaki	36	37	15	14	15	5	6	2	130
Perempuan	45	46	26	15	11	13	5	1	162
Jumlah	81	83	41	29	26	18	11	3	292

Dari 50 isi rumah yang dikaji itu, golongan yang paling besar ialah mereka di peringkat umur 19 tahun ke bawah. Terdapat 81 orang berusia kurang dari 9 tahun dan seramai 83 orang berumur antara 10 hingga 19 tahun. Bagi golongan yang berumur sedemikian, sebahagian besar masih lagi berada di bangku sekolah dan berada pula di bawah tanggungan keluarga masing-masing. Pada peringkat umur ini, tidak ada kaum lelaki yang telah berkahwin, kecuali terdapat beberapa orang perempuan yang telah berumahtangga, tetapi masih tinggal di kampung tersebut bersama ibubapa masing-masing. Jadi, di peringkat umur ini, tidak ada unsur-unsur penghijrahan keluar dari kampung tersebut.

Terdapat 41 orang berada pada paras umur 20 - 29 tahun, 29 orang berusia 30 - 39 tahun, 26 orang berumur 40 - 49 tahun dan 18 orang berusia antara 50 - 59 tahun. Manakala sejumlah 14 orang lagi berusia 60 tahun ke atas. Secara keseluruhannya para penduduk pada peringkat umur 20 tahun ke atas. Ini telah mempunyai pekerjaan tetap atau sementara sama ada sebagai petani ataupun jenis-jenis kerja yang lain iaitu seperti pertukangan dan buruh-buruh binaan.

Dari 50 buah isi rumah, 28 buah atau 56% terdiri dari keluarga nuklear di mana terdapat para ibubapa dan anak-anak yang belum kahwin tinggal bersama. Manakala 40% lagi adalah keluarga besar di mana terdapat ibubapa tinggal bersama-sama dengan anak-anak yang sudah berkahwin dan mempunyai anak mereka sendiri pula. Apa yang

nyata dalam keluarga jenis ini ialah selalunya terdapat tiga generasi atau lebih dalam sebuah isi rumah. Tidak ketinggalan terdapat juga saudara mara atau kerabat-kerabat lain yang tinggal dalam sebuah isi rumah itu seperti bapa saudara, anak saudara, adik serta kakak ipar, sepupu dan sebagainya. Walau bagaimanapun dalam satu keluarga besar biasanya tinggal datuk nenek, ibubapa, anak-anak dan cucu-cucu dalam sebuah isi rumah.

Purata saiz satu-satu keluarga petani di kawasan ini ialah 5.5 orang. Pada kebiasaan mereka satu-satu keluarga tani itu terdiri dari petani itu sendiri, isterinya dan 4 atau 5 orang anak-anak mereka. Purata saiz ini adalah tidak termasuk kerabat ataupun saudara mara terdekat yang tinggal bersama-sama dengan keluarga tersebut.

Taburan penduduk di kampung ini adalah berbentuk petempatan pola berjajar (parallel pattern) yang merentangi di sepanjang jalan kampung tersebut. Namun begitu terdapat juga rumah-rumah petani yang berada jauh terpelusuk ke dalam kampung. Biasanya rumah-rumah mereka adalah berdekatan antara satu sama lain iaitu dalam kelompok kawasan kekerabatan. Penempatan yang tertumpu pada satu-satu kawasan ini ataupun dikenali sebagai penempatan berpusat ini adalah penting kepada penduduk di kampung ini, terutamanya bagi menggembeling tenaga saudara mara terdekat sekiranya hendak diadakan sesuatu majlis, baik ianya berupa majlis kematian ataupun majlis kenduri perkahwinan.

2.5 Pekerjaan dan Aktiviti Ekonomi

Sungguhpun aktiviti penanaman padi itu merupakan satu kegiatan ekonomi yang utama bagi penduduk di kampung ini, namun begitu terdapat juga kerja-kerja sambilan lain yang dilakukan oleh para petani yang mendiami kawasan ini. Dari 50 isi rumah yang di-temuduga, didapati 38% daripada mereka menjalankan pekerjaan seperti bertukang rumah, berniaga kecil-kecilan, sebagai pegawai kerajaan dan lain-lain lagi pekerjaan. Manakala 62% lagi itu bergantung kepada sawah padi sebagai kerja utama untuk menyara hidup mereka.

Jadual 2: Status Kerja Penduduk Di Kampung Bukit Abal

Jenis Pekerjaan	Bil. Penduduk	Peratus (%)
Petani dan Penoreh	31	62
Pertukangan	10	20
Perniagaan	3	6
Makan Gaji	3	6
Lain-lain Kerja	2	4
Tidak Bekerja	1	2
Jumlah	50	100

Memandangkan keluasan sawah padi bagi tiap-tiap satu keluarga tani adalah terlalu kecil iaitu kira-kira 1.73 ekar, maka para petani ini menjalankan usaha sambilan untuk menambahkan lagi pendapatan mereka.

Kerja-kerja sambilan para petani ini termasuklah menarik baca, menjadi buruh kasar dan lain-lain kerja kampung seperti menanam sayur-sayuran dan menternak ayam itik di keliling rumah mereka. Aktiviti penternakan ini selalunya diusahakan semata-mata untuk keperluan harian mereka. Bilangan ayam yang diternak ialah antara 3 hingga 15 ekar sahaja. Sungguhpun demikian, terdapat 2 orang responden yang memelihara ayam telur dan mengusahakan projek ternakan ayam ini sebagai sumber pendapatan mereka. Pemeliharaan ayam telur antara 50 hingga 200 ekor dan ditambah pula dengan adanya khidmat nasihat dari pihak Pertubuhan Peladang Cherang Rotan, telah dapat membantu meninggikan lagi mutu hasil ternakan kedua-dua orang petani ini. Sungguhpun mutu hasil ternakan mereka menggalakkan, namun begitu ternyata pendapatan mereka tidak seberapa memandangkan harga makanan ayam adalah mahal, iaitu kira-kira \$30.00 satu kampit.

Jadi, dari gambaran di atas, maka dapatlah dikatakan bahawa kebanyakan penduduk di kampung Bukit Abal ini tergolong sebagai petani kerana kebanyakan daripada anggota masyarakatnya mengerjakan tanah sebagai pekerjaan tetap, di samping melakukan kerja-kerja tambahan lain seperti bertukang dan berniaga. Ini bertepatan dengan kata Firth bahawa seorang petani itu dapat dipisahkan dari kumpulan pekerjaannya dari segi teorinya saja, tapi dari segi praktiknya, seorang petani ada kalanya bekerja sebagai nelayan dan ada kalanya sebagai tukang. Keadaan ini bergantung kepada musim pekerjaan dan kedudukan kewangan sesuatu masyarakat petani itu. (1950: 503)

2.6 Kemudahan Infrastruktur

Adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Kampung Bukit Abal ini merupakan salah sebuah kampung "moden" yang telah banyak menerima arus pembangunan, terutamanya dari segi kemudahan asasnya. Kedudukannya di pertengahan jalan antara bandar Pasir Puteh dan Kota Bharu telah menjadikan kampung ini salah satu dari tumpuan kerajaan negeri bagi mengwujudkan kemajuan.

Terdapat 3 batang jalanraya yang menghubungkan Kampung Bukit Abal ini dengan kampung-kampung lain. Jalan "laterit" menghubungkan Kampung Bukit Abal dengan Kampung Banggol Pak Esah dan Kampung Bukit Merbau. Manakala jalan denai pula menghubungkan Kampung Bukit Abal Timur dengan Kampung Padang Pak Omar dan Kampung Banir Belikong. Sementara jalan tar sepanjang 5 batu menghubungkan kampung ini dengan bandar Pasir Puteh. Bandar Pasir Puteh merupakan bandar utama bagi penduduk kampung ini membeli-belah, terutamanya pada musim-musim perayaan.

Ada beberapa deretan kedai para peniaga yang menyediakan segala keperluan harian penduduk di kampung ini. Terdapat 3 buah kedai yang dimiliki oleh kaum Cina di mana mereka ini menjalankan perniagaan barang-barang kemas dan "workshop". Manakala kedai yang dimiliki oleh orang Melayu pula kebanyakannya mengusahakan perniagaan runcit dan "kedai kopi". Di tengah-tengah kampung ini, iaitu di pertengahan jalan masuk ke bendang Cherang Rotan, terdapat sebuah

pasar ataupun "market" yang menjual berbagai jenis keperluan harian penduduk. Pasar ini juga berfungsi sebagai sebuah tempat bagi penduduk-penduduk di kampung ini bersua muka dan menjalankan hubungan silaturahim sesama mereka. Para petani juga selalunya akan menjual hasil tanaman mereka seperti ubi dan sayur-sayuran di pasar ini.

Setiap seminggu sekali iaitu pada malam Isnin, di kampung ini diadakan Pasar Malam yang menyediakan berbagai jualan kepada penduduk di sekitar kawasan ini. Adalah tidak menghairankan sekiranya kewujudan pasar malam di kampung ini telah menjadikan pasar ataupun "market" di sini telah kehilangan sebahagian besar fungsinya.

Berhampiran dengan pasar ini, terdapat sebuah pejabat penggawa yang menjadi tempat bagi ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Keselamatan Kampung (JKKK) mengadakan mesyuarat mereka terutamanya yang berkaitan dengan masalah pertanian. Di samping itu terdapat juga balai perhimpunan ahli-ahli UMNO di kampung ini. Balai ini selain daripada sebagai tempat menjalankan kegiatan politik, ia juga digunakan oleh perkumpulan wanita menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dengan dibantu oleh pihak KEMAS. Aktiviti mereka ini termasuklah kegiatan memasak, menjahit, taklimat-taklimat umum dan sebagainya. Berhampiran dengan balai ini terdapat sebuah wakil pos yang menyediakan segala kemudahan surat menyurat bagi penduduk di sekitarnya. Tidak ketinggalan juga di kampung ini terdapat sebuah pondok telefon awam di mana ianya disediakan bagi kemudahan perhubungan, terutamanya

perhubungan dengan masyarakat luar bila terdapat sebarang kecemasan.

Di sini juga, terdapat sebuah klinik desa yang biasa digunakan oleh penduduk kampung ini untuk mendapatkan rawatan kesihatan. Sungguhpun klinik desa ini serba kekurangan jika dibandingkan dengan klinik-klinik yang terdapat di bandar Pasir Puteh dan di Kampung Selising, namun begitu kaum ibu lebih suka pergi ke klinik desa ini kerana ianya berhampiran dengan tempat kediaman mereka, tambahan pula perkhidmatan dan layanan yang disediakan adalah menyenangkan mereka memandangkan mereka sudah biasa dengan kakitangan yang bertugas di klinik desa tersebut. Di samping itu terdapat juga klinik bergerak yang datang sekali-sekali untuk memeriksa keadaan kesihatan penduduk kampung tersebut.

Dari segi kemudahan pelajaran, terdapat sebuah sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Abal. Untuk peringkat menengah pula, para pelajar akan menyambung pelajaran mereka di Sekolah Menengah Seri Maharaja yang terletak di Kampung Bukit Abal Barat. Sekolah ini baru saja dirasmikan pada tahun 1983 yang lalu. Pada peringkat awal, Sekolah Menengah Rendah Seri Maharaja ini menyediakan kelas dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga sahaja, tetapi memandangkan pada prestasi pembelajaran penuntut-enuntutnya adalah baik, maka pada tahun berikutnya sekolah ini telah menyediakan kelas Tingkatan Lima bagi pelajar-pelajarnya yang akan menduduki SPM dan menukar namanya dari Sekolah Menengah Rendah Seri Maharaja kepada

Sekolah Menengah Seri Maharaja.

Terdapat sebuah sekolah TABIKA (Taman Bimbingan Kanak-Kanak) yang didirikan beberapa tahun yang lalu. Sekolah ini diadakan semata-mata bagi kemudahan penduduk untuk mengenalkan anak-anak mereka yang di peringkat umur 4 - 6 tahun ke alam persekolahan. Guru yang mengajar di sekolah ini adalah seorang penduduk di kampung ini juga akan didapati sambutan dari para penduduk terhadap penubuhan sekolah ini amat menggalakkan. Ini merupakan satu petanda baik yang menunjukkan bahawa dewasa ini penduduk desa, terutamanya para petani telah mulai sedar tentang betapa pentingnya pelajaran itu dalam menjamin kehidupan seseorang di masa depan.

Bukan lagi baru pada pertengahan tahun 1970an, banyak telah menggunakan teknik pertanian terwastaf. Pelaksanaan penerapan teknologi ini bukan sahaja satu badan yang bertanggungjawab tetapi dalam segi sistem pemerintah pada si Selangor.

ADA empat buah satuan kerajaan yang telah membina projek yang penting dalam pembangunan pertanian di Selangor. Untuk itu telah mewujudkan berbagai cara untuk meningkatkan hasil hasil berulamanya dengan menggunakan 5 buah cenceng pengairan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air. Dari segi teknologi ini, hanya menyatakan hasil hasil tanah meningkat dengan sejaya jauh dari tahap ke sebelum.

BAB III

LATARBELAKANG SERTA AKTIVITI-AKTIVITI KADA

3.1 Pengenalan

Kawasan penanaman padi yang utama ialah di Lembah Sungai Kelantan kerana di sini terdapat tanah-tanah lanar yang subur dan sangat sesuai untuk penanaman padi di samping mempunyai bekalan air yang cukup.

Pada peringkat awal, sektor pertanian di Kelantan banyak menggunakan cara-cara tradisional tetapi dengan pengenalan teknologi moden lagi baru pada pertengahan tahun 1970an, ianya telah mengubah corak pertanian tersebut. Dalam proses pembangunan teknologi inilah tertubuhnya satu badan yang menjadi penggerak utama dalam kegiatan penanaman padi di Kelantan.

KADA merupakan satu-satunya agensi kerajaan yang telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan pertanian di Kelantan. Lembaga ini telah memperkenalkan berbagai cara untuk meningkatkan hasil padi terutamanya dengan mengadakan 5 buah rancangan pengairan untuk mengelakkan masalah kekurangan bekalan air. Dari kegiatan-kegiatan ini, ianya menyebabkan hasil padi telah meningkat dengan berlipat ganda dari tahun ke setahun.

3.2 Latarbelakang KADA

KADA merupakan singkatan dari Kemubu Agriculture Development Authority ataupun lebih dikenali dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu. KADA telah diperbadankan mengikut Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Negeri Kelantan. Enakmen (Akta Lembaga Kemajuan Kemubu 69/72) No. 2 tahun 1972 (Penyerahan Tugas) yang berkuatkuasa pada 2hb. Mac 1972 dan dilancarkan dengan rasminya pada 2hb. Mac 1972. Perasmianya dilakukan oleh YAB Tun Haji Abd. Razak b. Hussin. KADA ditubuhkan setelah tergubalnya Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Tugas-tugas yang disarankan kepada Lembaga adalah seperti berikut:

i. Memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Kemubu.

ii. Merancang dan mengusahakan dalam kawasan Kemubu apa-apa kemajuan mengikut skim yang ditentukan padanya oleh negeri.

Buat masa ini kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak KADA ditumpukan khas kepada pembangunan pertanian dengan cara:

i. Menggunakan dengan sepenuhnya tanda-tanda di bawah tadbiran Lembaga ini.

ii. Menambahkan pengeluaran daripada tanah-tanah yang telah diusahakan.

iii. Mengurangkan kos pengeluaran supaya pendapatan bersih dapat ditinggikan.

iv. Menggalak perusahaan kecil secara sambilan yang boleh menambahkan pendapatan kepada petani-petani.

Kesejuruhan kawasan di bawah tadbiran KADA ialah lebih kurang 142,000 ekar. Dari jumlah ini, seluas 80,000 ekar adalah sawah-sawah padi yang dilengkapi dengan kemudahan asas, sistem pengairan moden yang bernilai lebih daripada \$100 juta. Ini adalah bertujuan untuk penanaman padi dua kali setahun. Terdapat 45,000 keluarga tani tinggal dalam kawasan KADA dengan memiliki purata 3 ekar kawasan ladang keluarga. Purata saiz keluarga ialah 6.6 orang. KADA juga mengendalikan 13 buah Pertubuhan Peladang sebagaimana yang telah diaturkan oleh Lembaga Pertubuhan-Pertubuhan Peladang itu sendiri, iaitu PKP (Pusat Kemajuan Peladang) Nilam Puri, Jaya Peringat, Sungai Ketereh, Tanjung Puri di jajahan Kota Bharu, sementara di jajahan Tumpat terdiri dari PKP Bakar Baru dan Bunga Raya, jajahan Pasir Mas pula terdiri dari PKP Alor Mas, Kubang Sepat dan Kubang Bunut dan dalam jajahan Bachok pula terdiri dari PKP Sri Gunung. Sementara itu dalam jajahan Pasir Puteh pula terdapat 2 PKP iaitu PKP Cherang Rotan dan Bukit Jawa.¹

¹PKP Bukit Jawa merupakan saluran utama PKP Cherang Rotan kerana di sini banyak terdapat kemudahan asas dan kemudahan untuk para petani. Tambahan pula ianya telah ditubuhkan terlebih dahulu daripada PKP Cherang Rotan.

3.3 Projek Pengairan KADA

Rancangan Pengairan Kemubu adalah sebuah rancangan pengairan yang terbesar di antara kawasan-kawasan pengairan yang ditadbirkan oleh Lembaga ini. Perbelanjaan kerja kejuruteraan berjumlah \$75 juta dalam mana \$70 juta adalah pinjaman dari Bank Dunia. Pentadbiran rancangan ini mulanya diketuai oleh seorang pegawai penyama bagi menyelaraskan kegiatan-kegiatan dan rancangan-rancangan Jabatan Parit dan Taliair (JPT) dan Jabatan Pertanian khasnya dan juga jabatan-jabatan lain yang ada peranannya bagi menjayakan Rancangan Pengairan Kemubu ini.

KADA menyelenggarakan 5 projek pengairan dalam 5 jajahan. Pengairan Kemubu dan Salor terletak di kawasan Tebing Timur Sungai Kelantan meliputi 20,230 hektar sawah yang merangkumi jajahan Kota Bharu, Pasir Mas dan Alor Pasir terletak di Tebing Barat Sungai yang meliputi tanah-tanah bendang dalam jajahan Pasir Mas dan Tumpat seluas 12,146 hektar. Jadi, jelaslah bahawa projek pengairan di bawah KADA ini atau yang lebih dikenali sebagai projek Pengairan Kemubu, terletak di Lembah Dataran (alluvial plains) dan Pantai Timur Malaysia. Di sebelah Barat dilingungi oleh Sungai Kelantan, di sebelah Selatan pula terdapat kawasan Simpangan Cabang Tongkat, manakala di sebelah Timur oleh Lautan Cina Selatan.

Sebelum adanya projek ini, mata pencarian utama penduduk di negeri Kelantan amnya dan di Kampung Bukit Abal khasnya ialah

menanam padi dan menternak binatang, yang seratus peratus bergantung pada air hujan dan perubahan keadaan alam sekitar. Di setengah-setengah tempat petani mencari air dari anak sungai dengan mengalirkan air itu melalui alur yang penuh dengan semak dan tumbuh-tumbuhan. Oleh sebab terlalu bergantung kepada musim hujan yang tidak tetap, kadangkala penanaman padi terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh terlampau banyak air ataupun kekurangan air. Setengah tempat pula penanaman padi tidak dapat dijalankan disebabkan oleh kemarau yang panjang dan banjir yang melanda.

Jadi, memandangkan hal inilah maka usaha untuk mengatasi masalah itu dijalankan. Sejak beberapa tahun yang lampau, beberapa projek mengepam air telah dibina seperti Taliair Salor, Taliair Pasir Mas dan Taliair Sungai Lemal. Dengan adanya Projek Pengairan Kemubu ini, bererti kawasan sawah padi yang dapat diusahakan penanaman padi dua kali setahun ini akan bertambah. Dan sejak akhir-akhir ini, dengan meningkatnya lagi kemajuan dalam sektor pertanian, penanaman padi boleh diusahakan sebanyak 5 kali dalam masa dua tahun.

Lembaga ini dipertanggungjawab dengan 5 rancangan perairan seperti di bawah:

(a) Rancangan Pengairan Salor (Jajahan Kota Bharu)

- i. Keluasan kawasan ialah 849.7 hektar (2,100 ekar)
- ii. Mampu membekal air sebanyak $2\text{m}^3/\text{saat}$

- iii. Air digumba oleh 2 buah pam elektrik
- iv. Air disalur oleh 16 km (10 batu) air parit dan taliair

(b) Rancangan Pengairan Lemal (Jajahan Pasir Mas/Tumpat)

- i. Keluasan kawasan ialah 9,312 hektar (23,000 ekar)
- ii. Mampu membekal air sebanyak $17\text{m}^3/\text{saat}$
- iii. Air digumba oleh 4 buah pam elektrik
- iv. Air disalur melalui 112 km (70 batu) sistem parit dan taliair

(c) Rancangan Pengairan Pasir Mas (Jajahan Pasir Mas/Tumpat)

- i. Keluasan kawasan ialah 2,088 hektar (5,160 ekar)
- ii. Mampu membekal air sebanyak $4\text{m}^3/\text{saat}$
- iii. Air digumba oleh 3 buah pam elektrik
- iv. Air disalur melalui 43.2 km (27 batu) sistem parit dan taliair

(d) Alor Pasir (Jajahan Pasir Mas)

- i. Keluasan kawasan ialah 566.4 hektar (1,400 ekar)
- ii. Bekalan air dari Empangan Tok Uban
- iii. Air disalur melalui 9.6 km (6 batu) sistem parit dan taliair
- iv. Kemampuan bekalan air $8\text{m}^3/\text{saat}$

(e) Kemubu (Jajahan Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh)

i. Stesyen Pam Kemubu

: 5 pam disel 1,150 ps tiap satu kemampuan bekalan
Kemampuan bekalan : 28m³/saat

ii. Empangan Ketereh

: Kemampuan bekalan 10m³/saat

iii. 10 buah pam booster

: Kemampuan bekalan 9m³/saat

iv. Panjang taliair - terusan bekalan 392 km

jari 112 km

v. Keluasan sawah - 19,016 hektar (47,000 ekar)

Dari segi kemudahan-kemudahan di kawasan KADA adalah

seperti berikut:

(a) Pengairan

i. Jumlah panjang sistem taliair - 806.2 km

ii. Jumlah panjang sistem saliran - 683 km

iii. Jumlah panjang sistem jalan ladang - 650 km

iv. Binaan pengairan atau penyaluran - 2,455 buah

v. Jambatan - 839 buah

vi. Rumah kakitangan kawasan - 122 buah

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu ini, diketuai oleh seorang pengurus ladang yang juga diberi tugas untuk menyelenggarakan 4 rancangan pengairan yang lain yang bersempadan dengan Rancangan Pengairan Kemubu. Rancangan Pengairan Lemal, Alor Pasir, Pasir Mas dan Salor telah wujud pada pertengahan tahun 60an dan perbelanjaan kerja-kerja kejuruteraan di sini berjumlah \$14.7 juta, di mana telah dibelanjakan untuk mengadakan infrastruktur bagi kawasan-kawasan tersebut.

3.4 Organisasi Pentadbiran KADA

KADA ditadbirkan oleh satu lembaga yang mengandungi pengurus dan ahli-ahlinya seramai 11 orang yang terdiri daripada wakil-wakil negeri dan persekutuan di samping ketua-ketua jabatan yang berkaitan. Pentadbiran harian KADA terbahagi kepada 5 bahagian iaitu:

- (a) Pentadbiran
- (b) Pertanian
- (c) Kejuruteraan Awam
- (d) Mekanikal dan Woksyop
- (e) Pengembangan dan Latihan

(a) Pentadbiran

Bahagian pentadbiran setelah menerima dasar dan panduan, jemaah lembaga bertanggungjawab bagi keseluruhan perancangan dan pengawasan aktiviti-aktiviti dalam kawasan KADA. Objektif yang utama

dalam bahagian pentadbiran ini ialah untuk mempertingkatkan daya pengeluaran perkhidmatan pentadbiran kawalan kewangan, memperluaskan penerangan serta melaksanakan kerja-kerja perancangan, pengawasan dan penilaian dengan lebih berkesan.

(b) Pertanian

Bahagian pertanian bertanggungjawab bagi perancangan dan pelaksanaan pembangunan pertanian dan penggunaan sepenuhnya infrastruktur yang disediakan terutamanya bagi menjayakan lagi operasi tanaman padi dua kali setahun. Objektif yang menjadi tumpuan bahagian pertanian ini ialah:

- i. Untuk menambahkan hasil pengeluaran padi (daripada 3.28 tan/ha/musim) kepada 4.4 tan/ha/musim semusim untuk kedua musim.
- ii. Untuk kegiatan pertubuhan peladang dengan menambah keahlian kepada 53,000 orang serta meningkat perdagangan kepada \$13 juta setahun.
- iii. Untuk membolehkan peladang mendapat hasil tambahan sebanyak \$600 setahun dari sumber yang dipunyai oleh peladang.

(c) Kejuruteraan Awam

Bahagian kejuruteraan awam bertanggungjawab bagi kerja

pengendalian dan penyelenggaraan parasarana pengairan dan penyaliran untuk memastikan pengaliran air selaras dengan program penanaman padi dua kali setahun.

Objektif utama bahagian kejuruteraan awam ini ialah untuk mengendali dalam aturcara pembahagian air dan pengeluaran pengurusan air secara optima melalui kemudahan infrastruktur-infrastruktur yang sedia ada pada fungsi seperti berikut:

- i. Pembahagian air pengairan ke sawah melalui sistem pengairan.
- ii. Menyelesaikan sawah yang bermasalah berkaitan dengan hal pengairan dan penyaliran.
- iii. Penyelenggaraan infrastruktur pengairan, penyaliran, jalan ladang, binaan dan lain-lain.
- iv. Penambahan kemudahan asas pengairan dan penyaliran kepada sawah yang terpencil.
- v. Pelaksanaan keseluruhan kerja-kerja pembinaan dan lain-lain untuk KADA.
- vi. Pembinaan jalan ladang dan binaan-binaan berkaitan untuk kemudahan perhubungan.
- vii. Memperkenalkan program pertanian cara baru menerusi projek ladang printis KADA II dan ladang campur untuk

mempertingkatkan hasil pertanian di atas kluasan ladang yang terhad.

(d) Mekanikal dan Woksyop

Bahagian mekanikal dan woksyop bertanggungjawab membekalkan air di samping memastikan rumah-rumah pam serta peralatan berat sentiasa dalam keadaan sempurna. Objektif utama bahagian mekanikal dan woksyop ini termasuklah:-


- i. Untuk mengeluarkan bekalan optima air irigasi dari sumber-sumber bekalannya (pam-pam dan empangan-empangan).
- ii. Untuk membekal kerja-kerja penyenggaraan/binaan infra-struktur-infrastruktur di dalam sistem pengairan dan saliran.
- iii. Untuk menjalankan khidmat bantuan (support service) dalam aktiviti lembaga pada amnya sama ada dari segi kejenteraan atau yang bersangkutan dengannya (seperti penyeloran, pembekalan dan penghapusan).

(e) Pengembangan dan Latihan

Bahagian pengembangan dan latihan bertanggungjawab untuk menentukan para petani dapat menerima dan mengamal teknologi moden dalam usaha meninggikan lagi pengeluaran padi. Objektif utama bahagian pengembangan dan latihan ini ialah untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi

CARTA ORGANISASI

KEMENTERIAN PERTANIAN MALAYSIA



Sumber: Ibu Pejabat KADA, Kota Bharu.

keluarga peladang KADA melalui amalan-amalan kaedah pertanian moden serta membentuk generasi peladang masa depan yang produktif melalui proses pembangunan manusia.

3.5 Program-Program KADA

Dalam memajukan lagi sektor pertanian serta meninggikan daya pengeluaran negara, KADA telah menjalankan beberapa programnya yang tersendiri. Dalam menjayakan programnya ini, pihak KADA telah merancang dan mengusahakan dalam kawasan KADA sebarang kemajuan pertanian mengikut skim yang diuntukkan oleh kerajaan negeri.

Di antara program-program KADA itu termasuklah:

(a) Pembekalan Baja, Benih Padi dan Racun Serangga

Dalam mempastikan bahawa petani menjalankan penanaman padi selaras dengan kehendak pihak KADA, segala kemudahan seperti baja, benih padi, dan racun serangga itu adalah diuntukkan. Boleh dikatakan kebanyakannya daripada keluarga tani daripada jumlah 45,000 keluarga yang tinggal dalam kawasan KADA mendapat bantuan ini.

Dari segi benih pula, pembekalan pembiakan benih padi ada juga diuntukkan. Benih-benih ini merupakan benih-benih baru yang diisyiharkan. Benih baru ini dibiakkan dulu di kawasan pertanian KADA sebelum ianya dibahagi-bahagikan kepada para petani.

(b) Program Ladang Kelompok dan Ladang Campur

Di bawah program ladang kelompok ini, pihak KADA akan mempastikan bahawa usaha menjalankan kegiatan bertanam padi secara beramai-ramai itu diteruskan. Dalam program ini, tanah sawah petani itu akan dicantumkan dalam jumlah sekurang-kurangnya 11 ekar atau seluas-luasnya 500 ekar untuk dikerjakan bersama-sama. Tanah sawah para petani akan lebih senang untuk diusahakan dalam keadaan yang sedemikian kerana penggunaan tanahnya adalah lebih ekonomi, ditambah pula dengan pembekalan airnya yang baik di bawah khidmat nasihat dan kendalian para pegawai KADA.

Dengan adanya program ladang kelompok ini, ianya berupaya meninggikan lagi pengeluaran padi negara dan ini sekaligus berupaya pula membantu petani dalam meninggikan lagi taraf hidup mereka.

Manakala program ladang campur pula ialah untuk menggalakkan petani menanam tanaman lain seperti sayur-sayuran, tembakau, ternakan ayam dan sebagainya di samping mengusahakan tanaman padi. Tanaman-tanaman ini selain daripada ianya dapat digunakan sebagai keperluan harian, ia juga dapat menambahkan lagi pendapatan petani dan para petani pula tidaklah semata-mata bergantung kepada padi saja sebagai sumber hidup mereka.

(c) Program Penyatuan Tanah (KADA II)

Di bawah program penyatuan tanah atau lebih dikenali dengan

KADA II ini, lazimnya ia lebih merupakan penyatuan semula tanah sawah petani. Tanah sawah yang dimiliki oleh petani itu akan disatukan di bawah khidmat KADA dan segala usaha yang dijalankan ke atas tanah ini adalah di bawah selenggaraan pihak KADA. Tanah-tanah sawah ini biasanya akan dicantumkan bagi memudahkan lagi ianya disaliri oleh sistem pengairan yang sedia ada, di samping ianya mudah untuk ditenggalakan bagi projek penanaman padi kelak.

(d) Khidmat Pemasaran

Di bawah KADA sendiri terdapat satu khidmat pemasaran bagi memasarkan hasil-hasil pertanian para petani yang dikenali dengan nama Koperasi Peladang. Tiap-tiap satu kawasan yang di bawah kendalian KADA akan didapati satu pusat Koperasi Peladang yang bertanggungjawab memberi kemudahan pertanian dan memasarkan hasil pertanian para petani. Hasil-hasil padi ini pula akan dijual kepada Pusat Kemajuan Peladang (PKP) dan pihak yang bertanggungjawab menentukan ianya dipasarkan ialah Lembaga Pemasaran Padi dan Beras Negara (LPN).

(e) Mengadakan Latihan Pegawai Pertanian

Latihan dari masa ke semasa diadakan untuk menentukan supaya para pegawai yang menjadi kakitangan KADA itu adalah benar-benar berkebolehan dalam menjalankan tugas mereka. Pihak KADA juga akan menghantar wakil ke luar negeri bagi membincangkan isu bersabit dengan pertanian ataupun para pegawai ini akan berjumpa sendiri dengan para

petani bagi membincangkan masalah yang dihadapi mereka, di samping memberi khidmat nasihat dari masa ke semasa.

3.6 Peranan dan Aktiviti KADA Di Kampung Bukit Abal

Aktiviti pertanian terutamanya aktiviti penanaman padi di Kampung Bukit Abal (termasuk Bukit Abal Barat dan Bukit Abal Timur) adalah di bawah selenggaraan Pusat Kemajuan Peladang (PKP) Cherang Rotan. Pertubuhan Peladang Cherang Rotan yang terletak di Padang Pak Amat itu adalah di bawah pengendalian KADA, di mana PKP ini dipertanggungjawabkan oleh pihak KADA untuk:

i. Meninggikan taraf sosio-ekonomi dan sosial petani

dan ahli-ahli.

ii. Menambahkan pengetahuan dan kemahiran kepada petani

dan ahli.

iii. Meningkatkan hasil pendapatan petani dan ahli.

iv. Memperbaiki cara hidup petani dan ahli serta mewujudkan

masyarakat yang bersatupadu.

3.6.1 Pengenalan dan Latarbelakang Pertubuhan Peladang Cherang Rotan

Pertubuhan Peladang Cherang Rotan dahulunya adalah terletak di bawah pengawasan Pertubuhan Peladang Bukit Jawa, Selising.

Memandangkan aktiviti pertanian di kawasan ini semakin bertambah dan

bagi melicinkan lagi pentadbiran, di samping untuk memberi perhatian khusus kepada petani-petani di kawasan ini, maka Pertubuhan Peladang Cherang Rotan telah ditubuhkan pada Disember 1981. Pusat Kemajuan Peladang Cherang Rotan ini mempunyai keluasan tanah sejumlah 9,750 hektar (24,082.5 ekar). Dari jumlah keluasan ini, sebanyak 4,865.8 ekar adalah merupakan kawasan penanaman padi, kawasan penanaman getah pula ialah seluas 9,811.3 ekar, kawasan tanah dusun seluas 7,478.9 ekar dan kawasan penanaman kelapa pula adalah merangkumi kawasan seluas 687.8 ekar. Manakala lain-lain tanaman pula ialah seluas 1238.7 ekar.

Jumlah penduduk yang termasuk dalam pengawasan Pertubuhan Peladang Cherang Rotan ini ialah seramai 18,418 orang. Dari bilangan ini, terdapat seramai 3,831 orang keluarga tani di mana bilangan sebenar petani ialah sejumlah 2,433 orang. Pertubuhan Peladang Cherang Rotan juga mempunyai sebanyak 15 buah Unit Peladang (JPUP), 3 buah Unit Ahli dan 1 buah Unit Wanita. 15 buah Unit Peladang yang terdapat dalam Pertubuhan Peladang Cherang Rotan ini termasuklah kawasan Banggol Stol, Lepah, Berangan, Permatang Sungkai, Seligi, Banggol Pak Esah, Permatang Gading, Bukit Abal Barat, Bukit Abal Timur (Cherang Rotan), Kampung Wakaf, Padang Pak Amat, Panggong, Merkang, Nara dan Cherang Tuli.

Keluasan kawasan bertanam padi di tiap-tiap Unit Peladang ini adalah dinyatakan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Jumlah Keluarga Tani dan Keluasan Tanah JPUP

yang diusahakan dengan jadi.

Bil	JPUP	Keluarga Tani	Keluasan (Ekar)	Tanam Padi
1.	Banggol Stol	376	425	358
2.	Lepah	198	661	380
3.	Berangan	230	1380	752
4.	Permatang Sungkai	295	500	480
5.	Seligi	228	730	655
6.	Banggol Pak Esa	198	531	450
7.	Permatang Gading	120	661	330
8.	Bukit Abal Barat	210	639	100
9.	Bukit Abal Timur	225	900	771
10.	Kampung Wakaf	304	1045	625
11.	Padang Pak Amat	409	2110	750
12.	Panggong	241	6549	550
13.	Merkang	248	793	421
14.	Nara	259	1916	512
15.	Cherang Rotan	260	1027	103

Sumber: Laporan Kemajuan Pertubuhan Peladang Cherang Rotan, 1985

Dari data di atas, didapati jumlah sebenar keluarga tani di Kampung Bukit Abal (Bukit Abal Timur dan Bukit Abal Barat) ialah 465 orang. Manakala keluasan tanahnya pula ialah sejumlah 1539 ekar

dan dari jumlah kluasan ini, sebanyak 871 ekar adalah kawasan tanah yang diusahakan dengan padi.

3.6.2 Organisasi Pentadbiran Pertubuhan Peladang Kawasan

Pertubuhan Peladang Kawasan adalah sebuah institusi peladang yang memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat desa. Pertubuhan Peladang Kawasan ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109, 1973). Dalam kawasan pengendalian KADA terdapat 13 buah Pertubuhan Peladang Kawasan yang menjalankan berbagai aktiviti. Luas kawasan pengendalian Pertubuhan Peladang ialah seluas 82,900 hektar dengan jumlah 45,000 keluarga tani.

Pertubuhan Peladang Kawasan mempunyai ahli-ahli perseorangan yang bermesyuarat di peringkat Unit Peladang/YPW/Unit Ahli bagi memilih Ketua Unit dan wakil-wakil ke mesyuarat Agung Perwakilan Pertubuhan Kawasan. Mesyuarat Agung Perwakilan merupakan Kuasa Tertinggi bagi menggubal Perlembagaan, mengemuka usul-usul, membahas penyata kewangan, melulus anggaran Belanjawan Tahunan dan juga melantik Jemaah Pengarah yang akan merancang dan mentadbirkan Pertubuhan Peladang Kawasan dengan dibantu oleh Pengurus Kewangan dengan pembantu-pembantunya.

Antara program-program KADA yang disalur melalui Pertubuhan Peladang Kawasan ialah:

- i. Pembekalan (benih, baja dan lain-lain)

- ii. Kemudahan Jentera Ladang


- iii. Kredit dan Subsidi
- iv. Khidmat Nasihat Ladang (Pengembangan)²
- v. Kemudahan Pengangkutan
- vi. Kemudahan Pemasaran

Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan merancang aktiviti yang akan dijalankan oleh Pengurus Kawasan dengan pembantu-pembantunya. Ini secara langsung akan melibat petani-petani setempat. Tenaga Pengurusan di 13 buah Pertubuhan Peladang Kawasan terdiri daripada seramai 148 orang pegawai/kakitangan KADA dan 148 orang kakitangan yang dibiayai oleh Pertubuhan Peladang sendiri.

Bagi mencapai matlamat penubuhan Pertubuhan Peladang, segala aktiviti-aktiviti adalah dirancang oleh Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan dan setiap rancangan itu dijalankan oleh Pengurus Kawasan dengan pembantu-pembantunya. Pembantu-pembantu ini selalunya dikenali sebagai Juruteknik Pertanian (JTP). Di Pusat Kemajuan Peladang Cherang Rotan terdapat 8 orang Juruteknik Pertanian yang bersama-sama berganding bahu dengan Pengurus Kawasan dalam menjayakan lagi projek yang diusahakan itu. Terdapat 1 orang Juruteknik Pertanian projek, 5 orang Juruteknik Pertanian Kawasan, 1 orang Juruteknik Pertanian Niagatani dan 1 orang Juruteknik Pertanian Jentera.

² Khidmat Nasihat Ladang ini termasuklah memberi ceramah dan juga kursus kepada para petani. Ceramah berkenaan pertanian ini terbuka pada semua petani manakala untuk menghadiri kursus pula biasanya petani akan dipilih oleh Penghulu Kampung. Walau bagaimanapun Penghulu tidak menghalang para petani yang secara sukarela ingin menghadiri kursus tersebut.

ORGANISASI PENTADBIRAN PERTUBUHAN PELADANG CHERANG ROTAN



Sumber: Dari pusat Kemajuan Peladang Kawasan

Juruteknik Pertanian juga merupakan ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir dan pengurusan di Unit Peladang (JPUP). Keahlian mereka telah dipilih dan dilantik mengikut Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan. Selalunya Penghulu atau Ketua Kampung yang akan dilantik menjadi Pengerusi atau Ketua Unit JPUP. Peranan JPUP yang penting ialah berusaha membantu dan memajukan ekonomi dan sosial para peladang di samping melahirkan masyarakat peladang yang berdikari dalam unit peladangannya.

3.6.3 Kedudukan Ahli dan Saham

Kemajuan Keahlian Pertubuhan Peladang Kawasan hingga kini ialah 28,813 orang ahli perseorangan iaitu pencapaian 52.9% daripada bilangan keluarga tani dari kawasan KADA. Terdapat 192 Unit Peladang, 22 Unit Peladang Wanita dan 46 Unit Ahli di 13 Pertubuhan Peladang Kawasan KADA. Adalah menjadi hasrat KADA supaya semua petani KADA menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan.

Selaras dengan hasrat ini, maka sepanjang tahun 1985, Pertubuhan Peladang Cherang Rotan telah menjalankan berbagai kempen dan langkah yang wajar bagi menambahkan bilangan petani untuk menjadi ahli di dalam pertubuhan peladang. Sebagai langkah bagi memperolehi peningkatan ini, maka ahli jemaah pengarah dan juga ahli Jawatankuasa Unit telahpun memberi persetujuan di atas beberapa dasar untuk membezakan ahli dan bukan ahli dalam aktiviti Perkhidmatan Pertubuhan

Peladang. Di antaranya ialah:

- i. Membezakan harga tambang lori. Dalam kaedah ini, tiap-tiap anggota petani yang menjadi ahli dalam Pertubuhan Peladang hanya dikenakan bayaran sebanyak 20 sen bagi setiap beg padi ataupun baja yang menggunakan perkhidmatan ini. Seandainya seseorang itu tidak menjadi ahli, maka mereka dikenakan bayaran dari 30 sen hingga 40 sen bagi tiap satu beg, sekiranya mereka ingin menggunakan perkhidmatan ini.
- ii. Mengutamakan kepada ahli dalam urusan baja subsidi. Sungguhpun kerajaan memperuntukkan bahawa setiap petani itu memperolehi baja subsidi, namun begitu keutamaan khusus akan diberi kepada mereka yang menjadi ahli saja.
- iii. Mengadakan khairat kematian kepada ahli, suami atau isteri ahli dan juga kepada anak ahli. Dalam khairat kematian ini, sekiranya berlaku kematian ke atas si suami di mana ternyata dia adalah ahli kepada Pertubuhan Peladang, maka pihak Pertubuhan Peladang ini akan memberi sumbangan sebanyak \$50 kepada keluarga si mati. Jikalau isteri kepada ahli yang meninggal dunia, maka sumbangan sebanyak \$30 akan diberi oleh Pertubuhan Peladang ini. Bantuan ataupun sumbangan

sebanyak \$20 akan diberi kepada keluarga ahli Pertubuhan Peladang ini seandainya anak ahli yang meninggal dunia.

iv. Memperuntukkan dermasiswa kepada anak-anak ahli yang akan mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP).³ Bayaran dermasiswa yang berjumlah sebanyak \$15 akan diberi kepada anak-anak ahli yang akan menduduki peperiksaan SRP saja. Seramai 9 orang anak-anak ahli akan dipilih dari tiap-tiap unit kawasan dalam Pertubuhan Peladang bagi memperolehi dermasiswa ini.

Jadi, melalui langkah-langkah yang telah dijalankan itu, didapati wujud peningkatan para petani yang menjadi ahli dalam Pertubuhan Peladang ini. Pada tahun 1985 terdapat seramai 123 orang ahli baru yang telah mendaftar dengan Pertubuhan Peladang Cherang Rotan ini.

Dari Jadual 4 didapati wujudnya peningkatan baik dari segi bilangan ahli, mahupun dari segi jumlah saham dari tahun ke setahun. Dalam tahun 1984 dan 1985 saja terdapat sebanyak 3.46% penambahan keahlian dalam Pertubuhan Peladang Cherang Rotan ini.

³ Bermula tahun ini pihak Pusat Kemajuan Peladang Cherang Rotan telah mengadakan dermasiswa untuk anak-anak petani yang akan menduduki SPM dan STPM. Biasanya pemilihan bagi pembahagian dermasiswa ini adalah berdasarkan pencapaian pelajaran anak-anak petani yang menjadi ahli kepada Pusat Kemajuan Peladang Cherang Rotan.

Jadual 4: Keahlian dan Saham

Tahun	Keahlian	Saham	Peratus (%)
1982	1059	\$15,910.00	29
1983	1156	\$16,880.00	31.67
1984	1165	\$17,015.00	31.82
1985	1288	\$17,845.00	35.28

Sumber: Laporan Kemajuan Pertubuhan Peladang Cherang Rotan, 1985

3.6.4 Peranan dan Aktiviti Pertubuhan Peladang Kawasan Secara Umum

Pertubuhan Peladang yang merupakan satu gerakan pertanian di bawah pengendalian KADA telah memainkan peranannya yang amat penting. Antara peranan ataupun sumbangan yang dimainkan oleh Pertubuhan Peladang itu termasuklah:

- i. Meluaskan pengeluaran pertanian di kalangan peladang dengan cara memajukan tanah-tanah milik ahli yang kini terbiar dan juga untuk menambahkan penghasilan tanah yang sedang dimajukan khususnya untuk kawasan tanaman padi. Mempelbagai jenis-jenis tanaman dengan memperkenalkan Rancangan Tanaman Jangkapendek dan menggalakkan juga rancangan-rancangan ternakan ayam, itik dan ternakan ikan air tawar.

ii. Mengadakan bekalan-bekalan dan keperluan harian termasuklah lain-lain kemudahan dengan harga yang paling murah dan berpatutan. Mengadakan juga kemudahan dan perkhidmatan kejenteraan ladang bagi membajak sawah dalam masa yang ditetapkan dan memperkenalkan cara-cara penuaian berjentera. Dengan adanya subsidi kerajaan di bawah skim kejenteraan ladang pihak KADA berharap jentera-jentera pembajak yang disumbangkan kepada koperasi akan dapat mengenakan upahan yang sehabis rendah dan berpatutan kepada petani.

iii. Mengadakan perkhidmatan pemasaran, penyimpanan, kompleks perniagaan, pergudangan dan lain-lain.

iv. Mengendali dan mengadakan kemudahan-kemudahan pengangkutan bagi menambah usaha-usaha pemasaran pertanian dan lain-lain kemudahan pengangkutan.

v. Menubuh dan mengendalikan kompleks mengilang yang perlu bagi memproses hasil-hasil pertanian di peringkat luar bandar.

vi. Memudahkan pembentukan modal dan menggalakkan pelaburan di kalangan peladang-peladang melalui penyertaan "ekuiti" dalam usaha perdagangan dan perniagaan pertanian.

vii. Menggalak dan mempergiatkan tindakan kumpulan melalui yang berbilang berbagai projek kemasyarakatan dan ini memudahkan kerajaan bagi membentuk kepimpinan tempatan.
aktiviti penanaman pada secara agensi tidak dapat dijalankan Sebagai salah sebuah badan yang berada di bawah pengendalian KADA, sesungguhnya Pertubuhan Peladang Cherang Rotan tidak dapat lari daripada memainkan peranannya dengan menjalankan aktiviti-aktiviti yang dikira dapat memberi keuntungan kepada semua pihak terutamanya para petani. Tetapi sejelang tahun 1986 aktiviti penanaman ini telah terhenti akibat daripada masalah untuk mendapatkan lesen tersebut.

3.6.5 Aktiviti-Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Pertubuhan Peladang Cherang Rotan

Dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf hidup petani melalui menambahkan daya pengeluaran, Pertubuhan Peladang Cherang Rotan telah menjalankan beberapa aktiviti bagi menyahut seruan kerajaan ini. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pertubuhan ini ialah: Peladang. Hasil daripada aktiviti penanaman ini, pada tahun-tahun yang sudah, Pertubuhan Peladang

i. Niagatani

Cherang Rotan telah memperolehi komisen sebanyak 1.25%. Sepanjang tahun 1981 Pusat Kemajuan Peladang (PKP) Cherang Rotan telah menjalankan kerja-kerja tender yang dikeluarkan oleh Pegawai KADA Jajahan (PKJ). Pertubuhan Peladang dijadikan sebagai kontraktor kepada KADA untuk menjalankan kerja-kerja tender yang bernilai di bawah \$10,000. Hasil daripada kerja-kerja tender yang dikontraknya itu, sepanjang tahun 1985, Pusat Kemajuan Peladang Cherang Rotan

telahpun memperolehi keuntungan sebanyak \$16,193.02 dari kerja-kerja yang bernilai \$88,336.61.

Aktiviti pemasaran padi secara agensi tidak dapat dijalankan secara meluas kerana Pusat Kemajuan Cherang Rotan tidak mempunyai lesen agensi. Namun begitu Pusat Kemajuan Cherang Rotan telah berusaha meminjam lesen daripada Pusat Kemajuan Peladang Bukit Jawa untuk memberi perkhidmatan kepada petani-petani di samping mendapat keuntungan. Tetapi menjelang tahun 1986 aktiviti pemasaran ini telah terhenti ekoran daripada masalah untuk mendapatkan lesen tersebut.

Sungguhpun Pertubuhan Peladang ini tidak begitu giat menjalankan aktiviti pemasaran padi, namun begitu para petani lebih suka menjual padi mereka kepada Pertubuhan Peladang daripada menjualnya terus kepada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Ini memandangkan pada kelewatan proses berjual beli yang terdapat di pihak LPN berbanding dengan Pertubuhan Peladang. Hasil daripada aktiviti pemasaran secara agensi ini, pada tahun-tahun yang sudah, Pertubuhan Peladang Cherang Rotan telah memperolehi komisen sebanyak 1.25%. Sepanjang tahun 1985, Pusat Kemajuan Peladang ini telah mendapat keuntungan sebanyak \$4,993.54 hasil dari jumlah padi sebanyak 58,435.18 pikul.

Selain daripada apa yang dinyatakan di atas, aktiviti Niagatani yang dijalankan oleh Pertubuhan Peladang Cherang Rotan itu termasuklah jualan bahan-bahan input pertanian seperti racun rumput, racun serangga, baja dan juga aktiviti pengeluaran baja

subsidi. Penjualan minyak selender juga ada dijalankan oleh Pertubuhan Peladang Cherang Rotan di mana minyak ini selalunya akan dijual kepada Pertubuhan Peladang yang lain.

ii. Projek Mini Estet Padi⁴

Pertubuhan Peladang Cherang Rotan telah cuba menjalankan projek mini estet tanaman padi seluas 110 ekar pada musim 11/85 di kawasan bendang Jakar. Projek ini adalah bertujuan untuk memenuhi kawasan tanah padi yang terbiar dan untuk memberi peluang pekerjaan kepada petani-petani di sekitar, di samping Pertubuhan Peladang memperolehi keuntungan hasil dari projek ini.

Projek mini estet ini diusahakan oleh Pertubuhan Peladang Cherang Rotan dengan cara menyewa tanah para petani yang tidak diusahakan. Selalunya bayaran untuk sewa ini adalah berjumlah antara \$115 - \$120/musim/ekar. Mini estet ini akan ditanam secara cedung seluas 10 ekar dan baki 100 ekar ditanam secara tabur terus. Perbelanjaan sehingga akhir Disember 1985 berjumlah \$30,074.30 dan walaupun keuntungan hasil dari projek ini tidak seberapa tapi ternyata projek ini telah berjaya dalam usahanya untuk memberi peluang pekerjaan kepada para petani.

⁴ Pusat Kemajuan Peladang Cherang Rotan bercadang hendak mempergiatkan lagi Projek Mini Estet Padi ini memandangkan faedah yang boleh dinikmati oleh banyak pihak hasil dari kegiatannya.

petani. iii. Projek Ternakan Ikan

Memandangkan ternakan ikan keli tidak menunjukkan kejayaan sebanyak \$4,000.00 dalam projek ini, tetapi pada tahun 1985 mendapat khidmat nasihat daripada Jabatan Perikanan telah cuba memelihara beberapa jenis ikan air tawar termasuk ikan jelawat, kap makan rumput, kap kepala besar, lee koh, lampan jawa dan juga udang galah. Sungguhpun hanya terdapat 4 buah kolam saja yang telah dipenuhi dengan ikan air tawar, tapi memandangkan kesesuaian jenis ikan dengan keadaan sekeliling, ada kemungkinan projek ini akan memberi kejayaan.

Sehingga akhir tahun 1985, projek ini telah dibelanjakan sebanyak \$42,384.90. Dari jumlah ini sebanyak \$27,563.40 adalah ditanggung oleh Pertubuhan Peladang sendiri, manakala bakinya ditanggung oleh KADA. Pada akhir 1985, sebahagian daripada ternakan ikan air tawar telahpun dijual dengan mendapat keuntungan sebanyak \$652.20, manakala bakinya akan dijual pada tahun 1985 ini. Tetapi buat sementara waktu, iaitu menjelangnya tahun 1986, projek ternakan ini telah dihentikan dan usaha untuk memajukan semula projek ini akan dijalankan semula setelah ianya difikirkan perlu.

iv. Jentera Ladang

Pertubuhan Peladang Cherang Rotan mempunyai 10 buah traktor 4 roda yang akan memberi perkhidmatan kepada ahli-ahli dan juga kepada

petani di sekitarnya. Memandangkan Pusat Kemajuan Peladang tidak mencukupi untuk menampung keluasan tanah padi yang berjumlah lebih kurang 6,000 ekar, maka perkhidmatan traktor luar sama ada Lembaga Pertubuhan Peladang dan juga swasta akan sentiasa diambil untuk memenuhi kehendak petani.

Pendapatan traktor merupakan punca utama kemasukan aliran wang kepada Pertubuhan Peladang, tetapi kutipan balik daripada petani-petani ke atas sewa traktor ini adalah tidak begitu menggalakkan. Pada tahun 1985, Pusat Kemajuan Peladang memperolehi pendapatan traktor sebanyak \$120,793.00 dan kutipan balik hanya sejumlah \$52,399.75 iaitu kira-kira 43.3% sahaja. Kedudukan baki traktor yang berakhir sehingga Disember 1985 sejumlah \$180,715.75. Memandangkan kepada masalah yang ditimbulkan oleh petani dalam membayar balik perbelanjaan traktor ini, pihak pengurusan dan juga Ahli Jemaah Pengarah telah membuat keputusan untuk memberi potongan sebanyak 10% kepada mana-mana ahli yang menjelaskan bayaran upah tenggala pada tiap-tiap musim. Ini merupakan satu langkah untuk mengurangkan baki kutipan traktor.

Selain daripada itu, Pertubuhan Peladang Cherang Rotan juga mempunyai sebuah mini lori 2.5 tan untuk memberi perkhidmatan kepada ahli-ahli dan juga penduduk-penduduk di sekitarnya. Aktiviti yang dijalankan ialah seperti mengangkut baja subsidi, padi, racun, dan juga barang-barang luar yang dikenakan tabung pendapatan lori.

Pada tahun 1985, pendapatan yang diperolehi melalui projek ini ialah sebanyak \$4,293.10 dan dari jumlah ini, Pertubuhan Peladang Cherang Rotan telah mendapat keuntungan sebanyak \$2,037.12.

v. Jalan Luar Bandar dan Jalan Ladang

Pihak KADA telah membina jalan-jalan luar bandar dan jalan ladang di Kampung Bukit Abal dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan yang secukupnya. Rancangan ini diusahakan semata-mata untuk memudahkan para pegawai melawat ke kampung-kampung petani untuk memberi nasihat dan tunjukajar. Juga supaya input-input pertanian dapat sampai ke kawasan pedalaman untuk kegunaan petani. Jalan-jalan luar bandar ini dibina mengikut ramainya penduduk dan juga jumlah penghasilan pertanian di kawasan tersebut. Kesemua ini dibuat dengan matlamat untuk mencapai pembangunan pertanian yang intensif.

Sehingga ke hari ini, terdapat beberapa batang jalan ladang telah dibina di Kampung Bukit Abal, di mana telah menghubungkan jalan-jalan besar ke sawah padi. Dengan ini menyenangkan para petani mengangkut padi terutamanya pada musim penuaian. Hari ini, adalah tidak menghairankan sekiranya para petani menggunakan motosikal mengangkut padi dari sawah ke rumah-rumah mereka. Keadaan ini ternyata berbeza dengan di masa-masa lalu di mana para petani terpaksa memikul padi tersebut ke jalan besar sebelum mengangkutnya dengan basikal ke rumah atau ke kilang padi untuk dimesin.

vi. Nasihat dan Tunjukajar

Pusat Kemajuan Peladang Cherang Rotan di bawah Seksi Nasihat Ladang telah memain peranan yang penting dalam memberi nasihat dan tunjukajar kepada petani di Kampung Bukit Abal dalam usahanya meninggikan hasil pertanian. Seksi ini telah memberi nasihat dan tunjukajar tentang teknik pertanian moden yang menguntungkan dan ekonomik. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan di kampung ini ialah:

(b) Pinjaman membali traktor 2 roda.

(a) Operasi memburu tikus di sawah-sawah padi.

(b) Kerja gotong-royong seperti menyembur racun padi secara beramai-ramai.

(c) Menentukan jadual pembahagian benih padi. Biasanya dilakukan di rumah Penghulu.

(d) Melawat ke tempat kelompok.

(e) Memberi nasihat dalam penggunaan racun serangga dan sebagainya.

(f) Mengadakan kursus sivik kepada petani tentang perkembangan semasa berkaitan dengan pertanian di Sekolah Kebangsaan Kampung Bukit Abal.

Boleh dikatakan kesan daripada nasihat dan tunjukajar dari pihak KADA ini, para petani di Kampung Bukit Abal telah dapat

menerima pembaharuan dan sedikit sebanyak teknologi yang telah disalurkan.

vii. Pinjaman dan Kredit

Di Kampung Bukit Abal, pinjaman yang biasanya diberi oleh pihak KADA adalah seperti:

- (a) Pinjaman upah tenggala Bank Pertanian
- (b) Pinjaman membeli traktor 2 roda
- (c) Pinjaman persekolahan
- (d) Pinjaman dengan cawangan KADA dan Pertubuhan Peladang

Bagi para petani yang ingin membeli jentera pertanian biasanya traktor 2 roda, ia mestilah terlebih dahulu menjadi ahli Pusat Kemajuan Peladang Cherang Rotan. Ahli ini mesti membuat permohonan dengan Bank Pertanian Malaysia (BPM), dan setelah mendapat kelulusan dari pihak bank barulah pihak koperasi akan membeli jentera tersebut serta diberikan pada petani.

Dari kajian di kampung tersebut didapati pada kebiasaannya setiap petani yang ingin membeli jentera pembajak itu membuat pinjaman dengan Bank Pertanian Malaysia sebanyak \$3,000.00. Baki dari pinjaman itu akan disimpan di Koperasi Peladang sebagai wang simpanan yang mana tujuannya ialah untuk digunakan bagi membeli alat-alat ganti sekiranya berlaku kerosakan. Jika pinjaman ini diluluskan petani

dikehendaki membayar wang pendahuluan sebanyak \$700.00 dan baki yang selebihnya akan dikutip secara beransur-ansur. Ini kadang-kadang mendatangkan masalah pada pertubuhan peladang kerana setengah petani masih belum menjelaskan hutang mereka, walaupun surat telahpun dihantar termasuk juga surat dari Bank Pertanian Malaysia sendiri.

Pinjaman persekolahan pada anak-anak petani jarang diberikan kepada penduduk Kampung Bukit Abal. Ini kerana masih tidak ramai anak para petani di kampung tersebut yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, manakala bagi anak mereka yang belajar di peringkat rendah, mereka masih lagi mampu menanggungnya.

Pihak KADA juga berfungsi sebagai penjamin kredit tenggala kepada pihak petani, kemudianya bila petani beroleh hasil barulah dijelaskan hutangnya. Biasanya di kampung ini dalam menjalankan satu-satu projek seperti projek ternakan ayam daging, pihak KADA yang terlebih dahulu menanggungnya, kemudian barulah dibayar pinjaman tersebut. Jadi, kegiatan ini adalah amat mustahak, sekurang-kurangnya petani tidak lagi terikat dengan orang-orang tengah yang biasanya menjadi tumpuan mereka untuk mendapatkan kredit.

vii. Khidmat Pembekalan

Pihak KADA telah membekalkan subsidi baja padi, anak-anak pisang, benih padi dan kacang tanah. Benih padi yang telah dibekalkan pada penduduk kampung itu adalah dari jenis kadaria, sekembang dan

mahsuri. Biasanya dibekalkan 3 gantang bagi setiap satu ekar dan ia dihadkan pada 2 ekar baja. Baja yang telah dibekalkan itu pula ialah amorphus (baja semai) yang digunakan untuk padi semai (lepas menabur), baja pokok (tambahan) iaitu ditabur setelah 2 minggu padi itu dicedung, manakala baja urea pula ditabur semasa padi itu kuning (masa hendak mengeluarkan buah). Ratio yang telah ditetapkan ialah 1 beg amorphus, 4 beg baja tambahan dan 2 beg baja urea untuk tiap-tiap 1 ekar sawah padi.

Terdapat juga pembekalan bahan input pertanian seperti racun serangga dan racun rumput. Jenis racun yang biasa dipesan oleh pihak persatuan bergantung atas kehendak dan permintaan petani. Penjualan racun serangga hanya diadakan di atas pejabat persatuan sahaja. Penjualan ini merupakan penjualan barang terkawal.

ix. Bahagian Pengembangan

Dalam unit pengembangan ini, sebenarnya pihak KADA berperanan khusus untuk memberi latihan dan pertunjukan kaedah-kaedah baru dalam pertanian, di mana penekanan diberi kepada penanaman padi. Di kampung ini, beberapa program pengembangan telah dilakukan, antaranya ialah:

(a) Kursus petani di Pusat Latihan KADA

(b) Kursus khas penyakit merah virus

- (c) Lawatan ke tempat petani maju
- (d) Gotong-royong menggali dan mencuci parit jari, mencegah musuh dan penyakit, membina batas baru dan membina jalan ladang
- (e) Petak pertunjukan ladang
- (f) Kursus sehari JPUP

3.7.6 Kesimpulan

Dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KADA itu, maka tidak dapat dinafikan bahawa pihak KADA sememangnya telah berusaha sedaya upaya menolong dan memberi bermacam sumbangan demi mempertingkatkan taraf pembangunan sosio-ekonomi petani di Kampung Bukit Abal.

Walau bagaimanapun yang menjadi persoalannya ialah adakah segala perancangan dan aktiviti yang dijalankan itu dapat diterima sepenuhnya oleh masyarakat kampung tersebut? Di sini pihak KADA seharusnya lebih berhati-hati dalam mencadangkan sebarang projek agar segala perancangan itu dapat dipraktikkan dengan jayanya dan dapat pula diterima dengan baik oleh para petani di Kampung Bukit Abal.

Juga didapati dalam usaha mencapai tujuan di atas pihak KADA tidak terlepas dari menghadapi masalah, batasan-batasan fizikal

dan sosial. Batasan fizikal seperti masalah-masalah teknikal tidaklah sebegitu rumit untuk diatasi jika dibandingkan dengan masalah sosial dan institusi seperti melicinkan struktur-struktur organisasi, membangunkan institusi peladang dan mengubah sikap serta amalan para petani. Jadi, di sini pihak KADA seharusnya bertindak dengan lebih agresif untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Adalah menjadi harapan semua agar KADA bertindak sebagai sebuah agensi yang betul-betul berorientasi kemajuan untuk menolong para petani dan sebaliknya masyarakat petani pula mestilah mempunyai sikap yang positif dan tegas untuk mengubah kehidupan mereka ke tahap yang lebih maju. Dengan ini adalah tidak menjadi satu perkara yang mustahil bahawa pada suatu masa nanti masyarakat tani tersebut akan berubah menjadi sebuah masyarakat yang berpotensi dan maju.

Petani-petani besar diturutkan sebagai petani-petani yang sengsahakannya sendiri. Namun, petani-petyaya adalah petani-petani yang menyewa atau membeli tanah yang lain untuk dinauhakannya. Maka tidak mempunyai tanah yang sendiri. Petani-petani-petyaya pula ialah petani-petani yang menyewa atau membeli tanah orang lain, di mana jumlah mereka ini melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan responden, iaitu sebanyak 60%. Keadaan ini wajud mungkin diajukan oleh kebanyakan penduduk di Kampung Sukit Abai. Ini adalah para pendatang yang berdatrah

Dari Janis 5 disimpulkan kebanyaknya petani-petani di kawasan ini menyewa atau pun membeli tanah orang lain, di mana jumlah mereka ini melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan responden, iaitu sebanyak 60%. Keadaan ini wajud mungkin diajukan oleh kebanyakan penduduk di Kampung Sukit Abai. Ini adalah para pendatang yang berdatrah

EKONOMI, SOSIAL DAN POLITIK PETANI

4.1 Ekonomi**4.1.1 Hakmilik Tanah**

Dalam kajian yang telah dilakukan di Kampung Bukit Abal ini, petani-petaninya dapat dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu:

- i. Petani-Pemilik (owner-farmer)
- ii. Petani-Penyewa (tenant-former)
- iii. Petani-Pemilik-Penyewa (owner-tenant)

Petani-pemilik dapat ditakrifkan sebagai petani-petani yang mengusahakan sawah padi mereka sendiri. Manakala petani-penyewa adalah petani-petani yang menyewa atau memawah tanah yang lain untuk diusahakan lantaran mereka tidak mempunyai tanah sawah sendiri. Petani-pemilik-penyewa pula ialah petani-petani yang menyewa atau memawah tanah orang lain untuk diusahakan selain daripada mengusahakan tanah milik sendiri.

Dari Jadual 5 didapati kebanyakan petani-petani di kawasan ini menyewa ataupun memawah tanah orang lain, di mana jumlah mereka ini melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan responden, iaitu sebanyak 60%. Keadaan ini wujud mungkin disebabkan oleh kebanyakan penduduk di Kampung Bukit Abal ini adalah para pendatang yang berhijrah

Jadual 5: Kategori Petani

Kumpulan Petani	Bilangan	Peratus (%)
Petani-Pemilik	13	26
Petani-Penyewa	30	60
Petani-Pemilik-Penyewa	7	14
Jumlah	50	100

semua tanah orang lain di samping mengusahakan tanah sendiri.

semata-mata kerana mengikut saudara mara mereka. Ketiadaan tanah sendiri menyebabkan mereka terpaksa menyewa tanah orang lain bagi membolehkan mereka mengusahakannya untuk menampung keperluan keluarga. Sungguhpun terdapat 40% daripada petani-petani ini memiliki tanah sawah sendiri, namun begitu keluasan tanah yang diusahakan mereka adalah terlalu kecil dan tidak ekonomikal. Purata luas tanah sawah yang diusahakan oleh tiap-tiap kumpulan petani ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

Jadual 6: Pengusahaan Tanah

Kumpulan Petani	Luas Tanah Diusahakan
Petani-Pemilik	1.07 ekar
Petani-Penyewa	0.95 ekar
Petani-Pemilik-Penyewa	1.50 ekar

Luas tanah yang diusahakan oleh petani-pemilik adalah tanah yang dippunyai oleh mereka sendiri, tetapi bagi petani-penyewa, tanah yang diusahakan itu adalah tanah sewaan semata-mata dan bagi petani-pemilik-penyewa, 0.5 ekar daripada 1.5 ekar yang diusahakan adalah tanah yang dimiliki sendiri. Dari Jadual 5, jelas menunjukkan petani yang mengusahakan tanah yang luas sekali adalah dari kumpulan "Petani-Pemilik-Penyewa". Ini disebabkan oleh mereka menyewa atau memawah tanah orang lain di samping mengusahakan tanah sendiri. Gambaran seperti ini dapat diperhatikan di seluruh kawasan KADA dan lain-lain kawasan tanah padi di seluruh negara.¹

Penyewaan dan pemawah tanah padi begitu ketara sekali di kawasan pengendalian KADA dan lain-lain kawasan penanaman padi di Kelantan. Di Kampung Bukit Abal, petani-petani yang tergolong ke dalam kumpulan petani penyewa dan petani-pemilik-penyewa adalah sebanyak 74%. Biasanya tanaman padi secara sistem sewa dan pawah itu akan melibatkan perjanjian antara tuan tanah dengan penyewa dan pemawah tanah. Perjanjian ini merupakan pembayaran yang dilakukan sama ada dalam bentuk wang tunai ataupun kebendaan (pada kebiasaannya padi) oleh para penyewa atau pemawah kepada tuan tanah.

¹ Untuk huraian lanjut tentang gambaran ini sila lihat S. Selvadurai, Ari Arope dan Nik Hassani Mohammad, Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Area of Kelantan, 1968, Ministry of Agriculture and Co-operative Malaysia, m.s. 59.

Dari jumlah 74% petani yang tergolong di dalam kumpulan ini, didapati 10.8% menyewa tanah pertanian itu dengan bayaran antara \$50 hingga \$100 semusim tanaman padi. Harga sewaan ini selalunya bergantung pada keadaan tanah dan budi bicara tuan tanah itu sendiri. Manakala baki dari jumlah ini, iaitu sebanyak 89.2% lagi membayar hutang sewa ini dalam bentuk padi, iaitu mengikut kadar pembahagian 50 - 50 untuk tuan tanah dan petani.

4.1.2 Pendapatan dan Perbelanjaan

Apa yang menjadi tumpuan pengkaji dalam membincarakan tentang pendapatan ini ialah pendapatan ketua keluarga sahaja memandangkan fokus adalah kepada para pesawah padi. Pendapatan yang diambil kira ialah pendapatan dari hasil pengerajan sawah padi dicampur dengan kerja-kerja sampingan seperti bertukang, perkhidmatan kerajaan, berniaga dan sebagainya.

Untuk memastikan pendapatan yang sebenar petani adalah sukar kerana pendapatan penduduk di sini dikira berdasarkan kepada keluasan tanah sawah yang dippunyai dan dikerjakan oleh para petani. Oleh yang demikian, pendapatan yang diberikan di sini adalah pendapatan secara kasar saja. Ini disebabkan oleh keengganan para responden untuk membincarakan dengan lebih mendalam tentang pendapatan mereka dan mengatakannya dalam bentuk "lebih kurang saja".

Jadual 7: Agihan Pendapatan Ketua Rumahtangga
Di Kampung Bukit Abal

Kanduan ini sahaja merujuk kepada ketua rumah tangga yang berpendapatan

Pendapatan	Bil. Orang	Peratus (%)
0 - 100	30	-
101 - 200	18	36
201 - 300	16	32
301 - 400	11	22
401 - 500	2	4
501 Ke Atas	3	6
Jumlah	50	100

Kepentingan harian seperti ikan, ayam-kurau dan buah-buahan masih

Agihan pendapatan ketua rumah tangga dalam jadual di atas yang diberikan dikira mengikut bulanan. Hasil padi bagi dua musim diambil kira dan dibahagikan untuk menentukan pendapatan dalam sebulan. Didapati bahawa kumpulan yang berpendapatan tinggi adalah mereka yang berpendapatan \$400 ke atas. Terdapat seramai 5 orang petani (10%) yang termasuk dalam golongan ini. Bilangan ketua rumah tangga yang berpendapatan kurang dari \$300 sebulan adalah seramai 34 orang (68%). Bilangan ini melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan responden dan dari sini dapatlah dikatakan bahawa masyarakat kampung ini masih lagi berada pada garis kemiskinan, kerana menurut Dr. Abu Asmara Hj. Mohamad, seorang pegawai kanan RRI. Mereka yang berpendapatan di bawah pada \$375 sebulan (1983) dianggap berada di bawah paras

kemiskinan.

Keadaan ini wujud disebabkan oleh kebanyakan daripada penduduk di kampung ini mempunyai keluasan tanah sawah yang kecil dan tidak ekonomik dari segi penghasilannya. Masa yang diperlukan bagi mengerjakan sawah adalah lama dan ini menghalang para petani dari melakukan kerja-kerja sambilan² yang lain bagi menambahkan pendapatan mereka. Penanaman padi dua kali setahun kadang-kadang telah melenyapkan terus aktiviti kerja sampingan ini.

Jumlah pendapatan yang diperolehi itu dibelanjakan untuk keperluan hidup. Mereka membelanjakannya untuk membeli barang keperluan harian seperti ikan, sayur-sayuran dan barang-barang dapur yang lain. Perbelanjaan ini juga termasuk belanja harian persekolahan anak-anak dan juga belanja upah tenggala. Jadual 8 menunjukkan perbandingan antara pendapatan bulanan yang diperolehi dengan jumlah perbelanjaan bulanan bagi setiap keluarga.

Dari Jadual 8, didapati 45 keluarga (90%) berbelanja melebihi \$400 sebulan. Dari jumlah 45 keluarga ini, 3 keluarga (6%) yang berpendapatan kurang daripada \$400 termasuk dalam kategori ini. Begitu juga dengan 4 keluarga yang berpendapatan kurang dari \$300 juga berbelanja melebihi pendapatan mereka. Wujudnya fenomena

²Kerja-kerja sampingan yang dilakukan oleh para petani di kampung ini termasuklah menanam tembakau, sayur-sayuran dan juga bertukang. Biasanya kerja-kerja ini dijalankan waktu di luar musim penanaman padi.

Jadual 8: Pendapatan dan Perbelanjaan Bulanan Keluarga

Pendapatan (\$)	Jumlah	Perbelanjaan					Jumlah
		0 - 100	101 - 200	201 - 300	301 - 400	401 - 501	
0 - 100	-	-	-	-	-	-	-
101 - 200	18	1	10	7	-	-	18
201 - 300	16	-	5	7	2	2	16
301 - 400	11	1	2	5	2	1	11
401 - 500	2	-	-	-	2	-	2
501 +	3	-	-	1	1	1	3
Jumlah	50	2	17	20	7	4	50

sedemikian adalah disebabkan oleh tekanan hidup, terutamanya kerana kenaikan harga barang, perbelanjaan sekolah anak-anak dan sebagainya. Bagi yang berbelanja melebihi pendapatan ini, selalunya mereka akan berhutang dulu bagi keperluan harian mereka, kemudiannya hutang ini akan dibayar secara beransur-ansur setiap bulan. Umpamanya mereka mengambil barang keperluan dapur seperti beras, gula dan sebagainya dari kedai yang terdapat di kampung ini dan hutang tersebut akan dibayar apabila mereka memperolehi wang kelak.

4.1.3 Hutang dan Pinjaman

Hutang dan pinjaman merupakan satu perkara yang sudah lumrah di kalangan pesawah padi di sini. Dalam segala hal, mereka berhutang kerana ketiadaan wang, terutamanya untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak dan perbelanjaan mengerjakan sawah. Biasanya pinjaman yang dilakukan itu adalah antara sesama mereka sahaja dan selalunya kesusahan yang dialami oleh mereka itu dapat dikurangkan dengan meminta bantuan daripada kaum keluarga terdekat dan sahabat handai. Pinjaman yang biasa dilakukan adalah dalam kadar antara \$20 - \$50 sahaja memandangkan mereka semuanya sentiasa dalam kekurangan.

Semua penduduk di sini, bolehlah dikatakan pernah dan sentiasa berhutang. Dari kajian yang dilakukan, jelas sekali bahawa fenomena hutang ini sentiasa berlaku dan tidak pernah berhenti. Terdapat beberapa orang responden yang mengatakan bahawa hutang

mereka tidak pernah putus dari satu musim ke satu musim padi yang lain. Keadaan ini terjadi kerana pada masa hasil belum diperolehi, mereka memerlukan wang untuk belanja sehari-hari dan juga untuk perbelanjaan pesawahan. Gambaran ini menunjukkan seolah-olah kerja yang dilakukan oleh mereka itu adalah untuk membayar hutang semata-mata. Fenomena ini samalah seperti apa yang dikatakan oleh Syed Husin Ali (1975: 48):

"Pinjam-meminjam dan hutang-piutang adalah ciri biasa dalam kehidupan orang-orang Melayu luarbandar."

Terdapat juga segelintir daripada petani ini yang membuat pinjaman daripada Persatuan Peladang Kawasan. Sungguhpun pihak Pertubuhan Peladang kawasan ini menyediakan kemudahan kredit kepada para petani, namun begitu para petani lebih suka melakukan pinjaman dengan saudara mara mereka ataupun orang tengah. Ini disebabkan oleh pinjaman melalui Pertubuhan Peladang biasanya menghendaki mereka mengisi berjenis-jenis barang dan terpaksa pula menunggu masa untuk diluluskan. Keadaan ini sudah tentu memakan masa yang lama dan tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada pesawah yang sudah begitu kesempitan. Kadang-kadang para petani yang mendapat kredit itu terpaksa membayar hutang mereka sebanyak dua kali kepada pihak Pertubuhan Peladang, semata-mata kerana mereka kehilangan resit pembayaran.

4.1.4 Simpanan

Melalui kajian yang dibuat, jarang kedapatan di kalangan responden yang menyimpan wang. Mereka ini enggan untuk membicarakan soal simpanan wang kerana mereka mengatakan bahawa apa yang diperolehi pun tidak mencukupi untuk membayar hutang, apatah lagi untuk menyimpan. Adalah sukar untuk mengetahui kadar simpanan wang di kalangan responden yang ditemubual. Mereka sekadar memberitahu bahawa "ada sikit-sikit saja". Oleh itu tidak dapat diketahui dengan jelas simpanan mereka yang ada kerana mereka seolah-olah malu untuk menjawabnya ataupun meninggalkan soalan tersebut begitu saja.

Simpanan yang diamalkan oleh pesawah di sini adalah secara persendirian, iaitu wang mereka disimpan di rumah-rumah saja. Bagi mereka, adalah senang sekiranya wang disimpan di rumah kerana mereka memerlukannya setiap hari bagi perbelanjaan harian dan perbelanjaan persekolahan anak-anak. Mereka juga mengatakan apalah gunanya menyimpan wang di bank sedangkan wang yang hendak disimpan itu adalah sedikit dan hanya sementara sahaja.

Namun begitu, terdapat juga di kalangan mereka yang menyimpan wang mereka di Bank Bumiputera dan Amanah Saham Nasional (ASN). Mereka yang menyimpan wang di bank-bank ini adalah mereka yang berpendapatan agak tinggi dari kebanyakan para pesawah di sini. Terdapat

seramai 5 orang (10%) daripada responden yang menyimpan wang dalam ASN. Peratusan yang kecil di kalangan petani yang menjadi ahli ASN adalah disebabkan rata-rata mereka beranggapan bahawa menyimpan dalam ASN adalah berlawanan dengan Islam. Bagi mereka, bonus yang diberi itu bolehlah diumpamakan seperti riba yang dilarang oleh Islam. Namun begitu, tidak semua yang mempunyai sentimen sedemikian. Kebanyakan daripada mereka yang tidak menabung adalah semata-mata disebabkan oleh ketiadaan wang lebih dan bukannya pengaruh agama seperti yang dinyatakan itu.

4.1.5 Pemilikan Harta

Kebiasaan Sudah menjadi kebiasaan bagi penduduk kampung iaitu tanah dan rumah merupakan harta milik yang utama bagi mereka. Demikian jugalah halnya dengan penduduk Kampung Bukit Abal di mana tanah merupakan harta tetap bagi mereka. Seseorang itu akan dikatakan berharta jika memiliki berekar-ekar tanah. 100% dari mereka mempunyai tapak rumah dan walaupun kesemua responden memiliki tanah tapak rumah, namun begitu keluasannya adalah kecil. Didapati kebanyakan daripada mereka iaitu 77% mempunyai tapak rumah yang luasnya antara $\frac{3}{4}$ - 1 ekar. Biasanya tapak rumah ini dikaitkan dengan tempat kediaman. Didapati 80% dari tempat kediaman ini dipunyai oleh ketua rumah, manakala 12% dimiliki oleh isteri ketua keluarga dan 8% lagi dimiliki oleh ibubapa dan datuk ketua rumah.

Jenis harta yang kedua ialah kenderaan. Sebilangan besar daripada isi rumah itu memiliki basikal. Dari jadual di bawah didapati 40% daripada isi rumah memiliki kenderaan jenis ini. Di sini juga didapati ramai yang memiliki motosikal iaitu sebanyak 48%, manakala 12% lagi tidak mempunyai sebarang kenderaan.

4.1.6 Kegiatan Penyelesaian Padi

Jadual 9: Bilangan Isi Rumah Yang Memiliki Kenderaan

Jenis	Bil. Isi Rumah
Basikal	20
Motosikal	24
Kereta	-
Tidak Memiliki Kenderaan	6
Jumlah	50

Jenis harta yang ketiga yang dimiliki oleh komuniti petani ini ialah barang dalam rumah. Barang ini merupakan barang pengguna yang tahan lama (consumer durable goods) seperti peti televisyen dan radio. Radio adalah harta dalam rumah yang paling ramai sekali dimiliki. Manakala dari kajian, terdapat seramai 21 orang saja yang memiliki peti TV. Selalunya peti TV ini adalah tinggalan anak-anak mereka yang sudah bekerja dan berkahwin. Apabila mereka berpindah dari rumah ibubapa masing-masing, mereka selalunya tidak akan membawa bersama-sama mereka peti TV tersebut, kerana

pada anggapan mereka ianya menyusahkan, tambahan pula kebanyakannya dari peti TV itu sudah lama usianya. Peti TV itu akan ditinggalkan kepada ibubapa masing-masing bagi membolehkan mereka dan anak-anak mereka yang lain melihatnya bila ada kelapangan.

4.1.6 Kegiatan Penanaman Padi

Di Kampung Bukit Abal sebelum diadakan projek pengairan di bawah penyelenggaraan KADA, secara kasar terdapat 2 jenis padi yang ditanam di kawasan ini, iaitu padi cedungan (wet padi) dan padi tugalan (dry padi). Padi tugalan ini tidak boleh disamakan dengan padi huma yang ditanam di lereng-lereng bukit. Padi cedungan memerlukan air secukupnya dari peringkat mencedung sehingga padi masak; tetapi sebaliknya padi tugalan dapat ditanam tanpa air.

Tetapi sekarang ini dengan adanya projek pengairan dan taliair-taliair yang disediakan oleh pihak KADA, hanya padi cedungan sahaja yang ditanam dan diusahakan oleh petani-petani di kampung ini.

(a) Penyediaan Tapak Semaian dan Benih

Penyediaan tapak semaian dijalankan lebih kurang dua bulan sebelum kawasan-kawasan sawah yang lain disediakan. Boleh dikatakan 100% daripada tapak semaian di kawasan ini diusahakan dengan menggunakan jentera pembajak. Biasanya kawasan di sekeliling tapak semaian itu dipagar bagi mengelak ternakan ayam dan itik memakan benih yang ditaburkan di situ.

Sesungguhnya penggunaan baja di peringkat ini kurang memuaskan. Pihak Jabatan Pertanian yang selalunya terdiri daripada Juruteknik Pertanian KADA (JTP), menasihat petani-petani supaya menabur baja jenis "ammonium phosphate" pada semaian mereka, iaitu sebanyak 2 lb bagi satu gantang benih atas kawasan seluas 500 kaki persegi. Sungguhpun kebanyakan daripada petani iaitu hampir 98% menggunakan baja semaian tetapi mereka tetap mengatakan bahawa kesuburan semaian yang dibaja dengan yang tidak adalah sama saja. Gambaran ini seolah-olah memperlihatkan ketidakyakinan mereka terhadap usaha pihak KADA untuk menyuburkan tanaman mereka.

Purata benih padi yang digunakan untuk tanah seluas seekar ialah 8 gantang dan jenis semaian yang digunakan ialah "semaian basah". Cara "semaian basah" ini disediakan ialah dengan merendam benih padi itu dalam air selama dua hari dan dua malam. Selepas itu benih tersebut disejat dan ditaburkan di tapak semaian yang telah disediakan. Benih ini dibiarkan tumbuh di tapak semaian selama lebih kurang 40 hari, sebelum ianya dicabut dan dicedung di tanah sawah yang lain. Tetapi dewasa ini amalan pertanian cara "tabur terus" amat berleluasa memandangkan ianya lebih cepat daripada cara menyediakan tapak semaian terlebih dahulu.

(b) Penyediaan Bendang

Sebelum wujudnya projek taliair, petani menggunakan tenaga haiwan untuk membajak sawah mereka. Tetapi dengan adanya tanaman padi

dua kali setahun, cara ini tidak lagi meluas kerana membajak dengan menggunakan tenaga haiwan akan mengambil masa yang lama. Ini akan melambatkan kerja para petani kerana mereka terpaksa mengikut jadual tanaman yang telah ditetapkan oleh pihak KADA kawasan. Jadi, untuk mengejar masa yang singkat itu, petani di kawasan ini akan menggunakan jentera pembajak untuk penyediaan sawah mereka.

Sungguhpun Pusat Kemajuan Peladang Cherang Rotan ada menyediakan jentera pembajak bagi keperluan para petaninya, namun begitu Pusat Kemajuan Peladang tidak dapat memenuhi permintaan ramai memandangkan peruntukannya adalah terhad. Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini, para petani akan mengupah orang-orang tertentu yang mempunyai jentera untuk membajak sawah mereka. Upah yang dikenakan adalah di antara \$70 - \$100 seekar, iaitu mengikut keadaan tanah dan jarak tanah tersebut dari jalan raya ataupun jalan kampung.

(c) Penggunaan Jentera Pembajak
Jadual 10: Penggunaan Jentera Pembajak

	Bil. Petani	Peratus (%)
Jentera Sendiri	4	8
Sewa	46	92
Jumlah	50	100

Dari 92% petani yang menyewa jentera pembajak ini, terdapat hanya 10% saja yang menyewanya dari pihak Pusat Kemajuan Peladang

Cherang Rotan. Rata-rata mereka beranggapan sungguhpun pihak Pusat Kemajuan Peladang menyediakan banyak kemudahan bagi ahlinya bagi penggunaan jentera pembajak ini seperti kemudahan kredit dan potongan harga bagi mereka yang cepat menjelaskan hutang mereka, namun begitu disebabkan oleh mereka terpaksa menunggu giliran untuk mendapatkan perkhidmatan jentera ini, maka kebanyakannya daripada para petani ini lebih gemar menyewanya dari orang tengah saja. Sungguhpun orang tengah memainkan peranan penting dalam proses penyediaan jentera pembajak, namun begitu hampir 72% daripada petani ini mengatakan betapa perlunya mempunyai jentera pembajak sendiri kerana ia memudahkan kerja penanaman dan dapat pula menjimatkan kos pertanian. Setengahnya pula tidak bersetuju dengan pendapat ini kerana bagi mereka tanah yang sempit itu adalah tidak ekonomik untuk diusahakan dengan jentera milik sendiri.

(c) Mencedung (Transplanting)

Apabila benih dicabut dari tapak semaian, ianya diikat dalam beberapa ikatan yang dipanggil "uting". Proses mencedung dijalankan pada hari yang sama dengan hari benih itu dicabut dari tapak semaian. Pada kebiasaan, petani mendapat pertolongan dari anak dan isteri dalam proses ini dan untuk tanah seluas seekar ia memakan masa selama dua minggu. Kerja ini melibatkan proses mencabut benih daripada tapak semaian dan mencedungnya di tanah yang telah disediakan.

(d) Membaja

Mengikut Pusat Kemajuan Peladang terdapat 3 peringkat dalam membaja: tetapi jikalau air di dalam sawah tidak mencukupi, maka akan berlaku masalah pada tanah. Ditetapkan 30% akhaja dengan patah yang

i. Peringkat I

Baja semaian (amorphus) ditabur di tapak semaian semasa menyedia "anak semai".

ii. Peringkat II

Membaja dengan baja campuran (Basal Pressing) ditabur di sawah 2 atau 3 hari sebelum dicedung dan bagi seekar ianya memerlukan 3 kampit baja.

iii. Peringkat III

Baja urea (prilled) atau "baja garam" ditabur di sawah bila padi menghijau. Antaranya ialah:

- $\frac{1}{3}$ kampit, iaitu 3 minggu selepas padi dicedung

- $\frac{2}{3}$ kampit, iaitu 3 minggu sebelum padi mengeluarkan bunga

Rasio yang telah ditetapkan ialah 1 kampit amorphus, 4 kampit baja tambahan dan 2 kampit baja urea untuk tiap-tiap satu ekar sawah padi.

(e) Merumput

Pada kebiasaananya merumput tidak dijalankan pada padi yang dicerung, tetapi jika air di dalam sawah tidak mencukupi, maka akan terdapat rumput yang tumbuh. Didapati 40% sahaja daripada petani yang merumput tanah sawah mereka. Cara merumput ialah sama ada dengan menggunakan sabit ataupun mencabutnya dengan tangan sahaja. Terdapat 2 orang petani daripada keseluruhan responden yang menggunakan racun untuk mematikan rumput di bendang mereka. Peratusan yang kecil dalam penggunaan racun di peringkat ini adalah disebabkan oleh keraguan yang timbul di kalangan mereka terhadap penggunaan racun rumput tersebut. Mereka beranggapan di sebalik hendak memati rumput, pada mereka yang musnah kelak.

(f) Menuai dan Merelai Padi

Di masa-masa lampau proses menuai itu dilakukan dengan menggunakan "ketam" dan padi direlai dari tangkainya dengan "menghentam" padi itu di suatu tempat yang telah tersedia bagi menadah padi yang relai itu. Tetapi sekarang, petani-petani lebih gemar menggunakan jentera penuai bagi merelai padi mereka memandangkan proses penuaian cara ini adalah lebih cepat. Sebelum padi ini dijual ataupun digunakan untuk keperluan harian, selalunya padi yang telah dituai itu akan disimpan di rumah-rumah petani sendiri ataupun di "rumah padi" yang dibina berdekatan dengan rumah petani itu.

4.1.7 Masalah-Masalah Dalam Pertanian

(a) Penyakit dan Musuh Padi

Kebanyakan daripada responden yang ditemui mengatakan masalah utama yang dihadapi oleh mereka ialah masalah penyakit dan musuh padi. Penyakit padi yang biasa ialah penyakit merah dan ulat padi. Penyakit merah ini adalah disebabkan oleh sejenis kuman atau virus yang dipanggil "bina hijau". Penyakit merah ini boleh merebak dengan cepat dan amat susah untuk dipulihkan kembali. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya penyakit merah ini merupakan penyakit padi yang merbahaya sekali. Padi yang terkena penyakit ini akan mengalami kekuningan pada daunnya dan tidak berapa lama kemudian ia bertukar menjadi merah. Seterusnya pokok padi itu akan terbantut pembesarannya dan padinya akan menjadi hampa, tidak berisi.

Di samping menghadapi masalah penyakit padi, didapati 100% daripada responden menghadapi masalah serangga perosak. Antara murid-murid padi itu termasuklah tikus, kesing dan burung. Dari pengakuan responden didapati kesing sentiasa merosakkan padi mereka dan adalah sukar bagi mereka untuk mengawal masalah kesing ini. Begitu juga dengan burung, biasanya para petani menghadapi ancaman dari burung ini pada waktu padi masak. Sungguhpun kesing dan burung itu merupakan masalah utama dalam penanaman padi, tapi ancaman yang dibawa oleh kedua-dua musuh ini tidaklah sehebat ancaman tikus. Ada sebilangan petani mengatakan perasaan kesal mereka kerana hasil padi mereka

tidak boleh diambil walau sedikitpun, lantaran dimakan oleh tikus-tikus ini.

Dalam menghadapi masalah tikus ini, didapati 22% daripada petani berusaha memusnahkan tikus-tikus ini dengan menggunakan racun, manakala yang selebihnya lagi itu akan membiarkan saja tikus-tikus tersebut memusnahkan padi mereka. Biasanya petani-petani boleh mendapatkan racun tikus daripada Pusat Kemajuan Peladang Cherang Rotan dengan percuma, tetapi apa yang menjadi masalahnya ialah para petani enggan menggunakan racun untuk membunuh tikus-tikus tersebut. Mereka mempercayai bahawa tikus itu adalah sejenis "jembalang" dan tidak boleh diganggu. Mereka berpendapat sawah padi adalah tempat kediaman tikus, oleh itu membunuh tikus secara meracun adalah satu kesalahan yang besar. Selain daripada itu, petani-petani tersebut juga percaya bahawa tikus itu dapat mengesan sesiapa saja yang mencaci mereka. Oleh itu segala perkakapan yang dituju kepada tikus mestilah secara elok dan tidak boleh secara sebarang saja.

Moshe dalam kajiannya di Filipina, melaporkan di antara jawapan yang diberi oleh petani apabila disoal mengapa mereka tidak meracun tikus, mereka menjawab:

"We don't kill rats here, because if we poison them, other rats might revenge them, so there will be no more, the only way to minimize rat infestation is to pray to God."

(1966: 65)

Selain daripada itu, usaha-usaha lain yang dilakukan oleh petani untuk menjauhkan tikus dari bendang mereka ialah dengan meletakkan duri dari daun nenas dengan kulit limau bali di antara pokok padi itu. Tapi apa yang dikesalkan sangat oleh petani ini ialah walaupun ternyata berbagai usaha dilakukan oleh mereka, termasuklah usaha bersama-sama berganding bahu menjalankan operasi membunuh tikus tersebut dengan pihak Pusat Kemajuan Peladang, namun begitu masalah tikus ini tetap berleluasa. Jadi, sebagai langkah terakhir mereka dalam menghadapi keadaan ini ialah dengan bersembahyang hajat dan menolak bala agar pada musim padi berikutnya masalah tikus tidak menjadi penghalang yang besar pada kegiatan pertanian mereka.

(b) Tanah Terbiar³

Masalah tanah terbiar merupakan satu masalah yang serius sejak dari dahulu lagi, malah ianya masih lagi wujud dan berleluasa di Kampung Bukit Abal ini. Sungguhpun kerajaan negeri dan syarikat swasta telah mengambil bahagian membangunkan sawah terbiar di Mukim Cherang Rotan dan Bendang Jerus, namun demikian usaha yang dilakukan ini tidak juga berjaya membenteras tanah tersebut dari terus menjadi rang.

³ Tanah terbiar yang terdapat di kawasan ini susah untuk dibangunkan semula memandangkan ianya telah terlalu lama tidak diusaha, terutamanya di Mukim Cherang Rotan. Huriahan lanjut tentang masalah tanah ini boleh dilihat dalam Latihan Ilmiah W. Kadir W. Deraman, Kemiskinan Tanah Di Kalangan Petani, 1973/74.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan tanah-tanah terbiar begitu luas di negeri Kelantan amnya dan di Kampung Bukit Abal khususnya, terutamanya membabitkan sawah yang boleh menjadi punca pendapatan utama petani. Di antara sebab-sebab itu termasuklah ketiadaan infrastruktur atau persediaan infrastruktur yang tidak lengkap, kekurangan tenaga kerja, keadaan iklim termasuklah topografi serta tanah-tanah yang tidak sesuai, saiz ladang yang tidak ekonomik dan lain-lain lagi yang menyebabkan hasil yang diperolehi tidak sepadan dengan usaha yang dikerjakan itu.

Perkembangan pesat dalam perindustrian dan penawaran pendapatannya yang tinggi menyebabkan juga sektor pertanian ditinggalkan oleh para penduduk kampung. Ini menjadi masalah utama kerana mereka lebih pentingkan makan gaji daripada mengusahakan tanah yang boleh ditanam dengan pelbagai jenis tanaman. Akibat dari penghijrahan keluar penduduk dari kampung tersebut, maka sektor penanaman padi menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh. Didapati hanya tenaga tua saja yang tinggal, yang mana mereka ini tidak mampu untuk mengendalikan sawah padi tersebut secara cekap dan lebih baik lagi.

(c) Tanah Yang Tidak Ekonomik

Secara keseluruhannya para petani di Kampung Bukit Abal ini memiliki tanah padi yang di bawah saiz optima. Di Malaysia tanah padi yang kurang dari 5 ekar adalah termasuk dalam kategori saiz tanah yang tidak optima. Saiz optima ialah saiz tanah yang dikira

dapat menanggung kehidupan tiap saiz keluarga. Di Kampung Bukit Abal ini, kebanyakannya daripada para petani memiliki tanah padi yang keluasannya kurang daripada 2 ekar, dan tanah ini pula bukanlah kepunyaan mereka yang mutlak, sebaliknya mereka warisi tanah tersebut daripada ibubapa ataupun saudara mara mereka yang terdekat.

Dalam proses mengerjakan tanah yang tidak ekonomik ini, jentera tetap memainkan peranannya yang penting. Petani-petani terpaksa mengupah orang-orang tengah yang memiliki jentera untuk membajak tanah mereka, walaupun ternyata kos pengeluaran mereka adalah tidak setimpal dengan hasil yang mereka perolehi. Seringkali kerugian berpihak kepada mereka kerang penghasilan yang sedikit itu tidak membolehkan mereka untuk menjelaskan upah tenggala dan juga hutang-hutang sampingan yang lainnya. Sekiranya tanah sawah yang mereka usahakan itu adalah luas dan sesuai pula untuk pertanian, kemungkinan besar mereka tidak akan berdepan dengan masalah ini.

Saiz tanah yang tidak ekonomik ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah sistem pewarisan yang membahagi-bahagikan tanah kepada anak dan saudara terdekat, di mana ini mendorong kepada berlakunya pemecahan tanah dan menjadikannya semakin sempit. Di samping itu sejak dari dulu lagi, masyarakat Melayu sememangnya mempunyai tanah sawah yang sempit memandangkan mereka mengerjakan tanah mengikut cara tradisional, iaitu dengan menggunakan teknologi mudah. Hasil padi yang diperolehi mereka juga tidak banyak, sekadar

untuk keperluan keluarga saja. Pemecahan tanah kepada lot-lot tanah menjadikan tanah yang diperolehi oleh generasi yang terkemudian adalah tidak ekonomik lagi untuk diusahakan.

(d) Masalah Kekurangan Air

Masalah kekurangan air merupakan salah satu daripada masalah penting dalam menjalankan aktiviti persawahan. Sungguhpun di kampung ini, pihak Pusat Kemajuan Peladang ada menyediakan kemudahan taliair, namun demikian masalah ini tetap juga wujud terutamanya di musim-musim kemarau. Dalam masalah penggunaan taliair, rasa tanggungjawab dan kerjasama yang erat di kalangan petani adalah perlu. Oleh itu petani di kawasan ini selalu diberi nasihat dan galakan oleh Ketua Kampung dan pihak Pusat Kemajuan Peladang supaya bekerjasama untuk melaksanakan pembahagian air yang sempurna dalam musim penanaman padi.

Apabila air hendak dilepaskan daripada parit besar, petani-petani terlebih dahulu akan diberitahu oleh pihak KADA ataupun Ketua Kampung. Tujuan diberitahu hal ini awal-awal lagi ialah supaya petani-petani dapat menyediakan "parit jari" di tepi bendang mereka. Dengan itu apabila air mengalir keluar daripada parit besar, air ini akan mengalir ke dalam sawah-sawah petani melalui "parit jari" tersebut.

Masalah kekurangan air yang timbul apabila terdapatnya keadaan tanah sawah para petani yang tidak sama ketinggiannya.

Bagi tanah yang tinggi dari aras air, ia akan menyebabkan tanah ini menjadi kering kerana kekurangan air, manakala tanah yang rendah pula akan mengalami masalah air bertakung pula. Bila keadaan ini terjadi, terutamanya apabila kekurangan air atau air tidak sampai semasa mencedung ataupun air masih banyak dalam bendang semasa padi hendak masak, maka keadaan ini akan menyebabkan berlakunya kelewatan dalam proses penanaman padi. Penanaman yang tidak mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Pusat Kemajuan Peladang, akan merumitkan kedua-dua pihak, baik di pihak petani ataupun pihak KADA sendiri, untuk mengwujudkan penghasilan padi yang baik lagi memuaskan.

4.2 Sosial

4.2.1 Pendidikan

Pendidikan memainkan peranan penting dalam mencorak kehidupan seseorang itu. Pendidikan dan pengalaman boleh mengajar seseorang itu menjadi lebih matang, dinamik, dan tabah berusaha untuk mengubah hidup mereka jika keadaan memerlukan demikian. Dengan kata lain, pendidikan seolah-olah mesin untuk menanamkan matlamat order baru ke dalam pemikiran manusia (Siegel, 1970). Pendidikan itu boleh didapati dan dipelajari dari berbagai sumber, iaitu sama ada melalui pelajaran formal seperti sekolah dan pelajaran tidak formal seperti dipelajari secara lisan ataupun pelajaran yang diperolehi secara disosialisasikan oleh keluarga. Media massa seperti akhbar, radio dan televisyen juga tidak kurang memainkan peranan penting dalam proses pendidikan.

Di Kampung Bukit Abal ini, terdapat dua jenis pendidikan yang dipelajari oleh penduduknya iaitu pendidikan sekular dan pendidikan agama. Pendidikan sekular itu merupakan pendidikan yang lebih berorientasikan keduniaan dan sekolah merupakan contoh yang baik kepada pendidikan sekular ini. Sekolah merupakan alat kawalan sosial (social control) di samping menjadi tempat menyebarkan ilmu pengetahuan secara formal. Kebanyakan anak-anak penduduk di kampung ini dihantar untuk menerima pelajaran formal ini, di mana pada peringkat rendah iaitu dari Darjah Satu hingga Darjah Enam mereka akan dihantar untuk belajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Abal. Setelah tamat Darjah Enam mereka, anak penduduk di kampung ini menyambung pula pelajaran mereka di Sekolah Menengah Seri Maharaja.

Selain daripada pendidikan sekular, pendidikan agama juga tidak ketinggalan diterap ke dalam diri anak-anak mereka dan juga diri mereka untuk menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Malah boleh dikatakan hampir 100% para petani yang ditemui itu mengakui kepentingan pelajaran agama itu melebihi daripada pelajaran sekular. Mereka belajar agama di madrasah ataupun masjid yang terdapat di kampung mereka ataupun di sekitarnya seperti di Melor, Kubang Kerian dan Kampung Pek di Pasir Putih. Hari Jumaat merupakan hari kelepasan bagi mereka dan hari ini selalunya mereka peruntukan sebagai hari bagi mereka pergi ke tempat-tempat berkenaan untuk mendengar pengajaran agama seperti Ilmu Feqah, Ilmu Tauhid dan

sebagainya. Anak-anak mereka pula akan dihantar ke rumah-rumah "tok guru" untuk mengaji Al-Quran dan boleh dikatakan semua responden yang ditemui itu memberi pelajaran tidak formal ini kepada anak-anak mereka.

Jadual 11: Tahap Pendidikan Ketua Keluarga

Kategori Pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Tidak Sekolah	18	36
Darjah 1 - 3	22	44
Darjah 4 - 6	8	16
Tingkatan 1 - 3	2	4
Maktab	-	-
Jumlah	50	100

Dari jadual di atas, didapati sebanyak 32 ketua keluarga (64%) yang mendapat pendidikan, iaitu 44% yang bersekolah dari Darjah 1 hingga Darjah 3, 16% yang belajar dari Darjah 4 hingga Darjah 6 dan 4% lagi mendapat pendidikan sekolah menengah rendah. Manakala yang selebihnya iaitu sebanyak 36% tidak bersekolah dan kebanyakannya daripada mereka ini adalah buta huruf. Bagi yang mempunyai pendidikan peringkat sekolah rendah itu tidak semuanya dapat membaca dan menulis. Sungguhpun mereka ini mempunyai pendidikan formal pada peringkat permulaannya, tapi disebabkan oleh di masa lampau pendidikan

keagamaan lebih diutamakan daripada pendidikan sekular, ia mengakibatkan kebanyakan daripada mereka itu terpaksa memberhentikan pengajian mereka. Kadang-kadang ketidakmampuan keluarga disebabkan oleh kemiskinan juga menjadi faktor utama mengapa mereka tidak bersekolah atau terpaksa memberhentikan pengajian mereka.

Walau bagaimanapun, anak-anak responden ramai yang bersekolah tidak seperti setengah ibubapa mereka. Generasi ini sesungguhnya telah disediakan kemudahan pembelajaran oleh pihak kerajaan. Kemudahan-kemudahan seperti bantuan buku teks, tenaga pengajar terlatih dan bantuan biasiswa telah menyebabkan peratusan mereka yang bersekolah adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan ibubapa masing-masing. Jika peratus responden yang tidak bersekolah itu adalah sebanyak 36%, tapi bagi anak-anak responden, yang tidak bersekolah itu cuma 5% saja.

Dari sini jelas ia menunjukkan kepada kita bahawa kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat kampung itu tidak menghalang mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Kesedaran yang lahir dalam diri kebanyakan mereka tentang peri mustahaknya pelajaran sebagai "tiket" kepada kebahagiaan hidup, menyebabkan mereka berusaha sedaya upaya untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Rata-rata daripada mereka tidak mahu anak-anak mereka mengikut jejak mereka menjadi seorang petani, tapi sebaliknya mereka lebih suka jikalau anak-anak mereka bekerja makan gaji ataupun menjawat sebarang

pekerjaan lain yang lebih baik daripada kerja yang sedang mereka usahakan. Ini bersetujuan dengan apa yang dikatakan oleh Rosemary

Firth iaitu:
"Pelajaran ialah kunci kepada perubahan sosial dan perubahan diri individu. Meningkatkan taraf ekonomi individu, seringkali menyebabkan geraklaku individu turut berubah."

(1963: 207)

Jadi memandangkan hasrat yang tinggi untuk melihat anak kelihatan lebih berjaya mengarungi jalanan menuju masa dan karang mereka berjaya di masa depan, maka tidak hairanlah sekiranya para kanak-kanak petani ini tidak ragu-ragu untuk menyekolahkan anak-anak mereka pada dasarnya mereka alat hilang, tidak lama-lama ia juga dapat ke tahap yang setinggi mungkin. Walaupun ternyata ini di luar memberi banyak pengalaman dan peralihan yang baik, mereka mempunyai kemampuan mereka dan memerlukan pula banyak pengorbanan baik masa, dan golongan muda yang mendukung ataupun menontonnya. Tapi tidak ataupun tenaga.

Jadual 12: Jenis Sekolah dan Bilangan Murid

Jenis Sekolah	Lelaki	Perempuan
Sekolah Menengah	33	42
Sekolah Rendah	34	44
Kelas Tadika	6	5
Jumlah	73	91

Dari jadual di atas didapati kanak-kanak perempuan yang bersekolah menengah dan rendah itu lebih ramai daripada kanak-kanak

lelaki, di mana jumlahnya adalah 86 orang berbanding 67 orang bagi kanak-kanak lelaki. Manakala yang menduduki kelas tadika ialah seramai 6 orang bagi kanak-kanak lelaki dan 5 orang pula bagi kanak-kanak perempuan.

4.2.2 Peranan Media Massa⁴

Media massa berperanan membentuk pemikiran yang kritis di kalangan masyarakat. Di Kampung Bukit Abal, media massa itu kelihatan lebih ketara mempengaruhi kalangan golongan muda dan kanak-kanak. Alat-alat media massa seperti radio dan televisyen, walaupun pada asasnya sebagai alat hiburan, secara tidak langsung ia juga dapat memberi banyak pengajaran dan pendidikan yang baik kepada kanak-kanak dan golongan muda yang mendengar ataupun menontonnya. Tapi tidak semua golongan belia di kampung ini menggunakan alat-alat media massa ini sebagai tempat mereka mendapatkan ilmu pengetahuan tapi sebaliknya peranan radio dan televisyen sebagai sumber hiburan semata-mata adalah lebih ketara.

Memandangkan kadar buta huruf yang tinggi di kalangan petani di kampung ini, maka tidak hairanlah sekiranya media massa seperti akbar dan majalah-majalah itu tidak mendapat tempat di kalangan

⁴ Tulisan tentang peranan media massa boleh dilihat dari H.M. Dahlan dalam Kemiskinan dan Kehidupan Golongan Berpendapatan Rendah, 1984. Juga Armand Mattelart dalam Massa Media, Ideologies and the Revolutionary Movement, New Jersey, 1974, m.s. 34 - 44.

mereka. Namun demikian anak-anak mereka yang merupakan generasi yang berpelajaran itu, nampaknya lebih gemar membaca akhbar dan majalah. Dengan membaca akhbar dan majalah ini, mereka mendapat lebih banyak pengetahuan yang berguna di samping ianya berperanan membentuk pemikiran yang lebih peka dan sensitif pada peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka. Sungguhpun begitu, lantaran kemiskinan hidup yang selalu mencengkam mereka, kebanyakan daripada anak-anak petani ini tidak berpeluang untuk membeli serta mendapatkan akhbar dan majalah-majalah ini. Dengan itu tidak hairanlah sekiranya mereka lebih gemar menjadikan radio dan televisyen itu sebagai sumber hiburan dan pengetahuan.

4.2.3 Interaksi Sosial

Interaksi sosial melibatkan perhubungan antara seseorang individu dengan individu lain di dalam sesuatu kelompok masyarakat. Golongan masyarakat luar bandar adalah sebagai "a group provided that its members cooperate at times in their interaction in order to attain some common goals." Mereka merupakan kumpulan yang saling bekerjasama untuk mencapai tujuan yang sama. Perasaan tolong-menolong dan saling bekerjasama seolah-olah sudah menjadi satu cara hidup kepada mereka.

Interaksi sosial juga boleh diertikan sebagai perhubungan yang melibatkan dua atau lebih individu, dua atau lebih kumpulan,

seperti yang dikatakan oleh Johnson:

"... a social relationship exists to extend that 2 or more individuals, or 3 or more groups or individuals and groups to any members of either, interact with one another."

(1970: 4)

Masyarakat desa memang dikenali sebagai masyarakat yang bersepadu dan mempunyai nilai-nilai tradisional yang begitu kuat seperti semangat bekerjasama, bergotong-royong dan tolong-menolong di antara satu sama lain. Peribahasa Melayu yang berbunyi: "Hidup sandar-menandar seperti aur dengan tebing" merupakan suatu idealisme dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional, khususnya masyarakat yang tinggal di luar bandar.

Interaksi sosial memainkan peranan penting dalam komuniti tani terutamanya perhubungan yang lahir akibat daripada penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi dan sosial. Perhubungan sosial yang dimanifestasikan melalui aktiviti gotong-royong merupakan salah satu interaksi sosial yang penting bagi komuniti tani ini. Gotong-royong satu aktiviti sosial yang selalunya dilakukan untuk kebajikan keseluruhan komuniti desa merupakan satu gambaran ciri-ciri masyarakat desa yang sering bekerjasama dan bantu membantu antara satu sama lain. Tenaga yang diberi kepada sesuatu kegiatan itu bukanlah untuk kepentingan diri sendiri tetapi untuk kepentingan bersama. Antara contoh aktiviti gotong-royong di Kampung Bukit Abal ini ialah seperti membersihkan

parit dan taliair untuk persawahan, menebas kawasan perkuburan, membina atau membaiki jambatan, membersihkan jalanraya, menolong seseorang yang memerlukan tenaga ramai seperti memindahkan rumah dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti yang dianggap sukarela ini, amatlah mengharapkan penyertaan semua ahli masyarakat dan sesungguhnya penyertaan ini dianggap sebagai bukti bahawa seseorang itu adalah ahli masyarakat yang masih memegang pada nilai-nilai tradisional dengan tidak mengenepikan kepentingan ramai. Sesiapa yang tidak mengambil bahagian akan dianggap sebagai "antisosial" serta tidak mahu "bermasyarakat" dengan ahli-ahli dalam komuniti kampung tersebut dan selalunya orang seperti ini tidak disukai oleh masyarakat kampung seluruhnya.

Tetapi dalam keadaan di mana masyarakat desa sedang mengalami proses transformasi, institusi gotong-royong ini tidak lagi popular seperti di masa dahulu. Modernisasi dan perubahan sosial telah menukar masyarakat itu daripada "community-oriented" kepada "individual-oriented". Kepentingan individu lebih diutamakan daripada kepentingan komuniti dan fenomena ini dengan sendirinya menjadikan aktiviti gotong-royong itu kurang popular jika dibandingkan dengan masa-masa lalu.

Dengan kesedaran inilah, maka pihak kerajaan yang disalurkan melalui KADA telah cuba menghidupkan semula institusi ini dengan memberikan nafas baru. Sesuatu aktiviti yang hendak dijalankan itu selalunya akan diberi bantuan oleh pihak kerajaan iaitu dengan memberi

sumbangan wang untuk membiayai pembinaan jambatan, membuat kolam ikan ataupun menanam sayur-sayuran secara beramai-ramai. Wang ini pada dasarnya digunakan untuk membeli alat-alat keperluan bagi sesuatu projek yang hendak dijalankan itu. Lebihan daripada perbelanjaan ini digunakan untuk membeli minuman dan makanan pekerja-pekerja, manakala lebihan daripadanya dibahagi-bahagikan kepada ahli-ahli yang mengambil bahagian dalam aktiviti bergotong-royong ini.

Apabila kita membincangkan aspek ekonomi, kita tidak harus lupa kepada satu institusi sosio-ekonomi yang pada satu masa dahulu sangat popular di kalangan masyarakat tani. Institusi ini ialah "berderau" atau di Negeri Sembilan disebut "seraya". Mokhzani (1973: 40), di dalam kajiannya bertajuk Credit and Malay Peasant memberi definisi berderau sebagai "an institutionalized form of exchange labour". Ini dilakukan secara bertimbang balik atau balas membalaik dalam menyelesaikan satu-satu aktiviti ekonomi, terutamanya dalam penanaman padi secara bertimbang balik.

Pada masa dahulu, sebahagian besar kerja menyediakan sawah, menanam padi dan menuai, dilakukan dengan cara berderau. Ini dengan mudah saja dapat diperaktikkan kerana semangat bekerjasama dan bersepakat itu masih begitu kukuh di kalangan masyarakat desa. Di samping itu, di masa dahulu juga tidak banyak perbezaan dari segi luas milik tanah sawah di antara mereka yang mengerjakan sawah. Jelaslah di sini bahawa institusi berderau adalah satu-satunya

institusi sosio-ekonomi yang dapat menyatukan komuniti tani dalam aktiviti penanaman padi.

Tetapi pada hari ini, institusi atau interaksi sosial cara ini tidak lagi diperaktikkan di Kampung Bukit Abal ini. Keadaan ini wujud disebabkan oleh semangat kerjasama antara orang-orang kampung sudah berkurangan. Kebanyakan penduduk kampung yang dikaji ini lebih suka menyelesaikan tugas mereka secara bersendirian atau dengan bantuan ahli keluarga saja. Tambahan pula tanah sawah yang sempit itu tidak ekonomik untuk dikerjakan oleh tenaga buruh yang ramai.

Perhubungan sosial penduduk di Kampung Bukit Abal ini juga dimanifestasikan melalui aktiviti sosialnya seperti dalam upacara menyambut satu-satu perayaan umpamanya upacara perkahwinan dan keagamaan. Perayaan satu-satu perkahwinan itu akan melahirkan nilai dan semangat kerjasama serta tolong-menolong di antara ahli-ahli dalam masyarakat kampung ini. Kalau dahulu dalam komuniti yang bersepadu dan "homogenous", hampir semua daripada ahli-ahli dalam sesebuah kampung akan menyumbang tenaga baik berupa material ataupun moral, bagi menjayakan majlis perkahwinan itu, namun begitu, pada hari ini keadaannya tidak lagi sedemikian rupa. Dalam majlis perkahwinan yang diadakan di kampung ini, hanya sebahagian kecil saja orang-orang kampung yang terlibat bagi persediaan untuk satu-satu majlis perkahwinan. Kebanyakan daripada mereka hanya datang

sebagai tamu jemputan dan pulang ke rumah masing-masing selepas menikmati hidangan yang disajikan.

4.2.4 Mobiliti Sosial dan Migrasi

Ketika membincarakan tentang mobiliti sosial, Mayer ada mengatakan:

"Most attempts to measure social mobility here employed occupational mobility or movement from one broad occupational group to another, as the principal index of social mobility. This procedure appears justifiable for 2 reasons; occupational status is closely related to amount and source of income, to education and to prestige and authority and occupational information is more precise and more available than other relevant date."

(1965: 69)

Dari kata-kata ini, jelaslah bahawa usaha-usaha untuk mengukur mobiliti sosial telah dipengaruhi oleh aspek pekerjaan di mana pergerakan dari satu kumpulan pekerjaan ke satu yang lain merupakan pengukur yang utama dalam mobiliti sosial. Status pekerjaan juga berhubung rapat dengan kadar pendapatan dan jenis pekerjaan, pelajaran, prestij dan kekuasaan.

Pelajaran merupakan faktor penting dalam mempengaruhi penduduk di Kampung Bukit Abal terhadap kedudukan ekonomi yang lebih baik. Penyaluran pelajaran sekular di kalangan penduduk-penduduk luar bandar telah berjaya menaikkan taraf penduduk kampung tersebut

terutamanya generasi muda, di mana kebanyakannya daripada mereka telah menyandang jawatan dalam sektor-sektor awam dan swasta. Peningkatan dalam taraf ekonomi telah menyebabkan kedudukan mereka dalam kelas sosial juga turut berubah. Sesungguhnya perubahan dalam kedudukan ekonomi dan kelas sosial yang berlaku di kalangan penduduk di desa ini telah mendorong wujudnya pergerakan geografi, di mana mereka yang beroleh kejayaan ini akan bermigrasi ke bandar-bandar utama sebagai memenuhi keperluan hidup mereka.

Pelajaran dan kelulusan bukan saja menjanjikan satu kelas sosial dan status yang baik di kalangan masyarakat desa, malah pelajaran juga telah berupaya mendorong golongan muda untuk bermigrasi ke bandar-bandar. Mereka keluar dari kampung mereka semata-mata untuk mendapatkan ilmu pengetahuan sama ada di pusat-pusat pengajian di dalam mahupun di luar negeri. Semasa kajian ini dilakukan terdapat seramai 6 orang anak-anak responden yang dapat melanjutkan pelajaran mereka ke universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Kejayaan ini bukan saja merupakan kejayaan kepada anak-anak petani itu, malah ia juga merupakan kejayaan bagi semua penduduk di kampung tersebut.

Di samping anak-anak muda bermigrasi ke bandar untuk mencari pekerjaan dan mendapatkan ilmu pengetahuan, ada juga di kalangan mereka yang akan bertumpu ke bandar semata-mata untuk mendapatkan hiburan dan keseronokan. Apabila persoalan ini di-

kemukakan kepada para petani, kebanyakannya daripada mereka tidak menyetujui pangkah yang sedemikian. Pada anggapan mereka, adalah lebih baik anak-anak muda tersebut terus menetap di desa dan mengerjakan tanah sawah ibubapa dan kaum keluarga mereka. Bagi mereka, anak-anak muda yang keluar ke bandar-bandar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan bekerja di kilang-kilang lagikan boleh terlibat dengan gejala-gejala liar seperti dadah dan mencuri, inikan pula mereka yang berkunjung ke bandar semata-mata untuk mengejar keseronokan.

4.3 Politik

Manusia mempelajari mengenali politik dengan berbagai cara, iaitu melalui indoktrinasi, meniru, memerhati dan penglibatan langsung dalam dunia politik. Sosialisasi politik dapat dilihat dari dua sudut iaitu apa yang dipelajari secara langsung dan tidak langsung. Yang dipelajari secara langsung itu ialah individu itu diajar secara khusus akan soal-soal politik, sementara yang dipelajari secara tidak langsung pula merupakan pelajaran sampingan kepada individu itu. Seseorang itu mungkin diajar mengenali perkara-perkara yang berkait dengan politik melalui ajaran melalui ibubapa atau yang dipelajari melalui apa yang dilihat di persekitaran mereka. Pembelajaran secara ini akan menimbulkan "political self" di dalam diri individu tersebut. Keadaan ini digambarkan oleh Dawson seperti berikut:

"Political socialization processes operate at both the individual and community levels.

At the community level it is best understood as cultural transmission."

(1967: 17)

golongan yang lain.

"Political self" di kalangan petani di Kampung Bukit Abal timbul ekoran daripada apa yang dipelajari dan dilihat oleh mereka dalam kehidupan sehari-hari. Sungguhpun masyarakat tani di kampung ini adalah terdiri daripada satu kelompok etnik, satu budaya, satu agama dan satu cara hidup yang hampir homogeneous, namun begitu dalam hal politik wujud satu dikotomi sosial pada penduduk-penduduk di desa ini.

Kalau diperbandingkan dari aspek politik didapati bahawa masyarakat ini mempunyai satu variasi dalam budaya politik mereka. Apa yang dimaksud dengan budaya politik itu ialah sikap, kepercayaan, emosi dan nilai yang terdapat pada satu-satu masyarakat bersabit dengan sistem dan isu-isu politik.⁵ Oleh yang demikian kita dapat lihat walaupun dari segi sosial masyarakat ini menampakkan ciri-ciri yang hampir seragam, tetapi dalam soal politik dapat dikesan adanya kelainan fahaman dan penerimaan mereka. Selalunya sikap seseorang individu terhadap parti politik itu tidak dapat dikesan secara sedar, tapi ianya dapat dikesan secara implicit saja. Oleh kerana wujud perbezaan tentang sikap, kepercayaan, emosi dan nilai antara seorang individu dengan individu yang lain dan juga antara kelompok

⁵ Lihat Dawson and Pre Coitt, Political Socialization, Little Brown and Company, 1967, m.s. 17.

individu dengan kelompok individu yang lain, maka sudah tentu akan wujud perbezaan dalam fahaman politik antara satu golongan dengan golongan yang lain.

Di Kampung Bukit Abal ini terdapat dua fahaman kepartian di kalangan penduduk-penduduknya. Dua aliran kepartian yang wujud ialah antara UMNO dan PAS. Walaupun kedua-dua parti politik ini merupakan parti-parti yang memperjuangkan hasrat dan kemajuan untuk orang-orang Melayu tetapi perjuangan parti-parti politik tersebut adalah pada perspektif yang berlainan. Bagi penduduk-penduduk kawasan ini, perjuangan UMNO dan PAS serta matlamat-matlamat mereka merupakan dua dunia yang berasingan. Umpamanya UMNO lebih banyak menekankan fahaman kebangsaan, manakala PAS pula lebih memberatkan soal keislaman. Kelainan ideologi antara UMNO dan PAS merupakan punca utama menyebabkan berlakunya dikotomi dalam masyarakat ini kepada dua puak yakni penyokong-penyokong UMNO dan penyokong-penyokong PAS.

Jadual 13: Keanggotaan Dalam Parti Politik

Parti Politik	Bil. Responden
UMNO	19
PAS	20
Tidak menyokong mana-mana parti	5
Menyokong kedua-dua parti	6
Jumlah	50

Dari Jadual 13 didapati terdapat seramai 19 orang responden yang menyokong parti Barisan Nasional ataupun UMNO, manakala 20 orang (40%) lagi lebih cenderung kepada parti PAS. Sokongan di kalangan penduduk desa ini kepada dua parti yang berbeza itu telah mengwujudkan satu situasi pertentangan sama ada dalam bentuk nyata ataupun terpendam. Pertentangan antara dua golongan ini berlaku dalam satu kelompok masyarakat dengan tidak mengubah sama sekali struktur masyarakat tersebut dan ternyata konflik ini boleh membawa kepada permusuhan yang berpanjangan sekiranya sikap kata mengata dan maki hamun tidak dikikis dari dalam diri penyokong kedua-dua parti tersebut.

Sebenarnya pertentangan yang wujud dalam masyarakat desa ini ialah pertentangan ideologi saja. Penyokong-penyokong PAS menganggap bahawa UMNO sebagai salah satu rakan Perikatan tidak dapat memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu secara efektif kerana UMNO terpaksa juga memikirkan kepentingan kaum-kaum yang lain iaitu Cina dan India (MCA dan MIC). Faedah yang diperolehi daripada polisi-polisi UMNO untuk kemajuan rakyat jelata, khususnya orang-orang Melayu di desa boleh dikatakan tidak banyak jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk yang mendiami kawasan-kawasan urban di mana majoritinya dimonopoli oleh kaum Cina dan India. Mereka menegaskan bahawa hakikat ini haruslah disedari oleh penduduk-penduduk desa ini dan sokongan yang besar dari segi moral dan material haruslah diberi kepada parti PAS supaya penyelewengan UMNO terhadap

kepentingan orang-orang Melayu dapat dibasmikan.

Golongan yang menyokong PAS juga memperlihatkan sikap yang extrem dan tidak puas hati terhadap kerajaan Barisan Nasional. Oleh kerana parti PAS menekankan elemen kemelayuan, paling tidak pada "local level politic" sebagai salah satu daripada ideologi parti, maka dengan itu ia menyebabkan pengikut-pengikutnya mempunyai sikap prasangka terhadap kumpulan atau kelompok lain yang tidak sealiran dengan mereka khususnya orang-orang bukan Bumiputera. Mengikut Ratnam yang mengkaji politik dalam tahun 1950an:

"PMIP is an extreme Malay communal party which increases its support by arousing Malay fear of Chinese domination by advocating a policy of Malays for the Malays, and by channelling dissatisfaction with Alliance policies into a program for communal solidarity."

(1964: 538)

Bagi golongan ini, agama adalah perlu untuk kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Sedangkan pelajaran sekular ataupun duniawi itu adalah bermatlamat untuk kepentingan dan kebahagiaan di dunia semata-mata. Bagi golongan ini juga agama mesti dikaitkan dengan politik kerana agama dan politik merupakan dua bidang kehidupan yang mempunyai kepentingan dan matlamat yang saling kait-mengait antara satu sama lain.

Pendokong-pendokong yang mendokong ideologi UMNO pula adalah lebih 'moderate', liberal dan mempunyai sikap toleransi jika dibandingkan

dengan pendokong-pendokong parti PAS. Selain daripada mempunyai pandangan yang rasional, mereka juga berpendapat bahawa walaupun UMNO bersekutu dengan MCA dan MIC, namun sekiranya keadilan dalam pemerintahan itu dapat diwujudkan, maka permusuhan dapat dielakkan dan sudah tentulah peristiwa 13 Mei yang membawa kepada pertumpahan darah itu, tidak akan berulang lagi. Penyatuan seumpama ini dirasakan perlu memandangkan proses sejarah yang telah dilalui oleh negara kita, tambahan pula penyatuan ini tidak akan menjaskan perjuangan UMNO untuk melindungi kepentingan dan hak istimewa orang-orang Melayu. Bagi golongan ini, orang-orang Melayu tidak seharusnya bimbang tentang kedudukan mereka dari segi politik kerana kalau ditinjau susunan politik ataupun pemerintahan negara ini, nyatalah bahawa kekuasaan politik berada di tangan orang-orang Melayu. Era sedemikian dapat dilihat pada kedudukan ratio menteri-menteri Melayu dengan bukan Melayu dan juga bilangan wakil-wakil rakyat di Dewan Rakyat.

Golongan penyokong UMNO juga melihat PAS sebagai parti politik yang banyak menekankan sentimen keagamaan tidak boleh mentadbirkan pemerintahan negara ini dengan efektif. PAS harus menyedari hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, oleh itu pertimbangan yang wajar harus diberi kepada golongan-golongan lain yang terdiri daripada golongan bukan Melayu, supaya kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi dapat dinikmati bersama.

Secara hakiki boleh dikatakan bahawa kebanyakan masyarakat tani ini sama ada yang "literate" ataupun bukan, tidak faham dengan betul tentang manifesto parti yang diminati mereka. Tanggapan mereka terhadap manifesto parti itu sendiri adalah begitu kabur sekali. Apa yang mereka faham ialah bahawa PAS adalah parti politik Melayu tulin manakala UMNO pula merupakan parti yang terkuat dalam pemerintahan negara dan dasar-dasarnya adalah untuk faedah semua kaum. Wujudnya fenomena sedemikian mungkin disebabkan oleh kurangnya kesedaran politik dan juga wujudnya tanggapan di kalangan mereka bahawa berpolitik itu suatu "affair" yang bermusim dan ini membuatkan mereka mempunyai sikap "apathy" terhadap politik. Dari kajian yang dilakukan di Kampung Bukit Abal ini didapati ada seramai 5 orang responden yang mempunyai sikap sedemikian. Mereka ini terlalu "preoccupied" dengan masalah hidup dan mungkin tidak ada masa terluang untuk memikirkan soal-soal politik semasa.

Pertentangan ideologi antara PAS dan UMNO tidaklah membawa kepada konflik yang berupa fizikal, dalam erti kata lain ianya tidak membawa kepada pergaduhan antara penyokong-penyokong kedua-dua parti ini. Konflik ideologi ini dipendamkan dan hanya dimanifestasikan apabila wujud situasi-situasi tertentu. Ini bermakna bahawa fahaman kepartian ini mempunyai benih-benih dissensi dalam masyarakat ini sehingga dalam situasi-situasi tertentu dapat menjelaskan kehidupan sosial mereka. Manifestasi nyata yang memperlihatkan konflik sosial dapat dikesan dalam upacara-upacara kenduri kahwin, kenduri arwah

dan juga perayaan sosial yang dianjurkan oleh penyokong-penyokong parti tertentu.

Dalam soal ini, reaksi tentang secara senyap dapat dilihat jika diketahui ada penyokong parti tertentu mengadakan sesuatu kenduri. Jika kenduri kahwin diadakan oleh seorang penyokong UMNO, kemungkinan jemputannya kepada mereka yang berfahaman PAS tidak akan mendapat sambutan. Walaupun mereka tinggal dalam satu kawasan yang sama tapi oleh kerana kelainan fahaman maka kenduri tersebut akan mendapat boikot oleh puak yang bertentangan fahaman. Begitulah sebaliknya jika ahli PAS yang mengadakan kenduri tersebut. Ini memperlihatkan seolah-olah wujud tindakbalas yang reciprocal antara penyokong-penyokong PAS dan UMNO.

Perlakuan seperti ini adalah berlawanan dengan tradisi hidup masyarakat desa yang bekerjasama dan berbaik sangka, di mana jika ada sesuatu majlis kenduri, seluruh penduduk kampung akan datang beramai-ramai untuk menyerikan majlis tersebut dan memberikan kerjasama mereka dengan sewajarnya. Keadaan sosial yang memperlihatkan "solidarity mechanical" ini sudah bertukar menjadi "disorganised" lantaran adanya dissensi politik di kalangan komuniti tani ini. Akibat daripada "political behaviour" seumpama ini, maka berlakulah sikap penentangan, kata-mengata, maki-hamun dan sebagainya antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain. Faktor inilah menurut Dr. Afifuddin Hj. Omar (Jun 1973: 34) yang merupakan satu kelemahan

besar masyarakat tani Melayu pada hari ini sehingga perpecahan ini terbawa-bawa di dalam kehidupan ekonomi dan sosial mereka.

3.3 Perkembangan

Pada tahun-tahun 1960an dan 1970an dahulu, majoriti daripada para petani menggunakan cara tradisional dalam menjalankan aktiviti pertanian mereka. Antara kegiatan-kegiatan tradisional ini termasuklah membajak sawah dengan menggunakan kuda sebagai padi dengan menggunakan kuku kambing, penanaman benih menggunakan padi bujur dan sebagainya lagi.

Sepi kini, dengan berangsuran dan juga dengan akhirnya dilenggat dari kerajaan dalam menyediakan sistem pertanian di negara ini, maka perkembangan dalam bidang pertanian kian terserlah. Perkembangan hidung ini berterusan petani-petani telah menggunakan teknologi moden dalam pertanian sawah mereka, wujudnya sistem pengairan, penyelidikan pertanian sawah, sertifikasi sawah, subsidi bahan serta racun, malah berwacana mengenai kewaduhan yang dihadapi oleh kerajaan.

Moderasi secara ringkas sahaja perubahan yang menyeluruh ini menyebabkan kepada setu kesejahteraan bagi, juga disertai dengan penggunaan bantuan-bantuan pertanian baru dengan nama pengetahuan sains, dan teknologi. Perkembangan ini juga akan membantu kepada perlindungan sistem alam sekitar sejauhat itu. Perubahan dalam pertanian itu ter-

BAB V

PETANI DAN PEMODENAN

5.1 Pengenalan

Pada tahun-tahun 1960an dan 1970an dahulu, majoriti daripada para petani menggunakan cara tradisional dalam menjalankan aktiviti-aktiviti persawahan mereka. Antara kegiatan-kegiatan tradisional ini termasuklah membajak sawah dengan menggunakan kerbau, mengetam padi dengan menggunakan kuku kambing, penanaman hanya mengharapkan pada hujan dan sebagainya lagi.

Tapi kini, dengan peredaran masa dan juga dengan adanya inisiatif dari kerajaan dalam memajukan sistem pertanian di negara ini, maka pemodenan dalam bidang pertanian kian terserlah. Pemodenan dalam bidang ini termasuklah petani-petani telah menggunakan teknologi moden dalam mengerjakan sawah mereka, wujudnya sistem pengairan, penanaman padi dua kali setahun, subsidi baja serta racun, malah bermacam-macam lagi kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

Modenisasi secara ringkas adalah perubahan yang menyeluruh masyarakat kepada satu keadaan baru, juga disertai dengan penggunaan hasil-hasil penemuan baru dengan usaha pengetahuan sains, dan teknologi. Perubahan ini juga akan membawa kepada perubahan sistem nilai sesuatu masyarakat itu. Pemodenan dalam pertanian itu ter-

masuklah:

(a) Teknologi Moden

Teknologi moden dalam pertanian adalah berkait dengan penggunaan teknik-teknik baru dalam pengeluaran, pengurusan dan juga penggunaan jentera secara "labour intensive". Jentera, sama ada ianya digunakan untuk membajak atau untuk menuai merupakan contoh yang baik bagi teknik baru ini. Tempoh masa yang singkat untuk menyiapkan kerja-kerja persawahan di tiap-tiap peringkat telah menyebabkan petani menggunakan traktor untuk membajak sawah mereka. Dari kajian yang dijalankan, didapati keseluruhan responden yang ditemui itu telah mengatakan bahawa mereka menggunakan traktor untuk membajak. Cuma seorang saja responden yang mempunyai traktor sendiri. Menurut petani berkenaan, traktor itu dimilikinya dengan cara membuat pinjaman dari Bank Pertanian dan kini, beliau menggunakan traktor itu sebagai sumber pendapatan, iaitu dengan mengambil upah membajak tanah sawah petani di kampung ini.

Selain dari petani membajak dengan menggunakan traktor, petani juga menjalankan aktiviti menuai sawah mereka dengan menggunakan jentera penuai padi ataupun dikenali dengan nama "Combine harvester". Jentera ini dapat menuai padi dalam masa yang begitu singkat sekali jika dibandingkan dengan kerja-kerja penuaian yang biasa dilakukan.

Sungguhpun jentera pembajak itu begitu meluas penggunaannya di Kampung Bukit Abal ini, namun begitu didapati alat-alatan (implements) tradisional yang masih digunakan dalam kerja-kerja persawahan. Alat-alat ini termasuklah cangkul, tajak, sabit dan lain-lain lagi. Sebenarnya tidak ada perubahan yang dibuat dalam tiap-tiap tahap kerja sawah kecuali penukaran dalam kerja membajak, yang dulunya menggunakan kerbau, dan kini diganti dengan penggunaan traktor. Kerja-kerja membetulkan batas-batas sawah dan menabur semai masih dibuat seperti dulu juga, iaitu dengan menggunakan alat-alat tradisional.

(b) Penggunaan Baja dan Racun

Penggunaan teknologi moden ini, tidak saja diertikan dengan menggunakan jentera-jentera moden saji, tetapi termasuk juga penggunaan racun serangga, baja kimia dan juga benih-benih padi yang bermutu tinggi. Hari ini didapati sudah tidak ada lagi para petani yang menggunakan tahi lembu dan kerbau sebagai baja padi, malah para petani sudah tahu menggunakan beberapa jenis baja yang telah dibekalkan oleh pihak KADA kepada mereka, seperti baja urea, amorphus dan juga baja-baja pokok. Ternyata jenis baja yang digunakan oleh para petani di sini menunjukkan keseragaman walaupun kadarnya adalah berbeza dari seorang pesawah dengan pesawah yang lain. Setengah dari mereka mengikut saja peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Pusat Kemajuan Peladang kawasan dan ada setengahnya pula mengikut

sukatan sendiri bagi mengurangkan perbelanjaan.

Bagi mengatasi masalah serangan serangga dan penyakit padi,

para petani menggunakan racun di mana kadar penggunaan racun-racun ini adalah berbeza mengikut keperluan. Serangan serangga, terutamanya kesing selalunya akan membimbangkan petani dan bagi mengatasi masalah ini petani menggunakan beberapa jenis racun serangga seperti Lebayacid, Gerathion, Thiodan 35 EC dan Thiodan 5G. Bagi membunuh tikus pula mereka menggunakan racun "phosphate" dan "Zinc synite" yang bertindak dengan begitu cepat sekali dalam menghapuskan tikus-tikus yang bermaharajalela di sawah-sawah mereka. Manakala jenis-jenis racun rumput yang biasa digunakan oleh petani di kawasan ini ialah "Rumputox" dan "Gremaxone".

(c) Penyesuaian Dengan Benih Padi Jangka Pendek

Dengan adanya penanaman padi dua kali setahun, para petani terpaksa menyesuaikan kerja-kerja persawahan mereka dalam jangka masa yang lebih pendek dari dahulu. Kesan dari penyesuaian ini, petani telah dapat menikmati hasil dari benih-benih padi yang baik mutunya seperti Mahsuri, Kadaria, Bahagia, Mat Candu dan Sekembang.

Sebenarnya dari pengenalan benih-benih padi baka baik (High Yielding Varieties) inilah kegiatan penanaman padi dua kali setahun dapat dijalankan dengan lebih baik lagi. Ini disebabkan tempoh masa matang padi tersebut adalah pendek dan mempunyai pula

daya tahan yang kuat dari serangan serangga serta penyakit, juga mempunyai penghasilan semulajadi yang tinggi (High Yielding Nature).

(d) Sistem Pengairan

Projek Pengairan Kemubu merupakan projek pengairan yang kedua besarnya di Malaysia selepas Projek Pengairan MADA yang terdapat di negeri Kedah. Terdapat sebanyak 45,000 keluarga tani yang tinggal di dalam kawasan pengairan ini; dengan jumlah keseluruhan penduduknya seramai lebih dari 300,000 orang. Sungguhpun begitu, tidak semua kawasan pertanian di negeri Kelantan ini mendapat kemudahan air hasil dari projek ini. Petani-petani bagi tempat yang yang di luar daripada kawasan ini masih tetap menjalankan aktiviti persawahan mereka walaupun dengan hanya bergantung kepada air hujan semata-mata.

Projek Pengairan Kemubu ini dibina merentangi satu kawasan tanah sawah yang luas. Oleh itu kesukaran untuk mengairi kesemua tanah sawah ini akan wujud sekiranya tidak diadakan saluran-saluran kecil ataupun parit-parit jari, di samping parit taliair yang disediakan oleh kerajaan dalam Projek Pengairan ini. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya Jabatan Parit dan Taliair juga turut berperanan memberi beberapa pam kepada petani bagi mengepam air masuk ke petak-petak sawah mereka dengan lebih mudah. Dengan adanya pembinaan saluran, parit-parit jari dan pam air ini, maka iaanya berupaya meringankan sedikit beban petani bersabit dengan

masalah kekurangan air ini.

Sistem pengairan yang terdapat di Kampung Bukit Abal ini adalah tidak begitu memuaskan kerana keadaan topografinya yang kurang baik. Keadaan tanahnya yang tinggi rendah itu telah menyebabkan tanah rendah yang berdekatan dengan terusan akan cepat mendapat air, manakala sawah-sawah yang jauh dari terusan akan lambat memperolehi air sebagaimana yang diperlukan. Sungguhpun pihak Jabatan Parit dan Talair ada memperuntukkan pam-pam air bagi penduduk yang menjalankan aktiviti persawahan di kampung ini, namun masalah air yang tidak sampai ke petak-petak sawah dan juga masalah kekurangan air ini terus berleluasa. Fenomena ini sudah tentu akan menyebabkan kerja-kerja persawahan akan terbengkalai dan para petani yang mengerjakan sawah masing-masing tidak dapat melaksanakan aktiviti pertanian mereka mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak KADA, lantaran kelambatan dalam proses pengairan.

(e) Organisasi Ekonomi

Terdapat berbagai jenis organisasi ekonomi¹ yang ditubuhkan dengan tujuan untuk memajukan lagi para penduduk desa dalam aktiviti

¹ Organisasi ekonomi ini termasuklah juga Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan juga Bank Pertanian. Huraian lanjut tentang peranan agensi ini boleh dilihat dalam Latihan Ilmiah Zadiyah Zainal, Gerakan Koperasi Peladang di Melaka, 1980/81 dan Latihan Ilmiah Junaidah Yahya, Masalah Perlaksanaan Kredit Pertanian Kepada Petani-Petani Kecil, Satu Kajian Khas Ke Atas Bank Pertanian Malaysia, 1975/76. Juga tulisan Lim Teck Ghee, Peasant and Their Agricultural Economy, m.s. 155 - 158.

pertanian mereka. Unit Pertubuhan Peladang merupakan agen yang terpenting dalam menyampaikan segala bentuk kemudahan dan bantuan dari pihak KADA dan Pusat Pertanian lainnya kepada para petani. Jawatankuasa Kecil Unit Peladang (JPUP) ditubuhkan pada peringkat kampung dan melancarkan kerja-kerja Persatuan Peladang di peringkat kawasan (PKP). Jawatankuasa Kecil Unit Peladang inilah yang bertindak sebagai orang tengah di antara Persatuan Peladang dengan para pesawah padi di desa-desa.

Para petani boleh menjadi ahli kepada Persatuan Peladang ini selagi mereka menetap di kawasan unit pertanian kecil, mereka dikehendaki membayar yuran tahunan sebanyak \$1.00 dan juga sekurang-kurangnya dapat membeli satu unit saham yang bernilai \$5.00 satu unit. Terdapat hampir 70% dari petani di Kampung Bukit Abal yang menjadi ahli Persatuan Peladang. Kebanyakan daripada mereka mengakui faedah dari menjadi ahli Persatuan Peladang memandangkan tujuan persatuan itu ditubuhkan adalah semata-mata untuk membantu dan memberi kesenangan kepada mereka.

Selain dari peranan yang dimainkan oleh Persatuan Peladang untuk meninggikan taraf hidup petani, Syarikat Kerjasama juga tidak ketinggalan dalam memberi nafas baru kepada penduduk desa ke arah kehidupan yang lebih sempurna. Syarikat Kerjasama ini berupaya memberi pinjaman berbentuk kewangan kepada ahlinya sekiranya mereka berada dalam kesusahan dan benar-benar memerlukan bantuan kewangan.

Untuk menjadi ahli kepada Syarikat Kerjasama ini, penduduk desa hendaklah membayar yuran masuk sebanyak \$2.00 dan yuran tahunan sebanyak \$35.00; sekurang-kurangnya sebagai saham. Terdapat seramai 5 orang responden sahaja yang menjadi ahli kepada Syarikat Kerjasama ini. Apabila ditanya kenapa mereka tidak menjadi ahli kepada Syarikat Kerjasama walhal ianya baik untuk mereka, rata-rata mereka memberi jawapan bahawa masalah ketiadaan wang untuk membayar yuran tahunanlah yang tidak mengizinkan mereka untuk menjadi ahli kepada syarikat tersebut.

Selain dari Unit Persatuan Peladang dan Syarikat Kerjasama, organisasi ekonomi yang bercorak pemasaran juga memainkan peranan penting kepada para petani. Contoh yang baik bagi organisasi ekonomi yang menyediakan kemudahan pemasaran ini ialah Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).² Di antara peranan yang dimainkan oleh LPN itu termasuklah:

- i. Memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani.
- ii. Memastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna.

² Peranan LPN dan keberkesanannya boleh dilihat dalam Latihan Ilmiah Wan Nor Aziah Wan Ibrahim, Peranan Agensi Kerajaan Dalam Pembangunan Ekonomi Petani, Kajian Kes KADA di Kampung Kedondong, 1985/86.

- iii. Memastikan bekalan beras yang cukup bagi mengatasi sebarang kemungkinan yang datang terutamanya dalam masa kecemasan.
- iv. Membuat syor kepada kerajaan mengenai polisi yang bermaksud untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras negara.

Sungguhpun LPN banyak menyediakan kemudahan pemasaran kepada para petani, namun begitu terdapat juga masalah yang wujud terutamanya di pihak petani itu sendiri. Bagi petani yang tinggal berjauhan dengan LPN, mereka merasa adalah lebih menguntungkan sekiranya padi mereka dijual kepada orang tengah sahaja. Ini disebabkan oleh kos pengangkutan yang terpaksa dibayar oleh mereka sekiranya mereka membawa padi mereka untuk dijual kepada LPN. Tambahan pula potongan terhadap harga padi adalah sama atau mungkin juga harganya lebih tinggi jika dijualkan kepada orang tengah eng daripada yang telah ditetapkan oleh pihak LPN.

5.2 Sikap Petani Terhadap Perubahan

Dalam kerajaan berusaha menyediakan berbagai kemudahan dan pembaharuan dalam pertanian, sememangnya ia akan melibatkan reaksi daripada petani, sebagai agen penerima perubahan. Jadi, dalam hal ini, sikap petani adalah penting dalam menghadapi masalah, akibat pelaksanaan perubahan yang dirancangkan dan dalam menerima

kemudahan (facilities) yang disediakan. Di sini, sikap itu dimaksudkan sebagai pandangan mereka ataupun tanggapan (perception) petani terhadap masalah dan kemudahan.

Dalam Bab IV, kita sudahpun melihat apakah masalah yang dihadapi oleh para petani di sini dan juga melihat reaksi mereka terhadap masalah-masalah tersebut, di mana masalah-masalah ini tidak semestinya dialami oleh semua petani di kawasan Rancangan Pertanian Kemubu. Tidak dapat dinafikan bahawa sebelum rancangan penanaman padi dua kali setahun pun, petani-petani di sini sudah menghadapi berbagai masalah dalam pertanian. Cuma, yang penting untuk ditekankan di sini ialah apakah masalah-masalah ini makin berkurangan ataupun makin bertambah.

Sebenarnya masalah-masalah yang dihadapi oleh petani dalam bidang pertanian mereka adalah terlalu banyak. Ini disebabkan oleh petani tidak betul-betul bersedia untuk menghadapi perubahan yang radikal dalam cara pertanian moden. Pada peringkat awal, cara moden diperkenalkan iaitu pada "phase" pertama menanam padi dua kali setahun dilancarkan pada awal tahun 1971. Pada masa ini para petani lebih banyak mengetahui tentang projek ini dari berita-berita akhbar dan radio, dari diterangkan sendiri oleh pihak perancang, iaitu pihak KADA dan Jabatan Pertanian Negeri. Kekurangan penerangan mengenai pembaharuan ini menyebabkan petani tidak betul-betul serius dalam kerja mereka dan penyertaan mereka dalam "phase" pertama menanam padi

luar musim pada tahun 1971 sebagai sambil lewa saja.

Tetapi menjelang akhir tahun 1970, perubahan cara menanam padi dari yang tradisional kepada yang moden dengan menggunakan jentera dan lain-lain cara saintifik, sebagai satu perubahan dalam "national environment", (Quy E. Swoms, hal. 23) telah menyebabkan petani mula mengorak langkah ke arah menerima pembaharuan ini lantaran ianya telah membawa hasil. Pada peringkat ini, petani telah mulai sedar bahawa segala perubahan yang dilakukan oleh kerajaan itu adalah semata-mata untuk kemajuan dan meninggikan taraf hidup mereka.

Sungguhpun kebanyakan daripada responden yang ditemui tidak menafikan kebaikan projek yang dijalankan oleh kerajaan, namun begitu disebabkan oleh masalah yang dihadapi oleh mereka dalam pertanian itu adalah berbagai, maka fenomena ini sudah tentu akan melahirkan sikap yang berbagai juga dari petani dalam menghadapi masalah tersebut.

Dari kajian yang dilakukan di Kampung Bukit Abal ini, didapati bahawa sikap petani di kawasan ini boleh dibahagikan kepada tiga corak iaitu:³

(a) Sikap pasif dan berdiam diri

³ Pembahagian sikap petani kepada tiga corak ini adalah berdasarkan kepada kajian yang dilakukan di Kampung Bukit Abal ini. Huriahan lanjut tentang sikap petani ini boleh dilihat dalam Latihan Ilmiah Mat Yusof Abdullah, Masalah dan Kemudahan Pertanian Moden: Sikap Petani Dalam Menghadapinya Di Kampung Sala Kecil, Kota Setar, 1973, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

- (b) Sikap pasif dan meletakkan kesalahan pada pihak lain
- (c) Sikap aktif dan sanggup berusaha serta menerima pembaharuan

(a) Sikap Pasif dan Berdiam Diri

Golongan ini adalah terdiri daripada mereka yang menerima sesuatu itu sebagai satu keadaan yang mesti tanpa berusaha atau bercadang untuk mengatasinya. Mereka lebih banyak berserah pada nasib dan takdir Tuhan dalam menentukan corak hidup mereka. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya golongan ini tidak sanggup untuk menerima apa-apa pembaharuan yang dibawa oleh kerajaan terutamanya dalam bidang pertanian. Di Kampung Bukit Abal ini terdapat seramai 11 orang petani dari 50 orang jumlah responden, yang termasuk dalam golongan pasif ini.

Dari 11 orang responden ini, didapati terdapat 3 orang petani, apabila ditanya tentang bagaimana mereka mengatasi masalah kekurangan air di sawah-sawah mereka. Bagi mereka, air hujanlah jawapannya kerana mereka tidak mengharapkan sangat air yang dibekalkan oleh KADA kerana sawah milik mereka berada di kawasan tanah tinggi. Mereka ternyata tidak sedikitpun mahu berusaha untuk mengatasi masalah ini, umpamanya dengan membina parit jari ataupun menggunakan pam-pam yang disediakan oleh pihak KADA. Mereka lebih suka mengamalkan pertanian cara tradisional dan tidak mahu mencuba untuk menanam padi

dua kali setahun. Pada pandangan golongan ini, hasil yang diperolehi daripada penanaman padi sekali setahun adalah lebih baik daripada padi yang ditanam dua kali setahun. Oleh itu apalah gunanya mereka bersusah payah menerima perubahan dalam hidup mereka, seandainya perubahan dan pembaharuan yang dibawa oleh kerajaan itu belum tentu memberi hasil yang memuaskan kepada mereka.

(b) Sikap Pasif dan Meletakkan Kesalahan Pada Pihak Lain

Terdapat seramai 7 orang responden yang mempunyai sikap pasif, di mana mereka menerima segala pemodenan dan pembaharuan yang dibawa oleh kerajaan dalam bidang pertanian kerana mereka sedar segala kemajuan ini adalah untuk kebaikan mereka semata-mata. Tetapi apa yang menyebabkan golongan ini dianggap negatif dan pasif ialah apabila wujudnya masalah dalam bidang pertanian ataupun jikalau projek yang dilaksanakan oleh kerajaan itu tidak berjaya, maka mereka akan meletakkan kesalahan dan kegagalan rancangan tersebut di pihak kerajaan. Mereka langsung tidak mahu berusaha untuk mencari apakah punca yang menyebabkan sesuatu masalah itu wujud dan bagaimana pula mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut.

Bagi golongan ini, wujudnya masalah kekurangan air dan pembahagian subsidi baja yang tidak stabil di kalangan petani itu adalah kesan daripada pengendalian sistem pertanian yang tidak cekap di pihak KADA khasnya dan bagi pihak kerajaan amnya. Pada anggapan mereka, pegawai-pegawai pertanian ataupun Juruteknik-Juruteknik

Pertanian (JTP) adalah mereka yang hanya pandai mengarahkan itu dan ini saja, tanpa cuba menyelidik apakah kesan di sebalik rancangan mereka itu. Bagi golongan ini, suatu rancangan yang dianggap baik oleh pihak kerajaan itu, belum tentu ianya juga baik di pihak mereka. Walaupun terdapat wakil mereka dalam Mesyuarat Agung Persatuan Peladang Kawasan, namun begitu kebanyakannya daripada pendapat mereka tidak diterima kerana pemikiran orang kampung itu selalunya dianggap kolot dan tidak memberi apa-apa keuntungan. Kalaupun ada antara mereka yang dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Kecil Kampung (AJKK), biasanya mereka ini dipilih berdasarkan pengaruh yang ada pada mereka dan sejauhmana rapatnya mereka dengan pihak atasan, iaitu pegawai-pegawai pertanian.

Jadi memandangkan hal tersebutlah, maka menurut golongan ini, tidak hairanlah sekiranya banyak berlaku penyelewengan di kalangan pihak yang berkuasa ini. Penyelewengan itu termasuklah menyalahgunakan subsidi baja padi dan lain-lain bantuan yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada mereka untuk dibahagi-bahagikan kepada para petani. Selalunya pihak Penghulu ataupun Ketua Kampung diberi kepercayaan untuk menjalankan tugas pembahagian ini dan terpulanglah kepada Penghulu tersebut selaku Ahli Jawatankuasa dalam Pusat Kemajuan Peladang Kawasan (PKP) ini untuk menentukan siapakah yang berhak mendapatkan subsidi tersebut. Selalunya semasa pembahagian ini, diskriminasi akan wujud disebabkan oleh berlainan aliran politik iaitu antara parti PAS dan UMNO. Bagi Penghulu ataupun Ketua Kampung

yang condong kepada UMNO itu, sudah tentu mereka akan mengutamakan petani yang berada dalam parti ini juga bagi mempastikan mereka mendapat baja yang diuntukkan oleh kerajaan.⁴ Hal ini sudah tentu akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pengikut-pengikut PAS, walaupun ternyata mereka juga berhak untuk memperolehi bantuan tersebut. Selalunya para pengikut PAS ini akan menyalahkan kerajaan kerana membiarkan hal sedemikian berlarutan. Apabila persoalan ini diajukan kepada pihak kerajaan, terutamanya KADA ternyata mereka tidak dapat berbuat apa-apa lantaran kuasa yang sebenar ke atas pembahagian subsidi itu adalah terletak dalam tangan Ahli Jawatankuasa Kecil Kampung ataupun Penghulu itu sendiri dan hal ini adalah di luar keupayaan mereka.

Selain dari yang dinyatakan di atas, golongan ini juga dikatakan pasif kerana kebanyakannya daripada mereka yang ditemubual, rata-rata masih lagi berpegang ataupun percaya pada amalan menanam padi secara tradisional. Penanaman padi secara tradisional ini ternyata mementingkan aspek pantang larang semasa dan sesudah mengerjakan tanah sawah. Di antara pantang larang yang diamalkan oleh segelintir petani di kampung ini pada masa dahulu ialah pada waktu mula-mula mengetam, mereka akan mengambil 3 tangkai padi pada waktu pagi, tengahari dan petang hari. Padi-padi yang diambil ini

⁴ Lihat Shamsul A.B., From British To Bumiputra Rule (Local Politics and Rural Development in Peninsular Malaysia), 1986, m.s. 87 - 88.

akan disimpan di dalam jelapang padi bersama-sama dengan kelapa, pulut kuning, minyak masak, limau nipis dan juga pelita.⁵ Amalan ini dilakukan semata-mata untuk mengekalkan semangat padi agar ianya terus elok dan dapat pula menambahkan hasil padi pada tahun tersebut. Pada masa ini juga, para petani dilarang berjual beli, sehingga halah habis tempoh mengetam.

Tetapi sekarang ini, amalan yang sedemikian telah hampir pupus dan jarang sekali dipraktikkan lagi oleh petani-petani di kampung ini. Bagi golongan pasif ini, mereka berpendapat bahawa akibat tidak percayakan pantang larang yang diamalkan oleh generasi dahulu itulah yang menyebabkan tikus dan perosak tanaman semakin menjadi-jadi di sawah-sawah mereka. Tikus bagi golongan ini dibaratkan jembalang yang menyerupai sesuatu makhluk. Oleh itu adalah menjadi satu kesalahan sekiranya kita memaki hamun tikus-tikus tersebut ataupun membuat bising pada waktu petang hari, kerana bimbang tikus-tikus itu akan terus memusnahkan tanaman mereka.

(c) Sikap Aktif dan Sanggup Berusaha Serta Menerima Pembaharuan

Mereka yang termasuk dalam golongan ini adalah mereka yang sanggup menerima segala masalah dalam pertanian terutamanya kesan dari pemodenan yang dibawa oleh kerajaan itu sebagai satu cabaran. Kebanyakan daripada responden yang ditemubual itu adalah termasuk dalam golongan

⁵ Amalan ini telah diceritakan oleh seorang petani yang menjadi responden pengkaji.

ini, iaitu hampir 74% daripada keseluruhan responden.

Golongan ini merupakan mereka yang berani mencuba sesuatu yang baru dan mempunyai pula inisiatif yang tinggi untuk memajukan diri mereka. Bagi kedua-dua golongan di atas, orang-orang ini dianggap sebagai tamak dan sudah mabuk dengan harta kekayaan, tetapi pada hakikatnya golongan inilah yang berjaya dalam meninggikan ekonominya. Mereka ternyata tidak percaya pada amalan dahulu kala dan tidak juga dapat menerima bahawa "Rezeki Secupak Takkan Menjadi Segantang". Bagi mereka, sekiranya tanah sawah yang dikerjakan itu sedikit, maka hasil yang diperolehi juga akan menjadi sedikit, demikian jugalah halnya sekiranya tanah sawah yang dikerjakan itu luas, maka hasil yang diperolehi sudah tentu akan menjadi banyak. Pokok pangkalnya usahalah yang akan menentukan segala-galanya.

Semasa kajian dijalankan, terdapat seorang responden yang boleh dijadikan sebagai contoh mereka yang termasuk dalam golongan ini. Responden ini dikenali dengan nama Hj. Majid dan beliau merupakan orang pertama yang berusaha untuk menanam semula padi di Kampung Bukit Abal Barat, ekoran daripada serangan tikus dan musuh-musuh padi yang lain suatu masa dahulu. Tanah yang ditanam itu adalah satu ekar dengan bantuan serta nasihat daripada Ahli Jawatankuasa Kecil Kampung dan juga pihak KADA. Walaupun tanah yang diusahakan oleh Hj. Majid ini sempit dan tidak ekonomik, tapi berkat kesungguhan dan sanggup menerima syor-syor yang diajukan oleh pihak KADA, ternyata tanaman tersebut

tidak diserang oleh tikus dan membawa hasil yang membanggakan.

Pada masa ini, kerajaan mahu supaya penduduk di bahagian barat kampung ini mengerjakan semula tanah mereka dan jangan dibiarkan ianya terus menjadi rang. Bagi membolehkan orang ramai mematuhi usul ini, maka pihak KADA mula mengenakan syarat, iaitu bagi siapa-siapa yang tidak mengerjakan tanah mereka dan membiarkan ianya menjadi rang, mereka akan dikenakan denda sebanyak \$50 seorang. Denda ini walaupun tidak begitu banyak, namun begitu ianya sudah cukup bagi menakutkan petani-petani di bahagian barat kampung ini untuk mengerjakan semula tanah sawah mereka. Jadi, bermula dari sinilah, maka para petani di kawasan ini mula menyedari kepentingan usaha kerajaan untuk memaju dan meninggikan taraf hidup mereka. Memandangkan hal ini, maka tidak hairanlah sekiranya terdapat ramai daripada penduduk di Kampung Bukit Abal ini termasuk dalam golongan mereka yang bersikap positif, yang sanggup berusaha dan menerima pemodenan yang dibawa oleh kerajaan dalam pertanian.

5.3 Faktor-Faktor Pembentukan Sikap Petani

Akibat dari kesan buruk yang dihadapi oleh petani dalam pertanian dan juga masalah-masalah yang wujud hasil pemodenan yang dibawa daripada kerajaan, serta kepincangan badan-badan pemaju untuk memberi kemudahan yang benar-benar berfaedah kepada petani, maka dengan ini tidak hairanlah sekiranya timbul sikap negatif dan pasif di kalangan para petani. Sikap negatif dan pasif yang dimaksudkan di sini ialah

sikap petani yang tidak mahu bekerjasama, tidak mahu menerima dan menggunakan kemudahan yang diperuntukkan kepada mereka dengan sepenuhnya serta tidak pula mempunyai inisiatif untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka dalam kehidupan perekonomian mereka.

Sikap sebegini bukanlah merupakan sikap mereka yang semula jadi, tetapi apa yang menyebabkan sikap ini wujud dalam diri mereka ialah kerana faktor-faktor sampingan yang mempengaruhi hidup mereka. Sikap ini walaupun ternyata tidak membawa kepada kegagalan rancangan pertanian moden, namun begitu ianya merupakan penghalang utama kepada kerajaan dalam menjayakan lagi projek mereka, di samping ianya akan melemahkan semangat para petani itu sendiri dalam berusaha untuk merubah hidup mereka ke arah yang lebih maju.

Jadi dalam bab ini, akan dipaparkan beberapa faktor yang menyebabkan pembentukan sikap petani yang sedemikian rupa. Haruslah diingatkan di sini bahawa bukanlah semua petani-petani di sini bersikap negatif seperti yang dinyatakan di atas. Jumlah golongan yang negatif dan pasif ini ternyata kecil saja jika dibandingkan dengan golongan yang positif, iaitu cuma 36% (18 orang) saja. Sungguhpun bilangan mereka ini tidak ramai, namun begitu sekiranya sikap yang diamalkan oleh golongan ini berleluasa, ia akan membawa kepada kesan yang tidak baik bukan saja kepada diri mereka sendiri tetapi juga kepada diri orang lain yang hidup dalam lingkungan mereka.

Salah satu kesan dari sikap mereka ini ialah ketidaksungguhan mereka dalam mengerjakan tanah sawah yang menjadi sumber perekonomian mereka.

Dalam hal ini, terdapat 3 faktor utama yang membawa kepada pembentukan sikap negatif dan pasif di kalangan para petani di Kampung Bukit Abal ini, iaitu:

- (a) Asas Pelajaran
- (b) Kesan Pimpinan Feudalisme
- (c) Kesan Psikologi dan Alam Sekeliling

Menurut Krech dan kawan-kawannya (1962: 181): "Attitudes develop in the process of want satisfaction". Sikap seseorang itu bercambah atau terbentuk adalah hasil dari proses ingin memuaskan kehendak mereka. Kalau ditinjau ketiga-tiga faktor yang diberikan di atas, maka dapatlah dikatakan bahawa kesemua faktor-faktor tersebut berperanan dalam membentuk kehendak-kehendak individu. Selepas itu barulah kehendak-kehendak itu cuba dipuaskan. Setakat mana kepuasan itu tercapai adalah tergantung kepada taraf "tinggi-rendah"nya faktor-faktor penentu tersebut. Pencapaian kepuasan itulah yang membentuk sikap seseorang, sama ada ianya berbentuk positif ataupun negatif.

Sesungguhnya sejak turun-temurun lagi para petani di kampung ini mengerjakan sawah mereka secara tradisional. Kehidupan secara tradisi ini sudah tentu masih lagi melekat di fikiran petani ini

sekarang, yang terpaksa menerima perubahan dalam cara pertanian. Dalam setengah hal, kita tidak dapat menyalahkan petani-petani kerana sikap negatif yang ditunjukkan oleh mereka itu, kerana seperti yang telah dinyatakan bahawa sikap terbentuk dalam proses mencapai kepuasan. Jadi, lantaran ingin mencapai kepuasan inilah, maka petani berkenaan terpaksa bersikap sedemikian, sama ada sikap itu mereka manifestasikan secara sedar ataupun tidak. Misalnya dalam penggunaan traktor, tidak terdapat seorang petani pun yang membantah penggunaan traktor untuk membajak. Fenomena ini secara rasionalnya menunjukkan bahawa mereka boleh berfikir bahawa traktor ini lebih cepat membajak tanah sawah mereka daripada kerbau. Di samping itu petani-petani di sini juga menggunakan baja dan racun yang disyorkan oleh kerajaan.

Jadi, dari sikap mereka ini, maka tidaklah dapat dikatakan bahawa mereka menolak langkah pembaharuan. Tetapi apa yang ingin dipertikaikan di sini, ialah mengapa pula masih lagi wujud sikap negatif mereka terhadap badan-badan tertentu. Sesungguhnya keadaan ini lahir bukanlah disebabkan oleh sifat semulajadi mereka yang menentang pembaharuan, tetapi ianya disebabkan oleh petani ini kekurangan keterangan dan bukti-bukti yang jelas yang boleh membentuk sikap mereka ke arah yang lebih positif. Di samping itu pengaruh pelajaran, kesan psikologi, kesan alam sekeliling dan pengaruh pimpinan feudalisme juga memain peranan penting dalam menentukan sikap para petani ini terhadap pemodenan.

(a) Asas Pelajaran

Pelajaran memainkan peranan penting dalam menentukan pembentukan sikap petani dalam perekonomian, terutamanya di bidang pertanian. Dari kajian yang dilakukan ini, walaupun sebilangan besar daripada responden mendapat pelajaran, secara "rudimentary", namun begitu terdapat hampir 50% daripada responden ini mengaku yang mereka tidak boleh membaca dan menulis. Keadaan mereka yang buta huruf ini, sudah tentu akan menjadikan mereka tidak mengetahui sebarang perubahan ataupun pembaharuan yang dibuat oleh kerajaan, kerana selalunya pihak kerajaan akan menggunakan media massa sebagai perantaraan bagi memperkenalkan projek-projek baru mereka.

Peri mustahaknya peranan "information" dalam pembentukan sikap dapat dilihat dari kata-kata Krech:

"Attitudes are not only developed in the service of wants; they are also shaped by the information to which the individual is exposed."

(1962: 186)

Disebabkan oleh asas pelajaran yang didapati oleh responden ini rendah, tidak memuaskan dan tidak berkesan, maka mereka sudah tentu akan ketinggalan dalam mendapatkan keterangan secara terus dari media massa. Sungguhpun majoriti daripada penduduk di kampung ini mempunyai radio di rumah masing-masing, namun begitu peratus mereka yang benar-benar menggunakannya untuk tujuan perekonomian, iaitu dengan mendengar

rancangan-rancangan yang berkaitan dengan pertanian dan kehidupan mereka sehari-hari adalah amat sedikit.

(b) Kesan Pimpinan Feudalisme

Ketika membincarakan soal pertanian Dr. Afifuddin Hj. Omar ada mengatakan bahawa:

"Masalah besar yang dihadapi di dalam pembangunan masyarakat tani Melayu sekarang ini ialah bagaimana menggabungkan pemikiran lama yang dipupuk turun-temurun mengenai bentuk pimpinan yang bercorak feudal. Pemikiran lama ini ialah seperti penerimaan bulat-bulat bahawa sikap pemimpin adalah menurut asal keturunan, kekayaan, kealiman dan kelakuan martabat."

(1973: 34)

Kenyataan di atas dibuat berdasarkan kajian yang dijalankan di seluruh kawasan Muda di Kedah, oleh pihak berkuasa MADA. Keadaan yang serupa juga didapati di kawasan kajian ini, di mana selalunya pemilihan ketua itu adalah berdasarkan kepada kedudukan dan status, umpamanya guru-guru agama seperti imam, bilal, khatib dan sebagainya. Kedudukan mereka yang teguh dan terjamin dalam masyarakat ini telah membolehkan mereka memegang beberapa jawatan penting dalam kampung tersebut. Sungguhpun mereka ini ternyata mempunyai kebolehan dalam memimpin, tetapi menyandang lebih dari satu jawatan dalam satu masa, menjadikan persatuan-persatuan yang diketuai oleh mereka itu tidak begitu berjalan lancar.

Lantaran adanya sikap begini dalam pemilihan ketua, iaitu berdasarkan keturunan, kekayaan, kealiman dan tingkahlaku yang baik, tanpa mementingkan kebolehan akademik, telah menyebabkan kurangnya kesempatan bagi pemimpin muda untuk memainkan peranan mereka yang aktif. Kalaupun ada tenaga belia yang bertanggungjawab sebagai pemimpin, hanyalah mereka yang menjadi pegawai kerajaan, seperti pegawai pertanian di Pertubuhan Peladang Kawasan Cherang Rotan dan pegawai-pegawai yang bertempat di Ibu Pejabatnya di Kota Bharu, yang cuma datang sekali-sekala saja ke kampung tersebut.

Ketiadaan peluang dan masa menjadikan pegawai-pegawai ini tidak berkesempatan untuk menyelenggarakan tugas mereka dengan sempurna. Oleh itu, adalah wajar sekiranya terdapat pemimpin muda yang progresif di kalangan petani itu sendiri, sebagai penggerak utama ke arah memajukan lagi bidang pertanian di kampung ini. Tetapi apa yang dikesalkan ialah pengaruh pemilihan pemimpin berdasarkan keturunan dan kedudukan dalam masyarakat ini, seolah-olah telah melempaskan terus hasrat golongan muda ini untuk membantu penduduk kampung mereka ke arah penghidupan yang lebih baik.

(1972: 34)

(c) Faktor Psikologi dan Alam Sekeliling

Faktor psikologi dan alam sekeliling merupakan salah satu daripada faktor yang penting dalam mempengaruhi sikap petani terhadap pemodenan. Dalam memperkatakan faktor ini, terdapat 3 ciri utama yang menjadi penentu kepada pembentukan sikap petani yang negatif

lagi pasif itu. Ciri-ciri itu termasuklah:

- i. Tradisi
- ii. Agama
- iii. Organisasi Ekonomi

Seperti yang dinyatakan di atas, faktor tradisi ini berupaya merubah sikap negatif para petani ini kepada sikap positif. seandainya perasaan mementingkan status serta keturunan dalam pemilihan pemimpin dan perasaan saling bermusuhan antara mereka yang diakibatkan oleh sikap yang ekstrim terhadap satu-satu parti itu, dapat dikikis dari dalam diri mereka. Selaras dengan faktor ini, Afifuddin Hj. Omar telah mengatakan bahawa:

"Satu daripada kelemahan besar masyarakat tani Melayu pada masa ini ialah tidak adanya perpaduan di dalam aspek ekonomi dan sosial. Masyarakat tani Melayu hanya berpadu atas nama bangsa Melayu dan agama Islam. Di luar dari dua garisan yang besar ini masyarakat Melayu adalah berpecah-belah. Masyarakat tani Melayu belum lagi mempunyai semangat kumpulan malah yang berleluasa ialah semangat individu dalam kegiatan ekonomi dan sosial..."

(1973: 34)

Semangat kumpulan yang dimaksudkan di sini ialah petani mengumpulkan semua tanah sawah mereka dan bekerja atas nama satu ladang, di mana tuan-tuan tanah diberi saham atas nilai sawahnya. Bagi pihak KADA, rancangan ini lebih dikenali dengan nama "Tanaman Cara Kelompok", di mana kerugian yang dialami oleh setiap orang itu tidak begitu

dirasai, sedangkan keuntungannya pula akan dibahagi-bahagikan menurut nilai saham masing-masing. Ternyata rancangan ini tidak begitu membawa hasil kerana bagi petani-petani di kawasan ini mereka lebih suka bekerja di atas tanah mereka sendiri serta menanggung keuntungan dan kerugian itu secara persendirian juga.

Keadaan ini bukanlah disebabkan oleh sikap petani itu yang tidak mahukan perubahan, tetapi apa yang nyatanya mereka bimbang akan wujudnya penyelewengan semasa pengendalian pertanian cara kumpulan ini dilakukan. Fenomena ini sesungguhnya menonjolkan sikap orang Melayu yang pada keseluruhannya sering memikirkan apa yang buruk yang akan berlaku ke atas mereka sebelum mereka mencuba sesuatu. (Mat Ali, Disember 1972). Walaupun kebenaran kenyataan ini dipersoalkan, namun begitu sifat begini sememangnya terdapat dalam mana-mana masyarakat Melayu yang tinggal di desa-desa. Sifat seumpama ini wujud mungkin disebabkan oleh kesan zaman tradisional, di mana mereka dari golongan bawahan selalu dikongkong dan dibezaikan dari golongan feudal. Mereka juga selalu dikenakan berbagai tekanan ataupun "sanction", yang membuatkan mereka selalu berhati-hati serta berwaspada dalam segala gerak langkah mereka. Mungkin pembawaan dari zaman silam inilah yang menyebabkan petani-petani sekarang lebih memikirkan akibat yang buruk sebelum membuat sesuatu.

Rata-rata petani yang dijadikan responden adalah mereka yang beragama Islam. Apa yang hendak ditegaskan di sini ialah

bukanlah agama itu sebagai faktor penghalang dalam melaksanakan pembaharuan dan pembentukan sikap negatif petani, tetapi yang dikesalkan ialah penyelewengan yang dilakukan oleh segelintir masyarakat tani itu sendiri, dengan menyalahafsirkan konsep-konsep agama. Golongan ini, yang diibaratkan "parasit" itu selalunya akan menggunakan konsep seperti "Dunia hanya untuk orang kafir", "Harta daki dunia", "Rezeki secupak takkan jadi segantang" dan sebagainya itu untuk melemahkan semangat masyarakat tani khasnya dan masyarakat desa amnya. Golongan yang dianggap sebagai musuh dalam selimut ini akan lebih-lebih lagi merosakkan fikiran para petani sekiranya mereka dibiarkan terus berleluasa dalam masyarakat.

Rasuk-kurja kampung di kawasan perkebunan bagi memudahkan pihak-pihak keluarga.

Bersungguh-sungguh mewujudkan kegiatan pertanian ini, para petani tidak boleh jauh dari berdepan dengan masalah-masalah yang berkaitan dengan aktiviti tersebut. Secara umumnya masalah ini menyebabkan masalah-masalah biasa yang dihadapi oleh petani seperti masalah kekurangan tanah kerja, masalah kekurangan air, masalah alih-alih tanah dan peralihan tanah, masalah pemadaman dan sebagainya. Dari segi masalah-masalah ini dapat diatasi dengan berkesan oleh para petani dengan bantuan dari agensi kerajaan seperti KADK dan Jabatan Perkhidmatan Negeri, namun begitu usaha yang giat dari petani-petani itu sendiri adalah perlu dalam meningkatkan lagi mutu penanaman mereka.

BAB VI

PENUTUP

Kajian yang dilakukan di Kampung Bukit Abal ini adalah menyentuh hal-hal yang bersangkutan dengan kegiatan pertanian yang dilakukan oleh penduduk di kampung ini. Tumpuan utama bidang pertanian ini diberi pada kegiatan penanaman padi sebagai aktiviti penanaman penting yang dilakukan oleh penduduk di sini. Selaras dengan masyarakat kampung ini sebagai satu masyarakat pertanian, maka tidak hairanlah sekiranya sumber pendapatan utama penduduk di sini berpunca dari kegiatan persawahan di samping melakukan kerja-kerja kampung di luar musim penanaman bagi menambahkan pendapatan keluarga.

Sesungguhnya dalam menjalankan kegiatan pertanian ini, para petani tidak dapat lari dari berdepan dengan masalah-masalah yang berkaitan dengan aktiviti tersebut. Secara umumnya masalah ini merupakan masalah-masalah biasa yang dihadapi oleh petani seperti masalah kekurangan tenaga kerja, masalah kekurangan air, masalah serangga perosak dan penyakit padi, masalah pemasaran dan sebagainya. Sungguhpun masalah-masalah ini dapat diatasi dengan berkesan oleh para petani dengan bantuan dari agensi kerajaan seperti KADA dan Jabatan Pertanian Negeri, namun begitu usaha yang gigih dari petani-petani itu sendiri adalah perlu dalam meningkatkan lagi mutu penanaman mereka.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meninggikan lagi taraf hidup petani, maka pada tahun 1972 telah ditubuhkan sebuah agensi pertanian yang dikenali dengan nama KADA. KADA dengan projek Pengairan Kemubunya telah membuka peluang kepada golongan petani untuk menanam padi dua kali setahun. Pihak Jabatan Parit dan Taliair juga turut memain peranan penting dalam soal pengairan tanah sawah. Ternyata objektif utama kerajaan dalam melaksanakan projek ini ialah untuk mempertingkatkan lagi taraf hidup petani-petani di dalam kawasan tersebut, melalui penambahan hasil keluaran dan pendapatan mereka. Sungguhpun rancangan penanaman padi dua kali setahun yang diperkenalkan oleh kerajaan itu tidak lagi mencapai kejayaan sepenuhnya, namun begitu ianya ternyata berupaya meninggikan hasil keluaran padi dan beras negara, di samping melipatgandakan lagi pendapatan petani dari masa sebelumnya.

Ekoran dari sinilah maka timbulnya kesedaran dari kalangan penduduk-penduduk luar bandar tentang kepentingan pembangunan pertanian itu kepada masyarakat tani. Walaupun ternyata pemodenan yang dibawa oleh kerajaan itu banyak menimbulkan masalah kepada para petani, namun begitu dengan adanya sikap ingin maju dalam diri setengah daripada masyarakat tani itu telah menyebabkan masalah-masalah ini dapat diatasi oleh mereka. Pemodenan dalam pertanian seperti penggunaan teknik-teknik moden dan juga sistem pengairan itu telah memberi semangat kepada petani-petani ini untuk bekerja dengan lebih keras lagi. Namun begitu, tidak kurang juga terdapat

mereka yang enggan menerima pembaharuan itu semata-mata kerana masih terikat dengan amalan tradisi. Sungguhpun golongan ini tidak ramai jumlahnya, tapi ternyata mereka mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat, terutamanya dalam memperdayakan pemikiran masyarakat tani supaya jangan terlalu sensitif dengan kemajuan dan pembaharuan yang dibawa oleh kerajaan.

Kemasukan pengaruh moden ini, ternyata telah berupaya merubah nilai dan membentuk sikap baru para pesawah padi di sini. Pengaruh moden inilah juga yang akan menolong pesawah-pesawah ini mencapai kejayaan dalam hidup mereka. Mereka akan lebih berusaha lagi dalam pekerjaan mereka dengan terdapatnya teknik-teknik moden ini. Oleh itu kejayaan akan senang diperolehi apabila nilai-nilai lama yang sepatutnya dibuang itu, telah mulai berkurangan di kalangan masyarakat luar bandar ini. Nilai-nilai yang berupa kepercayaan karut dan adat yang tidak mendatangkan faedah apabila dilenyapkan akan merubah sikap dan corak pemikiran seseorang itu ke arah penghidupan yang lebih menguntungkan.

Masyarakat di sini juga telah mula menggunakan alatan jentera dalam mengerjakan sawah mereka. Alatan jentera seperti traktor itu memainkan peranan penting dalam kegiatan penanaman padi kerana ia boleh mempercepatkan kerja membajak berkali ganda daripada menggunakan kerbau. Sikap berpuas hati dengan apa yang diperolehi tidak lagi menjadi amalan mereka, lantaran itu tidak hairanlah

sekiranya ramai di antara petani-petani ini turut mencari kerja-kerja sampingan bagi menambahkan lagi pendapatan mereka, selain dari penumpuan kepada kerja-kerja sawah semata-mata.

Keseluruhan kajian ini menyentuh tentang aspek ekonomi, sosial dan juga politik masyarakat tani di Kampung Bukit Abal ini. Aspek-aspek yang dianalisa dan dibincangkan itu telah dikaitkan dengan beberapa "variable" termasuklah pekerjaan, pendapatan, umur, taraf pendidikan yang diterima, pemilikan harta, kemudahan infrastruktur dan institusi kepimpinan yang wujud dalam masyarakat di kampung ini.

Dari aspek ekonomi, didapati hasil pendapatan yang diperolehi daripada mengerjakan sawah menggambarkan bahawa penduduk di kampung ini kebanyakannya hidup dalam keadaan miskin dan sederhana saja. Pendapatan mereka bolehlah dikatakan sebagai secukup hidup saja, itupun terpaksa berjimat cermat bagi mengelak dari kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Pendapatan sampingan juga tidak mencukupi memandangkan harga barang yang melambung naik dewasa ini. Jadi, untuk mengelak dari terus tersepit dengan masalah kewangan, maka mahu tidak mahu terpaksalah mereka berhutang, sama ada dari saudara mara ataupun tetangga.

Sungguhpun masalah hutang berhutang ini merupakan fenomena yang amat dikesalkan, namun begitu kebanyakan responden yang ditemui rata-rata mengatakan mereka selalu dihimpit oleh hutang. Mereka

terpaksa berhutang untuk perbelanjaan mengerjakan tanah sawah, perbelanjaan harian keluarga dan juga perbelanjaan persekolahan anak-anak. Manakala simpanan wang di kalangan penduduk kampung ini amat tidak menggalakkan. Pendapatan yang sedikit itu sudah tentu tidak menjanjikan lebihan. Oleh itu jarang sekali di antara mereka yang menyimpan wang kecuali beberapa orang saja, iaitu di kalangan tuan-tuan tanah. Mereka menyimpan dengan alasan untuk mengerjakan haji di Mekah dan juga untuk keperluan di masa kesempitan serta kecemasan.

Dari segi sosial pula, peranan pelajaran dalam merubah kedudukan seseorang itu nampak begitu ketara sekali. Kejayaan dalam bidang pelajaran memberi peluang kepada golongan ini untuk merasa hidup di luar dunia persawahan mereka dengan menyandang jawatan-jawatan penting dalam sektor-sektor awam dan juga swasta. Pengaruh pelajaran ini akan menyebabkan berlakunya mobiliti sosial dan migrasi dalam masyarakat tersebut. Perpindahan sebahagian anggota masyarakat ini keluar dari kawasan luar bandar, ternyata telah mencorakkan satu pemikiran dan unsur-unsur baru dalam diri mereka. Apabila kembali semula ke kampung asal mereka, mereka akan cuba mempraktikkan pengaruh baru ini dalam kehidupan masyarakat kampung mereka. Selalunya golongan ini lebih senang membentuk sikap petani ke arah penerima pemodenan bagi kemajuan hidup mereka, kerana golongan yang bermigrasi ini merupakan sebahagian daripada masyarakat itu sendiri. Tetapi golongan ini sukar untuk menjadi pemimpin lantaran pemilihan pemimpin di kampung

ini adalah berorientasikan pimpinan feudalisme, di mana pemimpin dipilih berdasarkan keturunan, kedudukan serta tingkah laku yang baik.

Interaksi sosial yang berlaku di kampung ini adalah rapat sekali. Dalam sebarang kerja, mereka sering berganding bahu dan tolong-menolong antara satu sama lain. Semangat gotong-royong masih tetap wujud di kalangan mereka di mana hal ini dapat dilihat di masa-masa kenduri kendara dan juga majlis-majlis keramaian. Interaksi mereka ini dirapatkan lagi dengan adanya berbagai persatuan dan pertubuhan seperti Persatuan Peladang, Syarikat Kerjasama, Syarikat Khairat Kematian dan sebagainya, di mana melalui organisasi seperti inilah sesuatu kelompok komuniti itu dapat disatukan.

Sungguhpun interaksi sosial itu dapat diwujudkan melalui penyertaan dalam persatuan-persatuan ini, namun begitu sambutan terhadap persatuan ini adalah tidak begitu menggalakkan. Fenomena ini wujud mungkin disebabkan oleh para petani tidak memahami dengan betul akan tujuan sebenar kerajaan dan mereka juga tidak mengetahui betapa pentingnya menganggotai sesuatu organisasi itu, kerana melalui cara ini sajalah baru mereka dapat berinteraksi dengan pihak perancang dan pembangunan pertanian. Tetapi apa yang dikesalkan ialah konflik dan ketegangan itu selalu saja wujud di antara pihak perancang dengan petani. Pihak perancang cuba melakukan apa yang baik untuk kemajuan petani, sebaliknya para petani pula lebih suka membuat sesuatu itu dengan cara mereka sendiri tanpa bantuan dan nasihat dari sesiapapun.

Sesungguhnya sikap sebeginilah yang amat susah hendak dikikis dari dalam diri para petani seluruhnya dan petani-petani di Kampung Bukit Abal ini khasnya.

Manakala dari aspek politik pula, kesedaran politik wujud di kampung ini ekoran daripada kemasukan unsur-unsur moden yang dibawa oleh mereka yang bermigrasi ke bandar-bandar dan juga melalui media massa. Kesedaran politik ini telah mengakibatkan perubahan dalam corak pemikiran mereka, sehingga ianya dapat mempengaruhi perubahan sikap mereka terhadap pemodenan yang dibawa oleh kerajaan dan badan-badan perancang. Mereka ternyata telah sedar tentang perlunya kemajuan dalam kehidupan manusia dan kepentingan politik sebagai satu cara memilih pemimpin untuk memandu mereka ke arah perpaduan dan mengwujudkan pula sebuah negara yang maju lagi aman. Sungguhpun kepentingan peranan politik dalam mengwujudkan masyarakat bersepadu tidak dapat dipertikaikan lagi, namun begitu dalam menentukan siapa yang berhak memimpin rakyat itu selalunya wujud pertelagahan di antara pihak-pihak tertentu. Di kalangan petani di Kampung Bukit Abal ini, pertelagahan politik hanya terjadi di waktu **kempen pilihanraya saja**. Apabila pilihanraya itu berakhir, konflik ini pun akan beransur-ansur pulih seperti sedia kala dan akan terjalin semulalah hubungan baik antara setiap anggota masyarakat itu.

Rumusan dan Saranan

Dari kajian yang dilakukan ini, kita telah dapat melihat dengan lebih dekat lagi bagaimana aktiviti pertanian itu dilakukan di Kampung Bukit Abal dan juga telah mengetahui apakah masalah-masalah yang timbul hasil dari pengaruh pemodenan yang dibawa oleh kerajaan. Ternyata unsur pemodenan ini telah mempengaruhi sikap petani dalam bidang perekonomian mereka. Walaupun mereka menerima kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bagi kesenangan dalam pertanian mereka, namun begitu mereka masih tetap juga berada di tahap kemiskinan. Wujudnya era sebegini mungkin disebabkan oleh kemudahan yang disediakan oleh badan-badan tertentu itu masih lagi belum mencukupi dan ia mungkin juga tidak sesuai dengan kehendak petani sebagai agen penerima perubahan.

Selaras dengan hal ini, di bawah ini dikemukakan beberapa kelemahan dan cadangan-cadangan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut dan juga bagi meninggikan lagi taraf hidup petani.

i. Mempergiatkan Usaha-Usaha Memberi Penerangan Kepada Petani Dengan Lebih Berkesan Lagi

Usaha-usaha pengembangan dan latihan yang terdapat dalam projek pertanian KADA, ternyata tidak mencukupi dan pelaksanaan usaha-usaha ini adalah terbatas. Walaupun pihak KADA melalui Pertubuhan Peladang Kawasan, Jabatan Pertanian dan Jabatan Penerangan melakukan teknik pengembangan melalui media massa seperti radio,

akhbar dan teknik penerangan kepada petani, tetapi teknik-teknik ternyata tidak begitu berkesan kerana petani masih lagi tidak faham tentang tujuan dan cara pelaksanaan pertanian pihak perancang ini. Bukti tentang ketidakfahaman terhadap projek kerajaan itu dapat dilihat daripada masalah-masalah yang wujud dalam bidang pertanian itu sendiri. Masalah-masalah ini adalah manifestasi dari ketidak-sediaan petani untuk menghadapi perubahan akibat kurangnya penerangan kepada mereka mengenai perkara ini.

Apa yang perlu dilakukan dalam usaha untuk menambahkan kefahaman petani terhadap pertanian moden ini ialah dengan mengadakan ceramah dan penerangan secara berkumpulan dengan lebih intensif lagi. Dirasakan adalah lebih baik sekiranya pihak agensi ini dapat meluangkan masa dan tenaga dengan mengadakan kaedah penerangan secara individu, di samping memberi kursus-kursus serta demonstrasi plot pertanian kepada para petani ini. Walaupun kaedah ini ternyata akan mengambil jangka masa yang panjang serta melibatkan banyak masa juga tenaga, tetapi ianya perlu dilakukan memandangkan perubahan sikap di kalangan petani adalah asas utama dalam mengwujudkan pembangunan pertanian.

ii. Menjalin Hubungan Baik Antara Petani dan Pegawai Pertanian

Supaya sesuatu program kerajaan itu dapat berjalan lancar, maka hubungan baik antara petani dengan pegawai pertanian itu adalah perlu diwujudkan. Kedua-dua pihak ini hendaklah sedar tentang peranan yang harus dimainkan oleh mereka, di samping mengenalpasti apakah yang

wajar mereka lakukan dalam menjayakan lagi projek pertanian tersebut.

Sikap bertolak ansur dan saling tolong-menolong dalam berbagai keadaan antara kedua pihak adalah penting dalam melahirkan masyarakat tani yang moden lagi progresif.

Berdasarkan kepada penulis, mereka boleh mengubah corak hidup dan

sektor per Bagi mengwujudkan sikap toleransi di kalangan para petani, maka rancangan seperti "revolusi mental" adalah perlu, di mana rancangan ini merupakan salah satu usaha yang dikaitkan dengan aspek sosial yang bertujuan untuk mengubah nilai, sikap dan pandangan orang-orang kampung khususnya. "Revolusi mental" ini wajar diwujudkan di kalangan petani ini supaya mereka meninggalkan ciri-ciri negatif dan bersedia menerima unsur-unsur positif yang lebih sesuai untuk perubahan menuju kepada pembangunan. Untuk menjayakan lagi "revolusi mental" ini, maka penentuan pengurus kawasan dan pegawai-pegawai pertanian hendaklah terdiri dari orang tempatan, kerana biasanya para petani itu akan lebih senang berhubungan dengan mereka yang dari kalangan mereka (their group), yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan mereka dari segi penggunaan bahasa dan juga adat istiadat.

Dalam surat ini, kita juga mewajah kompatikan bahawa plotten

Selaras dengan usaha kerajaan untuk merombak nilai-nilai hidup tradisional, maka petani-petani Melayu luar bandar perlulah didekah dengan pendidikan dan pembelajaran. Hanya dengan pelajaran saja dapat mengubah corak hidup petani kerana melalui pelajaran sajalah petani akan dapat pengetahuan yang luas, dan seandaikan mereka berkelulusan tinggi, maka tidaklah lagi mereka menumpukan

sepenuh masa di bidang pertanian yang memberikan pulangan hasil yang sedikit.

Kemahiran teknik terutamanya dalam bidang industri perlu disalurkan kepada petani agar mereka boleh mengubah corak hidup dan sektor pertanian kepada sektor industri bagi menjamin kehidupan mereka. Perkara ini walaupun agak lewat bagi setengah petani, namun nilai baru ini haruslah dipupuk pada generasi baru agar anak-anak mereka nanti, walaupun tetap menjadi petani, tetapi sekurang-kurangnya berupaya berperanan sebagai "petani moden". Langkah kerajaan hendak menerapkan para siswazah lepasan pusat-pusat pengajian tinggi supaya menerokai bidang pertanian ini adalah dialu-alukan, terutamanya dalam usaha kita untuk melahirkan "petani moden" yang diharap dapat menjadikan bidang pertanian ini satu bidang yang maju seganding dengan bidang ekonomi yang lain.

iii. Menjamin Sistem Pengurusan Yang Sesuai dan Lancar

Dalam kita berusaha untuk mengubah nilai lama yang terdapat dalam diri kaum tani, kita juga haruslah mempastikan bahawa sistem pengurusan yang dikendalikan oleh kerajaan melalui agensi pertaniannya itu, adalah sesuai dengan petani dan ia juga berjalan lancar.

Sistem pengurusan ini dapat dilicinkan dengan memperbanyak kelengkapan pertanian moden seperti pusat pengeringan, alat pengangkutan dan pembekalan air yang serentak serta tepat pula dengan jadual penanaman.

Pembekalan air yang serentak itu adalah perlu bagi mengelakkan timbulnya masalah kekurangan dan perebutan air di kalangan petani. Sekiranya pembekalan air adalah tepat mengikut masa yang telah ditentukan, maka para petani sudah tentu tidak akan teragak-agak untuk mengikut pula jadual penanaman yang telah ditetapkan oleh pihak KADA itu.

iv. Menggalakkan Tanaman Sampingan

Pada pendapat pengkaji, tanah sawah yang tidak boleh ditanam padi dua kali setahun atau tidak lagi sesuai dengan tanaman padi, patut diubah corak penanamannya kepada tanaman kontan ataupun tanaman kekal yang bersesuaian. Sekiranya tuan tanah (iaitu bagi petani-petani yang menyewa tanah pertaniannya dari orang lain) tetap mahukan tanam padi walaupun sekali setahun, maka tanaman tersebut bolehlah diteruskan penanamannya di luar musim. Manakala pada musim-musim lain tanah ini hendaklah diusahakan dengan tanaman sampingan bagi menambahkan pendapatan mereka.

Untuk itu dasar pertanian baru mestilah dijalankan dengan cara menggalak petani menanam tanaman sampingan atau mempelbagaikan jenis tanaman. Dengan cara ini, petani tidaklah terlalu bergantung kepada jenis pertanian yang sedia ada, misalnya dengan menggalak dan mengusahakan secara besar-besaran berbagai jenis tanaman seperti sayur-sayuran, bunga-bungaan dan juga penternakan ikan, ayam, itik serta lembu supaya pengimportan bahan-bahan ini oleh negara kita

dapat dikurangkan.

v. Menentukan Pembahagian Subsidi Dengan Sempurna

Salah satu faktor yang menyebabkan mengapa kemiskinan itu terus mencengkam penghidupan petani ialah tiadanya bantuan daripada kerajaan, terutamanya baja, walaupun ternyata bantuan tersebut adalah hak mereka. Dalam kawasan kajian ini, proses bantuan subsidi seperti baja, pembahagian tanah dan teknologi itu selalunya diperolehi oleh golongan berada, lantaran kedudukan sosial mereka yang lebih istimewa dan mereka juga merupakan penyokong parti kerajaan. Golongan ini lebih diutamakan berbanding dengan mereka dari golongan parti yang berlawanan dengan parti kerajaan.

Pada pendapat pengkaji, untuk menghindari dari hal ini berlaku dan untuk mempastikan bantuan subsidi itu diperolehi oleh semua petani, agensi kerajaan seperti KADA hendaklah mengambil alih pembahagian itu dari tangan Ahli Jawatankuasa Kecil Kampung iaitu Penghulu atau Ketua Kampung. Hal ini penting memandangkan petani di sini rata-rata kehidupannya miskin dan sekiranya mereka terus didiskriminasikan dalam pembahagian ini, maka tentulah mereka akan terus mengalami kesusahan. Dengan adanya bantuan dari kerajaan ini, sekurang-kurangnya ia dapat meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh mereka dan seboleh-bolehnya memberikan pula mereka semangat untuk terus meninggikan mutu penanaman padi mereka.

vi. Reformasi Tanah

Adalah satu kenyataan yang diketahui umum bahawa petani-petani mempunyai keluasan tanah yang tidak ekonomik untuk dikerjakan secara ""mechanisation". Oleh itu reformasi tanah dan reformasi terhadap institusi pertanian haruslah dilakukan bagi mengatasi masalah petani dari segi pemilikan tanah, cara milik, kredit dan pemasaran. Reformasi tanah bermaksud rombakan undang-undang yang berkaitan dengan hakmilik, penggunaan dan pengerjaan tanah. Ianya boleh dilakukan dengan cara kerajaan mengambil tanah dari tuan-tuan tanah yang kaya dengan membayar mereka pampasan. Tanah-tanah yang diambil balik itu dipecahkan kepada lot-lot kecil untuk dikerjakan oleh unit keluarga kecil atau diusahakan secara kolektif. Tanah-tanah yang dikerjakan itu juga mestilah diusahakan secara intensif supaya dapat mengecap faedah yang maksimum daripadanya. Di samping itu reformasi tanah ini juga dijangkakan dapat mengurangkan masalah tanah terbiar tanpa diusahakan sebarang pertanian. Sekiranya tanah terbiar itu dapat dilakukan dengan cara mengerjakannya secara bersama-sama, maka hasrat kerajaan ingin menambahkan keluaran padi dan beras negara tentu akan terlaksana.

vii. Membentuk Sebuah Syarikat Kerjasama Petani Bagi Seluruh Kawasan KADA

Apa yang ingin pengkaji sarankan di sini ialah supaya LPN sekarang (khasnya di kawasan KADA saja) ditukar corak pengendaliannya.

Kalau sekarang ianya adalah satu badan berkanun kerajaan yang lebih menekankan kepentingan pengeluaran negara, ia perlu diubah menjadi sebuah syarikat kerjasama, yang pada keseluruhannya dianggotai oleh petani-petani. Petani-petani tersebut boleh menjadi ahli syarikat kerjasama ini dengan membeli saham dan segala keuntungan akan dikembalikan kepada petani semula. Kalau keahliannya dimestikan, maka ini dengan sendirinya akan menghindarkan masalah pemerasan oleh orang-orang tengah, kerana petani akan menjual hasil mereka kepada syarikat yang mereka anggotai itu.

Kesimpulan

Dari kajian yang dilakukan di Kampung Bukit Abal ini, maka adalah nyata kepada kita bahawa penghidupan para petaninya masih lagi di tahap miskin. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa projek-projek yang dijalankan oleh kerajaan itu banyak membawa kemajuan kepada para petani, namun begitu faedah daripada rancangan ini cuma dinikmati oleh segelintir petani saja. Apa yang pasti majoriti petani di kawasan kajian ini tidak benar-benar merasai nikmat dari perubahan yang dibawa oleh kerajaan itu. Walaupun mereka dapat menambahkan hasil pendapatan mereka dari tahun ke tahun, tetapi secara tidak langsung hutang mereka juga turut bertambah.

Sekiranya masalah-masalah yang telah diutarakan ini tidak diatasi dengan segera oleh pihak kerajaan, maka rancangan pertanian

itu tidak akan memperolehi kejayaannya. Usaha dari satu pihak saja tidak akan mendatangkan hasil tanpa adanya sokongan moral daripada petani. Oleh itu hubungan dua hala antara petani dengan agensi-agensi kerajaan itu adalah penting dalam mengwujudkan masyarakat tani yang maju dan berpotensi. Di samping itu, saranan-saranan yang dinyatakan di atas itu diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu pihak-pihak berkenaan untuk merenung dan menilai semula dasar pertanian kita, supaya langkah yang wajar itu dapat diambil untuk faedah bersama.

Firth, R.
1953

Housekeeping Among The Malay Peasant,
University of London.

Firth, R.
1950

"The Peasantry of South-East Asia,"
International Affairs.

Sorid, J., William E. Kelly, A Dictionary of the Social Sciences,
1954
Holt Reinhart & Winston Publication.

Johnson, H.K.
1970

Sociology: A Systematic Introduction,
Allied Publishers Private Ltd.

Jones, G.N.
1969

Planned Organizational Change: A Study
in Change Dynamic, New York.

Krech, Crabbfield & Pallary, Individual in Society, Tokyo,
1962

Leng, N.
1963

Penerjemah Sosiologi Pembangunan Luar
Bandar, terjemahan Nordin, Faizal Hj. Yusoff,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mayer, Kelly & Buckley, Max, Class and Society, Random House Inc.,
1965

Moore, W.E.
1963

Social Change, Englewood Cliffs, New
Prentice-Hall, Inc.

BIBLIOGRAFI

A. Buku-Buku

- Bailey, K.
1975 Economic Development and Social Change,
 National History Press, New York.
- Ball, A.R.
1971 Modern Politics and Government, Mac Millan
 Press Limited, London.
- Beijer, G.
1965 "National Rural Man-Power" dalam
 Organization for Economic Cooperation
 and Development, Paris.
- Dawson and Pre Coitt,
1967 Political Socialization, Little Brown
 and Company.
- Firth, R.
1963 Housekeeping Among The Malay Peasant,
 University of London.
- Firth, R.
1950 "The Peasantry of South-East Asia,"
 International Affair.
- Gould, J., William & Kolb, A Dictionary of the Social Sciences,
1964 Tavistock Publication.
- Johnson, H.M.
1970 Sociology: A Systematic Introduction,
 Allied Publishers Private Ltd.
- Jones, G.N.
1969 Planned Organizational Change: A Study
 in Change Dynamic, New York.
- Krech, Crutchfield & Ballachey, Individual in Society, Tokyo.
1962
- Long, N.
1983 Pengenalan Sosiologi Pembangunan Luar
 Bandar, terjemahan Mohd. Fauzi Hj. Yaacob,
 Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mayer, K.B. & Buckley, W., Class and Society, Random House Inc.
1965
- Moore, W.E.
1963 Social Change, Englewood Cliffs, New
 Prentice-Hall, Inc.

- Mosher, A.T.
1966 Getting Agriculture Moving, Frederick
 A Praeger, New York.
- Ratnam, K.J.
1964 "Political Parties and Pressure Groups,"
 dalam Wang Gungwu (ed.) Malaysia,
 Frederick and Praeger, New York.
- Redfield, R.
1956 Peasant Society and Culture, Chicago:
 University of Chicago Press.
- Siegel, R.
1970 Learning About Politics, Random House,
 New York.
- Strauch, J.
1981 Chinese Village Politics in the Malaysia
 State, Harvard University Press, Cambridge,
 Massachusetts and London, England.
- Syed Husin Ali
1975 Malay Peasant Society and Leadership,
 Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Wan Hashim dan Lain-lain, Kaedah Penyelidikan Sosial, Dewan Bahasa
1980 dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Wan Hashim
1984 Petani dan Persoalan Agraria, Fajar Bakti,
 Kuala Lumpur.
- Wolf, E.
1966 Peasant, Prentice Hall.

B. Latihan Ilmiah dan Tesis

- Asriyah Abdullah
1980 Satu Kajian Sosiologi Tentang Penanam-
 Penanam Padi di Kampung Lubok Kawah,
 Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan
 Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- B.A.R. Mokhzani
1973 Credit in a Malay Peasant Economy, Tesis
 Ph.D., Universiti London.
- Fauzi Mustapha
1974 Aspek Sosial Dalam Rancangan Pengairan
 Kemubu, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi
 dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Hammed Noor Nordin,
1985

Kemiskinan Komuniti Melayu Luar Bandar:
Tinjauan Ke Atas Kampung Banggol Saman,
Pasir Puteh, Kelantan, Latihan Ilmiah,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mat Yusof Abdullah,
1973

Masalah Dan Kemudahan Pertanian Moden:
Sikap Petani Dalam Menghadapinya
Di Kampung Sala Kecil, Kota Setar,
Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi
dan Sosiologi, Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Rokiah Talib,
1978

Rancangan Tanah Sebagai Satu Strategi
Pembangunan, Satu Kajian Kes Ke Atas
Rancangan-Rancangan Tanah Negeri
Kelantan, Tesis Ph.D., Jabatan Antropologi
dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala
Lumpur.

Wan Nor Azian Wan Ibrahim, Peranan Agensi Kerajaan Dalam
1985
Pembangunan Ekonomi Petani: Kajian Kes
KADA Di Kampung Kedondong, Latihan Ilmiah,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

C. Seminar

Abu Asmera Hj. Mohamad, "Institut Penyelidikan Getah Malaysia"
1983
dalam Seminar Mengenai Kemiskinan
Di Alor Setar.

Abd. Wahid Hj. Azehari, "KADA dan Peranannya Di Bawah Projek
1979
Kelantan Utara" dalam Seminar Orientasi
Perlaksanaan Projek Pembangunan Luar
Bandar Kelantan Utara, Kota Bharu.

Arif Hussin
1980

"Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Tanah-Tanah Sawah Tidak Diusahaikan" dalam
Bengkel Pembangunan Tanah-Tanah Terbiar,
Serdang.

D. Laporan dan Makalah

Afifuddin Hj. Omar
Jun 1973

"Pimpinan Dalam Masyarakat Tani",
Dewan Masyarakat.

Mat Ali
Dis 1972

"Kenapa Melayu Mundur", Dewan Masyarakat.

Syed Husin Ali
Sept 1975

"Penumpuan Milik Tanah dan Kemiskinan
Di Kalangan Melayu Luar Bandar", Dewan
Masyarakat.

Kerajaan Malaysia
1981

Rancangan Malaysia Keempat, Percetakan
Kerajaan, Kuala Lumpur.

Laporan Kemajuan dan Belanjawan, Pusat Kemajuan Peladang Cherang
1984 & 1985 Rotan, Padang Pak Amat, Pasir Puteh.

Nota Taklimat Daerah Bukit Abal, Pejabat Penggawa Daerah Bukit
Abal, Pasir Puteh, Kelantan.

Laporan Bulanan KADA, 1985.